



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 11215]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 11234]**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 11235]**

**Anggaran Pembangunan, 1980—**

**Jawatankuasa (Hari Keempatbelas):**

**Maksud P. 37 [Ruangan 11236]**

**Maksud P. 51 [Ruangan 11244]**

**Maksud P. 52 dan P. 53 [Ruangan 11284]**

**Maksud P. 54 hingga P. 60 [Ruangan 11304]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—**

**Jawatankuasa (Hari Keempatbelas):**

**Jadual—**

**Maksud B. 37 [Ruangan 11236]**

**Maksud B. 51 [Ruangan 11244]**

**Maksud B. 52 dan B. 53 [Ruangan 11284]**

**Maksud B. 54 hingga B. 60 [Ruangan 11304]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING.
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI  
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngah.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 3hb Disember, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Hee Tien Lai.

**Tuan Sibat Miyut anak Tagong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

#### SIJIL SIMPANAN PREMIUM

**1. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan di bawah Sijil Premium Bank Simpanan Nasional, berapa banyak sijil-sijil premium telah dijual sejak rancangan ini dilancarkan 18 bulan dahulu; jumlah pemegang-pemegang sijil; adakah ada apa-apa rancangan hendak mengadakan cabutan yang kerap kali dan menambahkan lagi jumlah bonos kepada tiket-tiket yang menang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah Sijil Simpanan Premium yang telah dijual semenjak skim ini dilancarkan pada 1hb Januari 1978 sehingga 31hb Ogos 1979 ialah 1,736,582 yunit dan jumlah pemegang-pemegangnya ialah 132,099 orang. Bank Simpanan Nasional mengadakan 4 cabutan dalam tahun 1978 dengan jumlah bayaran bonosnya sebanyak \$400,000. Bank Simpanan Nasional sentiasa mengkaji kekerapan cabutan yang wajar diadakan dan pada tahun 1979 kekerapan cabutan telah ditambah

daripada 4 kali kepada 6 kali setahun dan jumlah bayaran bonos juga turut bertambah daripada \$400,000 kepada \$600,000 setahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran bonos saguhati berjumlah \$25 tiap-tiap satu juga diadakan. Tetapi jumlah bilangan bonos saguhati itu tidak tetap oleh sebab bilangannya diasaskan mengikut jumlah sijil yang telah dijual. Sukacita saya memaklumkan di Dewan ini bahawa kekerapan cabutan Sijil Simpanan Premium dan jumlah bilangan bonos saguhati dikaji dari masa ke semasa dan akan ditambah apabila difikirkan sesuai.

#### INSTITUSI PELABURAN KEBANGSAAN

**2. Tuan Oo Gin Sun** meminta Menteri Kewangan menyatakan bagi mencabar dan menyekat kekuatan ekonomi bangsa-bangsa asing yang masih menguasai aktiviti-aktiviti perkilangan kita, adakah beliau bercadang untuk mewujudkan satu cara Institusi-institusi Pelaburan Kebangsaan dan penyertaan-penyertaan perindustrian di mana sekalian warganegara Malaysia mendapat peluang mengambil peranan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan satu institusi Pelaburan Kebangsaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana dasar Kerajaan mengenai penyertaan rakyat Malaysia dalam sektor perkilangan telahpun ditetapkan sepertimana yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru berhubung dengan dasar hakmilik dalam sektor ekonomi moden. Ini akan dapat dijayakan dalam konteks ekonomi yang bertumbuh.

Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak bercadang menyekat pelaburan asing di dalam sektor perkilangan, malah Kerajaan akan berusaha

untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing jika ianya selaras dengan garis panduan pelaburan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Saya ingin juga menegaskan bahawa adalah tidak benar rakyat asing menguasai hakmilik aktiviti-aktiviti perkilangan kita sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sehingga 31hb Disember 1977, jumlah modal dibayar di sektor perkilangan berjumlah \$5.65 ribu juta. Dari jumlah tersebut 39.8% atau \$2.25 ribu juta merupakan pelaburan asing manakala 60.2% atau \$3.4 ribu juta adalah dimiliki oleh rakyat Malaysia. Mengikut Rancangan Jangka Panjang 20 tahun Kerajaan, peratusan modal milik asing akan turun kepada kadar 30% pada keseluruhannya. Dari angka-angka ini, jelaslah bahawa rakyat Malaysia memainkan peranan penting dalam sektor perindustrian. Saya yakin dengan adanya peluang-peluang untuk pelaburan swasta yang lebih besar dan menguntungkan untuk rakyat Malaysia hasil daripada perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat, maka adalah tidak perlu bagi Kerajaan menubuhkan suatu Institusi Pelaburan Kebangsaan pada masa ini.

### BAYARAN PENCEN PEKERJA JABATAN KERJARAYA NEGERI PULAU PINANG

3. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada dua orang pekerja buruh Jabatan Kerjaraya Negeri Pulau Pinang yang telah bersara semenjak tahun 1969 sehingga hari ini masih belum menerima wang persaraan mereka—Fail JPA/PEN/228/70-14 (3) bertarikh 6hb Februari 1979 ada kaitan. Jika sedar nyatakan bilakah agaknya masalah mereka dapat diatasi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar. Sebenarnya kelewatan membuat pembayaran faedah persaraan itu adalah melibatkan 5 orang pekerja dalam perkhidmatan Jabatan Kerjaraya Negeri Pulau Pinang dan bukannya 2 orang sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, setelah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan kertas-kertas pengiraan faedah pencen pekerja-pekerja, pembayaran faedah persaraan kepada mereka yang berkenaan kecuali bagi kes seorang daripada pekerja itu yang telah

meninggal dunia telahpun dibuat sewajarnya. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang mengambil tindakan untuk menyediakan segala kertas-kertas bagi faedah persaraan pekerja yang telah meninggal dunia itu serta tunggakan faedah-faedah persaraan kepada pekerja dan keluarganya.

Saya ingin menerangkan bahawa kelewatan untuk membayar faedah-faedah persaraan kepada pekerja-pekerja yang berkenaan itu adalah disebabkan dari masalah tertentu taraf jawatan yang dipegang oleh pekerja-pekerja itu yang didapati bukannya di antara jawatan-jawatan yang telah diisytiharkan sebagai berpencen terlebih dahulu. Kelulusan pengisytiharan jawatan-jawatan negeri itu sebagai jawatan berpencen hanya telah diperolehi pada 24hb September tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 4.

### MAJUIKAN—PERUNTUKAN KEPADA NEGERI-NEGERI

4. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah peruntukan kepada MAJUIKAN bagi tiap-tiap Negeri di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang diberi kepada MAJUIKAN di bawah Rancangan Malaysia Ketiga mengikut pecahan Negeri-negeri, adalah seperti berikut:

	Negeri	Jumlah Peruntukan
Perak	... ..	M\$13,388,851
Kedah	... ..	12,876,709
Perlis	... ..	2,655,231
Pulau Pinang	... ..	6,916,486
Selangor	... ..	12,367,003
Melaka	... ..	2,786,364
Negeri Sembilan	... ..	4,325,819
Johor	... ..	14,755,195
Pahang	... ..	11,132,918

Negeri	Jumlah Peruntukan
Kelantan ... ..	M\$12,513,791
Trengganu ... ..	36,533,708
Sarawak ... ..	16,705,925
Multi-state ... ..	4,170,000
<b>JUMLAH ... ..</b>	<b>151,128,000</b>

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan berapakah sehingga sekarang ini telah dibelanjakan.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan atau kemajuan perlaksanaan projek-projek di bawah MAJUIKAN bagi negeri-negeri pencapaiannya berbeza-beza tetapi sehingga hari ini anggarannya sudah melebihi daripada 60%.

#### PUASA/HARI RAYA—PENETAPAN TARIKH

**5. Tuan Lim Kiam Hoon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah cadangan penetapan tarikh awal puasa dan hari raya telah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Raja-raja Malaysia dan apakah keputusannya untuk kepentingan umat Islam di negara ini khususnya dan dunia Islam amnya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, penetapan tarikh mula berpuasa dan berhari raya di negara ini dibuat oleh Majlis Raja-raja iaitu dengan cara melihat anak bulan dan apa-apa keputusan yang dibuat olehnya mengenai perkara tersebut adalah muktamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 6.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

#### TEH CHENG POH—HUKUMAN GANTUNG MATI

**6. Tuan Lim Cho Hock** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperakukan

dalam kes-kes yang dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri "commutation" ke atas hukuman di mana penalti gantung mati dikurangkan kepada penjara seumur hidup memandang kepada hakikat Majlis Privy telah membenarkan rayuan yang dibuat dalam kes Teh Cheng Poh yang bermakna sehingga Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 diluluskan tahanan orang-orang sebelum Akta tersebut diluluskan adalah tidak sah.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat itu mengetahui, mengikut Perkara 42 Perlembagaan dan Seksyen 29 Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975, kuasa mengurangkan hukuman seseorang yang didapati bersalah atas tuduhan kesalahan keselamatan adalah terletak hanya kepada Yang di-Pertuan Agong. Baginda menjalankan kuasa itu atas nasihat Jumaah Pengampunan bagi Kes-kes Keselamatan. Tiap-tiap kes itu ditimbang mengikut merit masing-masing. Keputusan Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh itu tidak ada kaitan langsung dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

#### SETEM ATAS RESIT YANG DIKELUARKAN

**7. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa negara mengalami kerugian disebabkan penjual-penjual yang tidak mengeluarkan resit bersetem 10 sen apabila menjual barang yang berharga lebih dari \$25.00.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kejadian ini berlaku, tetapi kehilangan hasil daripadanya adalah sukar ditaksirkan.

Di bawah Ordinan Setem, sesiapa yang menerima wang lebih dari \$20 adalah dikehendaki mengeluarkan resit apabila diminta berbuat demikian oleh pemberi wang tersebut. Keengganan berbuat demikian atau kegagalan melekatkan setem ke atas resit yang dikeluarkan itu adalah suatu kesalahan yang boleh didenda sehingga \$100 di bawah Ordinan Setem. Sekiranya kesalahan ini sampai ke pengetahuan Pemungut Cukai

Setem, tindakan sewajarnya akan diambil. Orang ramai bolehlah membantu Kerajaan sekiranya ada penjual-penjual yang enggan melekatkan setem 10 sen di atas belian yang melebihi \$20/- dengan cara melaporkan kesalahan ini kepada Pemungut Cukai Setem supaya tindakan yang tegas boleh diambil dan seterusnya kejadian mengelak duti setem boleh direnti atau dikurangkan.

Adalah dimaklumkan bahawa pembayar boleh menunjukkan sesuatu resit yang tidak bersetem dengan bayaran nominal \$1/- dan resit tersebut boleh diterima sebagai kesaksian di dalam mahkamah.

Walau bagaimanapun, mungkin sesuai bagi saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa invoice-invoice dan bil-bil yang dikeluarkan oleh penjual-penjual adalah tidak tertakluk kepada peraturan resit bersetem.

#### PERUNDING KEWANGAN KERAJAAN

**8. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa kalikah Perunding Kewangan Kerajaan, Tun Tan Siew Sin telah dirundingkan oleh Kerajaan mengenai perkara-perkara ekonomi dan kewangan dengan memberikan butir-butir lanjut mengenai setiap perundingan tersebut dan berapakah gaji yang dibayar kepada Perunding Kewangan setiap bulan.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali perundingan dibuat dengan Perunding Kewangan, Y.A.B. Tun Tan Siew Sin tetapi bagi kepentingan negara maka tidaklah dihajati diberitahu Parlimen butir-butir lanjut mengenai setiap perundingan yang dibuat itu. Tetapi pada masanya, perundingan itu berkisar atas kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa, Perundingan Kewangan itu tidak dibayar gaji.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tun Tan Siew Sin adalah Pengerusi Sime Darby dan United Malacca yang ada banyak ladang-ladang kelapa sawit dan lain-lain, tidakkah Penasihat ini seorang conflict of interest jikalau Penasihat kepada Menteri Kewangan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui dia itu dilantik sebagai seorang Perunding dan

itu adalah tanggungjawab Kerajaan hendak menentukan sama ada nasihatnya diterima atau tidak.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sama ada selepas Y.A.B. Tun Tan Siew Sin dilantik sebagai Perunding Kewangan Kerajaan, Kerajaan pernah berunding dengan beliau tentang Budget yang dikemukakan dan juga sistem percukaian, dan adakah setiap kali satu-satu kadar cukai diubah, beliau dirunding khususnya mengenai estate duty.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, atas kepentingan negara, saya tidak akan memaklumkan sesuatu yang merupakan rahsia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, sebenarnya apakah tujuan utama bagi Kerajaan mahu melantik seorang Perunding Kewangan Kerajaan, adakah ini bermakna bahawa Menteri Kewangan kita masih hijau dalam pengurusan finance negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hijau ini dalam pengalaman perkelaminan sahaja (*Ketawa*).

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa pun yang mempunyai ilmu pengetahuan yang lengkap walau pun Kerajaan, ia bergantung kepada Perunding-perunding, Penasihat-penasihat, Pakar-pakar dalam semua lapangan, kerana kita menghadapi sistem ekonomi yang begitu kompleks.

#### PARIT DI TAMAN BAMBOO

**9. Tuan V. David** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa parit-parit di Taman Bamboo Jalan Ipoh telah tersumbat kerana tidak dibersihkan dan beberapa bahagian yang tertentu telah dipenuhi dengan tebu liar dan tanah yang dihanyutkan yang mana menyebabkan berlakunya banjir semasa hujan. Apakah tindakan yang beliau cadang melakukan untuk memperbaiki keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, parit-parit di Taman Bamboo yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah longkang tanah yang mengalir melalui Taman Bamboo. Longkang tanah ini panjangnya lebih kurang 65 rantai dan bermula dari rumah-rumah setinggan di belakang Taman Kok Lian melalui Taman Bamboo dan terus ke Sungai Batu di Batu 4, Jalan Ipoh.

Longkang ini dibersihkan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan. Berlakunya banjir di Taman Bamboo adalah disebabkan apabila hujan air dari Sungai Batu akan naik dan masuk ke dalam longkang yang berkenaan. Air dari longkang-longkang simen di Taman Bamboo juga akan mengalir masuk ke longkang tanah tersebut. Pengaliran air longkang tersebut tidak tersekat oleh tebu-tebu liar yang tumbuh di tebing longkang itu. Keadaan pengaliran air di longkang ini banyak bergantung kepada keadaan dan pengaliran air Sungai Batu. Rancangan bagi mendalamkan dan melebarkan Sungai Batu telahpun siap bagi dilaksanakan.

**Tuan V. David:** Adakah kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada masuk dalam Taman Bamboo, saya ingat tak ada, sebab bila kita tulis surat, mereka jawab macam-macam, mereka sendiri tidak tengok tetapi saya ada nampak. Saya ingat 2-3 tahun tidak ada dibersihkan longkang-longkang di kampung itu ataupun tidak dibersihkan sungai itu. Kalau boleh digunakan orang supaya bersihkan sungai itu, air boleh lalu dan tidak berlaku banjir lagi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen siasat dan ambil tindakan atas perkara ini?

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun mengarahkan supaya pihak Dewan Bandaraya melihatkan keadaan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Berhormat itu dan jika ada apa-apa masalah dengan keadaan sungai itu yang melibatkan banjir, maka mestilah diatasi. Setakat ini dari laporan yang telah saya terima untuk beberapa bulan yang lalu telahpun dijalankan kerja-kerja pembersihan dengan baik.

#### MAS—PENERBANGAN KE SARAWAK/SABAH

**10. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada MAS akan menambah bilangan penerbangan dan

mengurangkan harga tambang dalam Sarawak dan Sabah. Jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah diberikan pada 16hb November, 1979 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, iaitu mengenai penerbangan tambahan yang dicadangkan di Sabah dan Sarawak.

Mengenai harga tambang di Sabah dan Sarawak, pihak MAS tidak dapat menurunkan harga tambangnya oleh kerana harga minyak yang telah semakin naik, begitu juga kos perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dibayar oleh MAS.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ketika Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merasmikan penggunaan Airbus di Lapanganterbang Subang, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa tambang ke Sarawak dan Sabah dan juga dalam negeri Malaysia akan diturunkan bila pekhidmatan akan ditambah.

**Dr Goh Cheng Teik:** Saya minta ulangi soalan ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan saya, ketika Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta ulang lagikah atau minta notis minta ulang!

**Tuan Chan Teck Chan:** Ketika Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merasmikan penggunaan Airbus baru-baru ini di Lapanganterbang Subang, Yang Amat Berhormat ada mengumumkan bahawa tambang penerbangan MAS dalam negeri, khususnya ke Sarawak dan Sabah akan diturunkan memandangkan perkhidmatan boleh dinikmati oleh rakyat yang miskin.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan pada masa ini.

#### PENYELUDUPAN BARANG-BARANG DAGANGAN

**11. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan perbandingan kemajuan yang dicapai bagi tahun 1979 dalam

gerakan menghapuskan penyeludupan barang-barangan dagangan di negara ini dan nilai barang-barang seludupan yang telah dirampas dalam tahun ini.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, pembenterasan penyeludupan barang-barang di kawasan-kawasan Utara Semenanjung adalah baik dengan pembinaan pagar keselamatan di sempadan Kedah dan Perlis dengan Negeri Thai. Walau bagaimanapun, bagi kawasan Selatan Semenanjung Malaysia, penyeludupan masih berlaku khususnya melalui Stesyen Kastam Johor Bahru dan di perairan Selat Teberau. Namun demikian bilangan kakitangan Kastam telah ditambah bagi menjalankan pemeriksaan di Stesyen Kastam dengan lebih berkesan. Selain daripada itu pembelian alat-alat kelengkapan bagi Bahagian Pencegah Kastam di Johor Bahru sedang diuruskan untuk mempergiatkan serta memperkuatkan lagi rondaan darat dan juga laut di kawasan tersebut.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, nilai barang-barang yang dirampas dalam tahun 1978 berjumlah \$8,261,256.97 manakala bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini, jumlahnya ialah sebanyak \$6,400,274.91.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin!

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, soalan No. 12.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

#### ASEAN—JAWATANKUASA MENGENAI PELAJARAN

**12. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada sebuah Jawatankuasa ASEAN mengenai pelajaran boleh diadakan untuk menggalakkan perhubungan yang lebih rapat di antara pelajar-pelajar melalui pertukaran yang bebas serta juga memperuntukkan peluang-peluang pelajaran yang lebih untuk pelajar-pelajar yang berminat dan berkebolehan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk membentuk sebuah Jawatankuasa ASEAN mengenai

pelajaran bagi menggalakkan perhubungan yang lebih rapat di antara pelajar-pelajar melalui pertukaran yang bebas. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semangat kerjasama antara negara-negara ASEAN telahpun wujud dalam bidang pelajaran ini, umpamanya Kerajaan kita melalui Jabatan Perkhidmatan Awam ada menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar negara ASEAN yang lain belajar di institusi pelajaran tinggi dalam negara ini dalam berbagai bidang kursus. Di samping itu, pelajar-pelajar kita telah juga diberi biasiswa oleh negara-negara ASEAN yang lain untuk melanjutkan pelajaran di negara yang berkenaan.

Berkaitan dengan memperuntukkan peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar yang berminat dan berkebolehan dari negara-negara ASEAN ini adalah bergantung kepada tempat yang dapat disediakan. Memandangkan bilangan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia adalah terhad, maka keutamaan adalah diberi kepada warganegara Malaysia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Untuk memperkuatkan semangat ASEAN, adakah Malaysia akan mencadangkan bahawa sebuah atau dua buah universiti ASEAN ditubuhkan di Malaysia bagi semua pelajar-pelajar dari ahli-ahli anggota ASEAN dapatlah belajar di universiti ASEAN ini?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, tidak ada cadangan.

#### LIF RUMAH PANGSA SRI PAHANG

**13. Tuan V. David** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tentang lif-lif di Rumah Pangsa Sri Pahang, Bukit Bangsar seringkali rosak. Adakah beliau bercadang untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menggantikan lif-lif itu dan juga mengambil pengawal keselamatan untuk memastikan agar penghuni di Rumah Pangsa Sri Pahang dilindungi dari gangguan penagih dadah dan mereka-mereka yang tidak diingini.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya sedar tentang pentingnya perkhidmatan lif yang baik di Rumah Pangsa Sri Pahang. Setiap kali kerosakan-kerosakan terjadi, tindakan-tindakan diambil untuk membaikinya dengan

segera. Untuk membaiki perkhidmatan lif di situ, Dewan Bandaraya telah membuat satu perjanjian dengan syarikat yang membekalkan lif itu dengan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat supaya perkhidmatan pembaikan lif tersebut lebih cepat serta berkesan.

Pada masa ini Dewan Bandaraya belum lagi bercadang untuk mengambil tindakan menggantikan lif-lif tersebut kerana usia lif tersebut baru kira-kira 4½ tahun dan keadaannya masih tidak memerlukan penggantian dengan lif-lif baru. Demikian juga Dewan Bandaraya telah meminta kerjasama dari anggota-anggota Polis yang mempunyai cawangan di Rumah Pangsa tersebut dan juga badan-badan penduduk setempat, iaitu Rukun Tetangga dan Perhubungan Masyarakat memberi kerjasama dalam mengawal keselamatan bagi melindungi penghuni-penghuni Rumah Pangsa dari gangguan-gangguan, umpamanya penagih dadah ataupun mereka yang tidak diingini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa lif-lif yang sering rosak bukan sahaja berlaku di Rumah Pangsa Sri Pahang sahaja tetapi juga berlaku di Rumah Pangsa yang lain, iaitu misalnya Rumah Pangsa di Jalan Shaw, Jalan Loke Yew dan Rumah Pangsa di Jalan San Peng. Jika beliau sedar, saya suka bertanya samada pihak Dewan Bandaraya bercadang untuk melantik atendan-atendan lif untuk menjaga lif-lif itu.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawasanya lif-lif yang digunakan di rumah-rumah pangsa dalam Wilayah Persekutuan ini sering kali rosak dan sebagaimana yang telah saya katakan tadi tindakan bagi Rumah Pangsa Sri Pahang telahpun diambil dan tindakan yang sama telah juga diambil bagi lif-lif yang dipasang di rumah-rumah pangsa yang lain.

Berhubung dengan melantik atendan lif, ini belum lagi dipertimbangkan sama ada akan dilantik atau tidak dan jika sekiranya perlu, maka bolehlah dilantik.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bila Datuk Bandar melawat kawasan itu dia membuka kedua-dua lif di Flat Sri Pahang tetapi bila Datuk Bandar berlepas daripada tempat itu, satu lif ditutup dan satu sahaja

dibuka. Perkara ini bukan lama kerana malam hari Ahad saya melawat tempat itu dan saya nampak lif itu tak ada berjalan dan orang yang jaga (mekanik) lif itu pun hilang. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini bukan saya dengar tetapi saya ada nampak dengan terang, kalau Kerajaan tidak mahu ambil tindakan atau cari jalan macam mana, sama ada dengan memakai atendan dan jaga lif itu, barangkali beribu-ribu dan berjuta-juta ringgit hilang tiap-tiap tahun tetapi rakyat juga tidak puas hati. Ini bukan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak bercerita atau hendak bertanya (*Ketawa*). Cuba buat soalan tambahannya.

**Tuan V. David:** Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tolonglah jalankan kedua-dua lif ini ataupun melantik atendan yang boleh jaga lif dan boleh menyenangkan rakyat turun-naik ke flat-flat itu.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dua lif yang dimaksudkan itu berjalan tetapi mengapa tak berjalan di masa Ahli Yang Berhormat dari Damansara melawat ke kawasan itu, saya pun kurang pasti tetapi sebagaimana yang telah saya katakan adalah menjadi kewajipan Dewan Bandaraya memastikan lif yang dipasang dengan wang yang beribu-ribu ringgit itu mesti boleh berjalan untuk kemudahan penghuni-penghuni rumah pangsa dan inilah yang kita buat sekarang ini dan kita akan cari jalan yang lain, jika ada, untuk memperbaiki lagi perkhidmatan itu bagi kebajikan orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan yang ke 14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

#### WARTAWAN THE FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW—K. DAS

14. **Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa wartawan

majalah *The Far Eastern Economic Review*, Encik K. Das, diperintah keluar dari Negeri Sarawak oleh pihak imigresen pada 14-9-1979.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak berpendapat bahawa orang ini tidak dikehendaki berada negeri itu.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Adakah pihak kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merasai bahawa dengan pengharaman ataupun dengan perintah keluar yang dikeluarkan oleh Negeri Sarawak atas seorang wartawan itu akan merosakkan nama negara Malaysia di kalangan antarabangsa khususnya di kalangan wartawan-wartawan luar negeri dan sekiranya beliau rasa begitu, apakah tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian supaya kuasa tentang mengeluarkan perintah keluar dari negeri Sarawak diletakkan di tangan Kerajaan Pusat.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana dimaklum bahawa menurut peruntukan-peruntukan di bawah Inter-Government Committee maka kuasa penuh bagi memasuki atau mengeluarkan orang-orang daripada Sarawak itu adalah kuasa Kerajaan Negeri menurut Seksyen 65 (1) Akta Imigresen 59/63. Dengan itu Kerajaan Sarawak berkuasa berbuat demikian dan Kerajaan Pusat tidaklah dapat berbuat apa-apa melainkan peruntukan-peruntukan itu dapat dikaji semula.

**Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kepentingan negara lebih mustahak kepada negara kita daripada nama baik kita di antarabangsa. Jadi soalan saya sama ada beliau sedar juga bahawa di sebuah negara di rantau Asia baru-baru ini, seorang wartawan daripada suratkhbar yang sama iaitu *Far Eastern Economic Review* telahpun dihukum penjara selama setahun. Soalan tambahan saya sama ada Kerajaan Malaysia juga bercadang untuk mengambil satu tindakan yang lebih berkesan selain daripada menghalau mereka ini keluar daripada negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu di luar daripada soalan asal. Ini benda yang dimisalkan, belum sampai lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebabnya yang mengakibatkan Kerajaan Negeri Sarawak mengambil satu tindakan pengharaman terhadap rakyat Malaysia seperti wartawan *Far Eastern Economic Review* sehingga menjejaskan imej Malaysia di kalangan antarabangsa. Juga apakah sebabnya Kerajaan Pusat tidak boleh mempertahankan rakyat Malaysia untuk melaporkan sesuatu yang benar yang berlaku di mana-mana negeri dan hanya membiarkan negeri Sarawak bertindak sewenang-wenangnya untuk menghalaukan rakyat Malaysia untuk melaporkan dan menjalankan tugas mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan bahagian pertama sudah dijawab tadi dalam soalan yang asal. Soalan yang kedua ini boleh Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan tadi bahawa menurut peruntukan-peruntukan di bawah Inter-Government Committee bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bersetuju supaya syarat-syarat yang tertentu di bawah Akta Imigresen itu diadakan dan kita tidaklah bercadang hendak mengubah lagi pada masa ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada pihak beliau berpuas hati di atas tindakan pihak Kerajaan Negeri Sarawak dalam masalah ini.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Ya.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Speaker, di bawah Undang-undang Imigresen adakah Kerajaan Negeri Sarawak berkuasa menahan seorang Menteri termasuk Perdana Menteri masuk ke Sarawak.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada Kerajaan Negeri Sarawak juga (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa beliau berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh negeri Sarawak. Saya ingin tahu di manakah datangnya kuasa Pusat

untuk menentukan sama ada ia berpuas hati tentang tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak bila mana beliau sendiri mengatakan bahawa kuasa ini terletak di tangan Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi saya ingin tahu bagaimana beliau boleh putus bahawa Kementerian berpuas hati.

Kedua, saya ada bertanya tadi, pada masa sekarang adakah Kerajaan Pusat berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya kuasa di bawah Ordinan Imigeresen itu diletak di tangan Kerajaan Pusat dan bukan Kerajaan Negeri Sarawak—kalau ada membuat apa-apa perbincangan setakat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama tadi sudah dijawab iaitu kedua-dua pihak berpuas hati setelah bersetuju mengadakan peraturan seumpama itu di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Sekarang bahagian keduanya kalau Yang Berhormat hendak menjawab.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi memang saya telahpun memberi jawapan bahawa Kerajaan puas hati . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak hendak jawapan itu diulang lagi.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Ya. Tentang peruntukan-peruntukan itu, Kerajaan Pusat tidaklah akan memulau rundingan tentang sama ada hendak mengkaji atau tidak tentang kemasukan orang yang tersebut ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba jelaskan Yang Berhormat. "Tidak akan memulau." atau "akan memulau".

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tidak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedari kalaulah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah berpuas hati atas tindakan pengharman ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar Encik K. Das ini adalah sebagai rakyat Malaysia. Kalau Kerajaan Pusat bersetuju dan puas hati dia dihalau dari negeri Sarawak, apa sebabnya dia tidak dihalau daripada Malaysia, kalaulah itu adalah alasan sebenarnya.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa Kerajaan Pusat puas hati dengan peruntukan-peruntukan yang ada dan tentang sebab-sebabnya, ini adalah kuasa yang diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah peruntukan Akta Imigeresen itu dan ini terpulang kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

### OPERASI ISI PENUH

**Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada rancangan Operasi Isi Penuh yang dilancarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tujuan melicinkan lagi pentadbiran Kerajaan di masa akan datang mencapai matlamatnya.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tersebut telahpun diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengenai Operasi Isi Penuh pada bulan Oktober yang lepas. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

### PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

**16. Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang diambil oleh setiap lima Universiti-universiti Tempatan untuk tahun akademik 1980-1981 sepertimana diperuntukkan dalam peruntukan untuk Kementerian Pelajaran di bawah Belanjawan 1980.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pengambilan pelajar-pelajar masuk ke universiti-universiti tempatan untuk tahun akademik 1980/81 belum dapat dipastikan lagi.

### MENTERI-MENTERI PUSAT DALAM PILIHANRAYA SARAWAK— SALAHGUNA KUASA

**17. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Menteri-menteri Pusat telah menyalahgunakan kuasa mereka dengan menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan seperti kapal terbang

TUDM dalam Pilihanraya Umum Sarawak baru-baru ini, dan sama ada beliau akan memberi jaminan perkara seumpama ini tidak akan berlaku dalam masa akan datang.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa Menteri-menteri Pusat telah menyalahgunakan kuasa mereka dengan menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan semasa Pilihanraya Umum di Sarawak. Pada pengetahuan saya, ada Menteri-menteri yang pergi dalam masa itu untuk menjalankan urusan rasmi Kerajaan. Adalah menjadi tugas Menteri-menteri Pusat untuk membuat lawatan ke negeri-negeri dari semasa ke semasa untuk meninjau pelaksanaan rancangan-rancangan Kementerian dan juga menjalankan urusan-urusan Kerajaan secara keseluruhannya.

Semasa pilihanraya adalah mustahak bagi Menteri-menteri Pusat membuat lawatan ke negeri-negeri supaya menerangkan kepada rakyat dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan, lebih-lebih lagi jika adanya apa-apa tuduhan dan dakwaan yang tidak benar.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Menteri-menteri Kerajaan Pusat dan Negeri telah dituduh untuk menyalahgunakan kuasa dan kemudahan seperti dalam pilihanraya Sarawak, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada melawat ke Sarawak dan membuat beberapa pengumuman yang mustahak, maka adakah Yang Amat Berhormat akan memberikan satu arahan kepada Menteri-menteri dan Timbalannya jangan begitu sibuk untuk membuat lawatan ke kawasan pilihanraya umum atau pilihanraya kecil supaya mereka tidak dituduh?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, memberi penerangan kepada rakyat masa Pilihanraya adalah lebih mustahak (*Ketawa*) (*Tepuk*).

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa mustahak bagi Menteri-menteri Pusat menerangkan dasar-dasar tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasai bahawa tempoh selama 4 - 5 tahun itu cukup untuk Menteri-menteri melawat dan menerangkan dasar-dasar melalui RTM, akhbar-akhbar yang boleh dikatakan bukan akhbar yang bebas yang ada pada negara kita ini

untuk menerangkan dasar-dasar dan mengapakah masa hanya 14 hari atau 21 hari Menteri-menteri membanjiri satu-satu kawasan atau satu-satu negeri, berebut-berebut pergi ke Sarawak pada masa itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun soalan itu terkeluar sedikit dari soalan asal, tetapi boleh Yang Amat Berhormat menjawab.

**Perdana Menteri:** Itu adalah fahaman Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat semua sudah tahu dasar-dasar dan rancangan Kerajaan. Tetapi mengikut pengalaman kita, penerangan Kerajaan berkenaan dengan dasar-dasar dan rancangannya mestilah diadakan selalu, dan lebih mustahak lagi dalam masa pilihanraya, di mana terdapat tuduhan-tuduhan dan dakwaan-dakwaan yang tidak benar. Saya telahpun menerangkan perkara ini (*Tepuk*).

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya saya dapat tahu Kerajaan mengatakan kakitangan Kerajaan dan orang yang pegang kuasa tinggi tidak boleh campur politik, tetapi guru-guru sekolah dan pegawai pejabat penerangan memasukkan cerita dalam pilihanraya suruh sokong parti yang mana dia sokong, bolehkan Perdana Menteri kita beri jaminan pegawai pejabat penerangan tidak boleh campur tangan dalam pilihanraya. Kalau dia masuk dia cuma boleh mengatakan macam mana mahu buang undi bukan menyuruh mengundi sini atau sana (*Ketawa*). Kalau saya boleh beri nombor kereta pejabat penerangan dan nama-nama orang berkenaan, bolehkah Kerajaan ambil tindakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tak ada kena mengena langsung dengan soalan asal (*Ketawa*).

Soal jawab selesai.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, di bawa ke dalam Mesyuarat

oleh Timbalan Menteri Kewangan, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG TIMBANGTARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbangtara 1952; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Undang-undang: dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

**Dato Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Keempat-belas).

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah minta untuk memberikan jawapannya pada hari ini dan setelah itu dikemukakan dalam Jawatankuasa ini ada 7 lagi Kementerian yang mesti diselesaikan sehingga hari Rabu iaitu hari keenambelas. Jadi dengan sebab itu, saya sekali lagi minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat semua sama ada membentangkan, mengemukakan Rang Undang-undang Anggaran Belanjawan atau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri saya sudah tetapkan 10 minit sahaja pada seseorang bercakap supaya dapat diselesaikan Anggaran Perbelanjaan bagi 7 anggaran Kementerian lagi sehingga hari Rabu kelak.

Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberikan jawapan.

*Maksud B. 37 (Jadual)—*

*Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

*3.15 ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Pengerusi, sukacita saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran yang membina terhadap Kementerian Kesihatan dan semua teguran-teguran yang membina itu adalah diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, tentang kekurangan atau ketidak-seimbangan kemudahan-kemudahan kesihatan yang terdapat di luar bandar, suka saya memaklumkan bahawa dalam rancangan Pembangunan Kementerian Kesihatan terdapat projek-projek pembinaan klinik-klinik Desa dan Pusat-pusat Kesihatan yang akan dapat memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Adalah juga menjadi dasar Kerajaan untuk membina hospital di tiap-tiap daerah dan pembinaan Hospital-hospital Daerah ini sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan saya akan dilaksanakan di tahun-tahun hadapan dan ianya adalah selaras dengan tujuan Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Dengan pembinaan

hospital-hospital baru itu kelak dan juga kerja-kerja pembaikan kepada hospital-hospital yang ada sekarang maka Kementerian Kesihatan akan dapat memberi perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Dengan adanya pula perkhidmatan ambulan yang baik dan cekap, maka pesakit-pesakit di kawasan luar bandar juga dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang baik jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar.

Selain dari itu rancangan bekalan air luar bandar (environmental sanitation) merupakan juga usaha untuk memperbaiki lagi kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar bandar.

Berkenaan Hospital Daerah Kuala Kangsar yang pada masa ini mempunyai dua bahagian, suka saya memberitahu bahawa Kementerian saya ada rancangan untuk memusatkan kedua-dua bahagian Hospital tersebut. Bagi tujuan ini sebuah blok wad 4 tingkat yang mengandungi 136 katil adalah dirancang di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tentang sikap dan kelakuan sebahagian dari orang awam yang melawat pesakit-pesakit di hospital yang kurang bertanggungjawab mengenai kebersihan hospital memanglah ada betulnya dan saya berharap sikap dan kelakuan ini akan berubah demi kepentingan kita semua. Cadangan supaya kenyataan-kenyataan (posters) serta tong-tong sampah diletakkan di tempat-tempat yang sesuai adalah baik dan Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Mengenai penempatan kakitangan-kakitangan yang mempunyai "post-basic training" atau latihan khas dalam sesuatu bidang tertentu sukacita dimaklumkan bahawa biasanya kakitangan-kakitangan tersebut adalah ditempatkan yang mana latihan khas mereka digunakan sepenuhnya akan tetapi kadang kala ada kes-kes yang mana kakitangan-kakitangan tersebut terpaksa ditempatkan di jawatan-jawatan yang tidak begitu sesuai bagi latihan khas yang diperolehi itu oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Betong tentang pertambahan bilangan jururawat-jururawat dan bidan-bidan untuk bertugas di kawasan luar bandar di negeri

Sarawak, sukacita saya maklumkan bahawa ianya adalah senantiasa dibuat. Bahkan satu skim baru yang dinamakan "Village Health Team" sedang dilaksanakan di beberapa buah Bahagian di negeri Sarawak.

Berkenaan permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Betong dan juga dari Lubok Antu supaya Kerajaan membina Hospital di kawasan masing-masing, adalah dimaklumkan bahawa ianya adalah dasar Kerajaan untuk membina hospital-hospital daerah akan tetapi pembinaan hospital-hospital tersebut adalah mengikut keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, bilangan kes-kes Malaria di Malaysia telah berkurangan dalam tujuh tahun yang lepas. Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang untuk rancangan dan aktiviti-aktiviti kawalan penyakit ini seumpama penyemburan DDT dan sebagainya adalah mencukupi untuk membasmi penyakit Malaria. Begitu juga keadaan di Negeri Sarawak yang bilangan kes-kes telah pun berkurangan. Usaha-usaha sentiasa dibuat untuk memperhebatkan aktiviti-aktiviti di bawah kawalan Malaria ini.

Mengenai perkhidmatan perubatan Udara (Flying Doctor Service) di Sarawak, sukacita saya menyatakan bahawa jadual ada disediakan bagi perkhidmatan ini dan diumumkan terlebih dahulu berulang-ulang kali melalui Radio dan Talivisyen, akan tetapi kadang kala oleh kerana perubahan kepada jadual ini disebabkan oleh cuaca atau sebab-sebab teknikal.

Berkenaan kenderaan dan bot-bot untuk klinik-klinik di luar bandar terutama sekali negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan sedar akan kepentingan kemudahan-kemudahan perhubungan tersebut. Oleh itu kenderaan bot-bot adalah diperuntukkan yang mana perlu, dan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan bagi Negeri Sarawak untuk kenderaan dan bot-bot telah ditambah.

Berkenaan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tentang pembinaan sebuah blok baru empat tingkat di hospital Bukit Mertajam, sukacita saya maklumkan bahawa rancangan bagi blok wad baru ini telah lewat dilaksanakan oleh kerana masalah peletakan (siting) bangunan ini di kawasan Hospital Daerah Bukit Mertajam yang amat sempit itu. Walau bagaimanapun, akhirnya

keputusan telah dibuat supaya wad blok ini diletakkan di antara dua buah bangunan yang ada sekarang. Sejarar dengan keputusan ini, tawaran tender telah dibuat dan kontraktor yang berkenaan akan memulakan kerjanya tidak lama lagi. Mengenai penambahan kepada Wad Bersalin di Hospital Daerah Bukit Mertajam, sehingga bulan September 1979, 90% kerjanya telah selesai. Malangnya, kontraktor yang berkenaan telah tidak meneruskan kerja tersebut pada 3 bulan yang lalu. Akhirnya, kontraktor berkenaan telah diberi amaran keras oleh pihak JKR dan kontraktor tersebut telah menjaminkan bahawa kerja-kerja yang berkenaan akan diteruskan secepat mungkin.

Saya menafikan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang menyatakan bahawa Hospital Universiti Edinburgh telah menarik pengiktirafan (recognition) terhadap hospital-hospital di Malaysia untuk melatih doktor-doktor yang hendak mengambil peperiksaan FRCS (Fellowship of the Royal College of Surgeons) termasuk Hospital Besar Pulau Pinang dan lain-lain hospital kecuali Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti sahaja yang diiktirafkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Besar Pulau Pinang diiktirafkan oleh Royal College of Surgeons, Edinburgh bagi latihan dalam bidang pembedahan am selama 2 tahun. Selain daripada itu, Hospital Besar Kelang, Melaka, Johor Bahru dan Seremban juga diiktirafkan sebagai tempat latihan post-graduate dalam bidang pembedahan. Di samping itu Kerajaan bercadang supaya memberi kemudahan latihan dan peperiksaan tempatan bagi doktor-doktor yang hendak menjadi pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah bertanya berkaitan mengapa "Bill" untuk membentuk kolej-kolej tempatan bagi surgeons, obstetricians dan general practitioners tidak dibentangkan sejak tahun 1975. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa tujuan Kerajaan ialah hendak memberi latihan pakar bagi doktor-doktor tempatan yang sesuai dengan kedudukan-kedudukan tempatan. Sungguhpun di United Kingdom dan di Australia latihan ini dibuat melalui kolej-kolej tertentu, ini bukan bermakna bahawa latihan bagi semua bidang kepakaran hendaklah dibuat melalui kolej-kolej. Oleh itu pihak Kementerian telah mengkaji perkara ini dan telah mendapat persetujuan

daripada kolej-kolej tempatan bahawa latihan pakar di Malaysia hendaklah dijalankan melalui kolej dan juga melalui universiti-universiti tempatan. Oleh itu "Bill" yang telah mula dibentangkan pada tahun 1975 hendak dikaji semula dan akan dibentangkan di Parlimen apabila selesai kelak. Sukacita dimaklumkan bahawa ini bukan bermakna kolej-kolej tersebut tidak dapat menjalankan latihan dan peperiksaan tempatan pada masa sekarang, seperti baru-baru ini College of General Practitioners telah menjalankan peperiksaan bagi doktor-doktor tempatan dalam bidang "General Practice".

Saya beralih pula kepada masalah-masalah kekurangan doktor-doktor dan Pakar-pakar di Negara ini khasnya di dalam Perkhidmatan Kerajaan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan ini pernah dan selalu dibangkitkan di dalam Dewan ini dan saya telah memberi sebab-sebab dan penjelasan mengapa begitu banyak doktor-doktor dan pakar-pakar telah berhenti daripada jawatan Kerajaan dan saya tidaklah berhajat hendak menerangkan lebih lanjut atas masalah ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah ini. Langkah-langkah ini termasuklah perlantikan doktor-doktor dari negara jiran secara kontrak dan juga mengambil langkah-langkah untuk menggalak doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan bekerja tetap dengan Kerajaan. Ke arah ini, satu Jawatankuasa untuk mengkaji semula penarafan jawatan-jawatan iktisas di Kementerian Kesihatan telah menyediakan dan mengemukakan satu laporan untuk pertimbangan pihak Kerajaan. Selain daripada itu pihak Kementerian Kesihatan juga memberi peluang kepada doktor-doktor untuk melanjutkan latihan-latihan mereka melalui tawaran biasiswa-biasiswa.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mendapat sedikit "highlight" mengenai satu incident yang berlaku pada 29-11-79, dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah meminta saya memberi penjelasan mengenai bagaimana incident itu berlaku di mana Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya sendiri sebagai Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen

tidak hadir menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kepada Menteri Kesihatan. Incident ini telah mendapat satu publisiti yang lumayan dalam mass media kita.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu sengaja menuduh bahawa ini merupakan satu "Ministerial negligence". Beliau telah mengatakan bahawa jika kami mempunyai sikap "tidak apa" terhadap soalan-soalan ini eloklah meletak jawatan. Meletak jawatan itu merupakan satu trade mark bagi Parti Pembangkang DAP. Walau apapun ia buat mereka tidak dapat sambutan daripada rakyat sebagai dibuktikan dalam pilihanraya Kelang baru-baru ini dan juga Pilihanraya di Sarawak baru-baru ini (*Tepuk*) di mana pihak DAP telah disapu dengan bersih oleh Barisan Nasional sehingga mereka takut Menteri-menteri dari Persekutuan datang ke Sarawak.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah diumumkan oleh Tuan Pengerusi, iaitu mengikut Standing Order 24 (1)—mana-mana Menteri boleh menjawab soalan yang dikemukakan dalam Parlimen ini. Ini bermakna tidaklah semestinya soalan yang dikemukakan kepada Menteri Kesihatan itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri ataupun Timbalannya atau Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut sungguhpun seelok-eloknya ia dijawab oleh Menteri berkenaan. Dalam kes ini soalan itu telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Pertahanan. Ini bukanlah bermakna kami sengaja mengambil peluang peruntukan 24 (1) dalam Standing Orders dan tidak mengindahkan soalan yang dikemukakan. Tetapi sebaliknya jawapan-jawapan yang telah disiapkan oleh Kementerian Kesihatan dengan persetujuan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri dan saya menafikan adanya sikap "tidak apa" dari pihak kami dan Kementerian Kesihatan seperti yang dituduhkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selaku Menteri dan Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen kami mempunyai jua tugas-tugas lain selain daripada menjalankan urusan-urusan Parlimen. Kebetulan pada hari tersebut Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah dikehendaki mengiringi Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan oleh itu tidak dapat hadir di Parlimen untuk menjawab soalan yang berkenaan.

Memandangkan kepada keadaan ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun memberi arahan supaya soalan itu dijawab oleh orang lain iaitu saya sendiri atau Setiausaha Parlimennya. Kebetulan juga saya sendiri telah dikehendaki mengiringi Ketua Delegasi Parlimen Soviet Union yang sedang melawat negara kita dari 22hb sehingga 29hb November, 1979. Ketua Delegasi ini adalah Vice Chairman Supreme Soviet merangkap Presiden kepada Republic Lithuania.

Pada masa Parlimen bersidang pada 29-11-1979, saya sedang mengiringi Delegasi itu di satu program yang telah disusun lebih awal lagi. Jadi saya terpaksa tidak hadir di Parlimen pada masa itu. Mengenai Setiausaha Parlimen, saya difahamkan bahawa pada hari itu beliau adalah kurang sihat. Pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang bertugas di Parlimen dalam masa Parlimen bersidang telah diberitahu atas tugas-tugas mereka dan peranan yang diambil oleh mereka semasa menjalankan tugas di Parlimen.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Pengerusi, nampaknya timbullah sedikit kesilapan yang telah menyebabkan incident seperti ini dan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pihak Kementerian Kesihatan dan saya sendiri menyatakan dengan penuh ikhlas kekesalan atas berlakunya incident ini dan saya menuntut maaf kepada Ahli-ahli Dewan.

Saya menegaskan di sini bukanlah menjadi hasrat dan amalan kami di Kementerian Kesihatan khasnya Yang Berhormat Menteri sendiri mengabaikan tugas kami di Parlimen ini tetapi sebaliknya kami memberi perhatian yang serius kepada tugas-tugas Parlimen. Akibat daripada incident itu satu penyiasatan dan rundungan telah dijalankan dan langkah-langkah positif telahpun diambil dengan bertujuan supaya kita dapat mengelakkan berlakunya lagi incident seperti ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menimbulkan masalah pengiktirafan kepada ijazah-ijazah pergigian dari Universiti-universiti di India. Beliau telah bertanya mengapa ijazah ataupun dental qualification dari universiti-universiti di India tidak dimasukkan di dalam senarai "Approved List". Sukalah saya menyatakan, Tuan Pengerusi, bahawa ada beberapa qualifications daripada universiti di India

termasuk di dalam senarai-senarai itu. Mereka yang datangnya daripada universiti-universiti yang dimasukkan dalam "Approved List" itu terpaksa menunggu sehingga ada vacancies timbul supaya mereka dapat menjalankan latihan selama lebih kurang 2 tahun. Kita hanya ada 82 vacancies untuk latihan seperti itu oleh kerana kita tidak dapat mengadakan lebih banyak kerana ianya akan merendahkan standard latihan itu.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini kita mesti membezakan iaitu Trainee Dental Officer yang telah lulus daripada universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Menglembu dan juga pegawai-pegawai pergigian yang mempunyai satu pengiktirafan yang penuh. Mereka adalah merupakan "Trainee Dental Officer" dan menjalani latihan di klinik-klinik hospital kita selama 2 tahun. Hampir penghujung latihan tahun kedua mereka diberi peluang untuk menjalani satu peperiksaan. Jikalau mereka tidak lulus mereka diberi peluang sekali lagi selepas 6 bulan untuk menghadapi satu lagi peperiksaan. Kalau mereka tidak lulus, saya rasa kita sendirilah dapat membuat satu kesimpulan. Selepas berlatih 4-5 tahun di universiti India, 2 tahun lagi dilatih di sini dan tidak dapat lulus, kita sendirilah membuat satu kesimpulan atas kelayakan, kecekapan dan kebolehan mereka itu.

Yang Berhormat dari Menglembu juga telah menyebutkan bahawa WHO telah memprescribkan syllabus ataupun curriculum bagi universiti di Malaysia ini. Setakat yang saya tahu WHO tidak ada mengambil peranan dalam masalah ini. Apa yang kita akui di sini ialah qualification dan latihan mengikut yang telah disediakan oleh Dental Act kita sendiri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Menglembu juga telah menyatakan bahawa beberapa buah negara Islam telah mengiktirafkan dan begitu juga beberapa buah negara Barat telah mengiktirafkan Dental Degree daripada India. Saya rasa, Tuan Pengerusi, kita tidak sewajibnya mengikut menjadi "Pak Turut". Jikalau sekiranya satu negara lain mengiktirafkan sesuatu qualification, saya tidak nampak mengapa kita mesti mengikutnya. Kita mempunyai criteria kita sendiri, kita mempunyai satu standard kita sendiri dan kita mestilah menurut standard itu. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menentukan seorang yang mengalami satu

practice dalam rawatan pergigian atau perubatan mestilah mempunyai satu standard yang minima yang boleh kita iktirafkan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$699,562,000 untuk Maksud B.37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$136,156,084 untuk Maksud P.37 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerianya iaitu Bekalan 51 dan Pembangunan 51. Sila.

*Maksud B. 51 (Jadual)—*

*Maksud P. 51 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

*3.38 ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bagi tahun 1980 berjumlah \$36,585,915 seperti berikut:

Kepala Bekalan 51—Belanja Mengurus sebanyak \$27,943,500 dan

Kepala Pembangunan 51—Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$8,642,415

Peruntukan bagi tahun 1980 adalah bertambah sebanyak \$4,983,885 iaitu sebanyak 15.8%. Keterangan lanjut mengenai anggaran-anggaran mengurus dan pembangunan tersebut adalah sebagaimana tertera di dalam Kertas Perintah No. 23 Tahun 1979.

Tuan Pengerusi, peruntukan-peruntukan yang diperlukan itu adalah bagi mencapai matlamat-matlamat utama Kementerian ini iaitu:

Merumus, merancang dan melaksanakan dasar tenaga buruh untuk menentukan penggunaan tenaga pekerja supaya mencerminkan komposisi berbilang kaum di semua peringkat jawatan serta memastikan terpeliharanya keselamatan, kesihatan,

kesejahteraan dan hubungan baik di antara majikan dan pekerja di samping mengadakan kawalan kerja untuk bukan warga-negara.

Saya tidak berhajat menghuraikan satu persatu mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian saya, kerana semua ini telah sedia terkandung di dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1980 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengutarakan satu dua perkara yang penting.

Kementerian saya akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keteguhan ekonomi negara dan masyarakat kita, dan terutama sekali kesejahteraan pekerja-pekerja kita. Untuk tujuan ini, kita adalah dalam proses mengkaji semula perundangan Buruh dan rancangan-rancangan kita, serta menyiapkan diri kita supaya dapat mencapai matlamat ini dengan berkesan. Tidak syak lagi, seperti di dalam proses pembangunan negara dan ekonomi kita, kita akan terus memaju dan meninggikan serta menyelaraskan usah-usaha kita supaya ianya sentiasa sejajar dengan keperluan dan kepentingan negara dan rakyat. Kita berharap semua pihak-pihak yang terlibat dengan aspek buruh, iaitu pihak majikan, pekerja dan pihak awam, akan dapat memahami perkara ini. Bagi pihak Kerajaan, kita akan mengadakan perbincangan di Majlis Bersama penasihat Buruh Kebangsaan (NJLAC) mengenai berbagai-bagai aspek perkara ini tidak lama lagi.

Di antara perkara-perkara yang sudahpun selesai kajian di Kementerian saya, ialah mengenai Faedah Pengeharian Kerja (Retrenchment Benefit). Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 60 Ordinan Kerja 1955 yang memperuntukkan kepada pekerja yang berkhidmat selama 3 tahun mendapat faedah pengeharian kerja, telah dibatalkan pada tahun 1976. Tujuan membatalkannya ialah untuk menggantikan peruntukan tersebut dengan satu peraturan atau Regulation yang lebih luas dan menyeluruh akan diperbuat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menentukan hak-hak dan kadar faedah pengeharian kerja yang boleh dinikmati oleh para pekerja kita. Kementerian saya telah mengkaji dengan

sedalam-dalamnya mengenai perkara ini, serta juga telah mengkaji peraturan-peraturan dan faedah yang terdapat di negara-negara yang lain dalam bidang ini.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa satu peraturan baru yang memperuntukkan faedah-faedah pengeharian telah pun disediakan dan saya harap akan dapat dikuatkuasakan pada awal tahun 1980.

Begitu juga mengenai cadangan mengawasi dengan lebih rapat lagi sistem buruh kontrek dan memberi perlindungan undang-undang buruh kepada pekerja-pekerja yang pada masa ini di luar bidangkuasa undang-undang tersebut kerana cara mereka bekerja bersekutu, 'bagi dua' dan lain-lain. Secara langkah pertama, Kementerian saya telah mengkaji kedudukan pekerja-pekerja di lapangan pekerjaan kayu. Satu rang peraturan telahpun disediakan, di bawah kuasa yang diberi dalam pindaan kepada Ordinan Kerja, 1955, pada tahun 1976, untuk menentukan bahawa semua pekerja-pekerja dalam perusahaan kayu lapis dan veneer (plywood and veneer industry) untuk menentukan bahawa semua pekerja-pekerja yang bekerja dalam perusahaan ini akan digajikan secara langsung oleh majikannya dan semua pekerja itu dibawa masuk ke dalam bidangkuasa semua undang-undang buruh, termasuk EPF dan SOCSO. Peraturan ini akan menjamin perlindungan dan faedah undang-undang buruh kepada lebih kurang 4,000 orang pekerja dalam perusahaan pada pertama kalinya. Mereka sebelum ini telah digajikan di bawah kontrektor ataupun bekerja secara berkongsi-kongsi dan lain-lain cara yang meletakkan mereka di luar bidangkuasa undang-undang buruh. Mereka ini merupakan lebih kurang 28% daripada jumlah pekerja dalam perusahaan ini dan langkah yang dicadangkan ini adalah satu yang akan memberi mereka hasil yang besar, sejajar dengan dasar dan undang-undang kita. Haruslah saya menyatakan di sini bahawa inilah pertama kalinya tindakan seperti ini diambil dalam sejarah buruh kita dan diharapkan akan disambut baik oleh pihak pekerja.

Di samping itu pula, Kementerian saya adalah memandang berat ke atas keselamatan pekerja-pekerja kita, terutama sekali pekerja pembinaan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sektor pembinaan adalah merupakan sektor yang berkembang dengan pesat dan memerlukan ramai tenaga

pekerja kita, sama ada mahir ataupun tidak mahir. Untuk tujuan ini Kementerian saya telahpun menyiapkan satu peraturan baru khas bagi menentukan keselamatan pekerja di dalam bidang pembinaan dan kerja-kerja kejuruteraan (works of engineering construction). Peraturan-peraturan ini adalah luas dan lengkap serta meliputi semua aspek kerja pembinaan. Kementerian saya telahpun membincangkan peraturan baru ini dengan panjang lebar dengan pihak-pihak yang bersangkutan-paut dengan bidang pembinaan ini seperti, pihak Master Builders, Kesatuan-kesatuan Sekerja, Jabatan Kerja Raya, Syarikat-syarikat insurans dan lain-lain. Peraturan ini akan dikuatkuasakan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967, sesudah sahaja ianya dapat diteliti oleh Peguam Negara.

Dengan kemajuan yang pesat terutama sekali dalam bidang pembinaan bangunan-bangunan tinggi di seluruh negara dan juga bertambahnya kerja-kerja pembinaan kejuruteraan maka peraturan ini adalah sangat penting dan perlu disegerakan. Dalam tahun 1978 sahaja, jumlah kemalangan yang dilaporkan dalam bidang pembinaan, ialah 3,439 sebanyak 25 kes daripada ini adalah merupakan kemalangan maut. Dengan terbentuknya Peraturan-peraturan ini, kita berharap langkah-langkah keselamatan yang lebih baik akan dapat dipatuhi oleh semua pihak-pihak yang berkaitan dengan perusahaan pembinaan, terutama sekali kontraktor-kontraktor dan pekerja-pekerja. Kita juga berharap, akan wujud satu kesedaran yang meluas terhadap keperluan sikap dan cara-cara bekerja yang lebih selamat, di kalangan mereka, kerana pada akhirnya keselamatan pekerjaan adalah tanggungjawab bersama semua pihak, khasnya mereka yang menjalankan kerja-kerja itu.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya mohon peruntukan Belanja Mengurus di bawah Maksud B.51 dan Belanja Pembangunan di bawah Maksud P.51 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B.51 dan Maksud P.51 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

3.48 ptg.

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Saya bangun untuk menyokong di atas peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan saya ingin menyentuh hanya satu dua perkara sahaja berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang telahpun dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Pertamanya berhubung dengan Butiran 1100 di bawah tajuk Aktiviti (2) — Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Sebagaimana di dalam kenyataan-kenyataan yang kerap dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri yang berkenaan soal untuk mewujudkan gaji minima bagi pekerja-pekerja di sektor-sektor perindustrian dan ladang-ladang dan kilang-kilang masih belum dapat dilaksanakan. Walaupun begitu saya percaya di dalam beberapa hal dan di dalam beberapa sektor tertentu pihak Kementerian perlulah membuat kajian kemungkinan supaya satu bentuk skim atau gaji minima tertentu dapat dilaksanakan untuk pekerja-pekerja di sektor tertentu seumpama di kilang-kilang elektronik dan sebagainya.

Saya diberitahu bahawa dalam bidang-bidang perkilangan tertentu di mana Kerajaan telahpun memberikan taraf perintis kepada kilang-kilang itu maka kemungkinan besar adalah pekerja-pekerja dalam kilang-kilang tersebut tidak dibenar mengorganisekan kumpulan-kumpulan sebagaimana yang dimaksudkan di bawah Kesatuan Sekerja. Walaupun begitu perhatian perlu diberi oleh pihak Kementerian supaya pekerja-pekerja di sektor perkilangan seperti elektronik ini diadakan satu gaji tertentu yang dapat menjamin masa depan mereka dan pekerja-pekerja tersebut.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, di dalam Aktiviti (6) — Pendaftaran Kesatuan Sekerja.

Sebagaimana yang kita rasakan pada awal tahun ini di mana telah berlaku krisis yang menjejaskan kemantapan ekonomi dan politik negeri kita iaitu berhubung dengan pertikaian ataupun peristiwa MAS. Sebagaimana yang kita ketahui tindakan-tindakan tegas telahpun diambil oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja supaya kelakuan ataupun kegiatan-kegiatan yang menjejaskan kedudukan ekonomi dan juga negara pada masa itu dapat dihapuskan

dan tindakan-tindakan yang lebih berkesan diambil supaya satu penyelesaian dari segi perhubungan perusahaan dapat dijalankan.

Saya hanya ingin memberikan satu cadangan iaitu dalam hal Kesatuan Sekerja ini pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja perlulah membuat kajian menyeluruh ke atas Kesatuan Sekerja, terutama Kesatuan-kesatuan Sekerja yang mempunyai affiliation ataupun mempunyai ikatan ataupun gabungan dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja Antarabangsa.

Kita tidak mahu Kesatuan-kesatuan Sekerja kita yang mempunyai matlamat memperjuangkan hasrat dan kepentingan pekerja-pekerja di dalam negara ini digunakan oleh kumpulan ataupun Kesatuan-kesatuan Sekerja antarabangsa untuk tujuan dan matlamat nafsu dan politik mereka sahaja. Sebab, sekiranya ini berlaku, mungkin Kesatuan Sekerja kita tidak dapat bergerak mengikut matlamat yang kita harapkan, bahkan besar kemungkinan dalam segala aktiviti dan dasar-dasar yang dijalankan oleh kesatuan tersebut akan dipengaruhi oleh Kesatuan Sekerja antarabangsa di mana mereka mempunyai affiliation ataupun gabungan. Dan ini adalah satu pengajaran yang patut kita perhatikan sebagaimana peristiwa yang kita ketahui berhubung dengan pertikaian MAS/AEU pada awal tahun ini.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya percaya peraturan-peraturan tertentu dan undang-undang tertentu perlulah juga diadakan bagi membolehkan Pendaftar Kesatuan Sekerja mencampuri hal-hal yang berkenaan dengan perkara-perkara yang dianjurkan oleh Kesatuan Sekerja yang pada hakikatnya untuk memberi faedah kepada ahli-ahli, tetapi mungkin kalau tidak diawasi dan tidak diperhatikan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja ada golongan-golongan tertentu, tidak semua, mungkin golongan-golongan tertentu di dalam kepimpinan Kesatuan Sekerja ini akan mengambil kesempatan. Maksud saya ada usaha-usaha yang telahpun dijalankan oleh Kesatuan Sekerja tertentu untuk menubuhkan umpamanya sekolah-sekolah swasta, cara private ataupun syarikat-syarikat ataupun badan-badan kewangan, ejensi-ejensi tertentu dimana ahli-ahli mereka adalah terdiri daripada ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Tetapi apa yang saya difahamkan sehingga ini mungkin Pendaftar Kesatuan Sekerja belum mempunyai kuasa yang tertentu untuk dapat

meneliti perjalanan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kesatuan Sekerja ini, khususnya berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubung dengan kegiatan-kegiatan di luar kesatuan.

Satu perkara di dalam aspek ini juga, ialah sebagaimana yang dimaklumkan tadi, banyak juga terdapat Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam negara ini mempunyai affiliation ataupun perhubungannya dengan Kesatuan Sekerja Antarabangsa dan sebahagian daripadanya faedah yang mereka boleh perolehi dengan menjadi ahli-ahli gabungan atau affiliate di dalam pertumbuhan-pertumbuhan buruh antarabangsa ini ialah mungkin dari segi tunjuk ajar, bimbingan, bantuan dan panduan-panduan yang mereka boleh terima daripada kesatuan di mana mereka menjadi gabungan.

Di dalam hal ini pihak Kesatuan Sekerja juga ataupun pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja perlu juga berhati-hati dan meneliti supaya sebagaimana yang saya maklumkan tadi dengan sebab bantuan yang diberikan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja di luar negeri ini akan digunakan pula untuk menjadi ikatan kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja tempatan dan mereka ini terpaksa, mungkin dengan sebab ikatan-ikatan ataupun obligation yang telah diterima daripada kesatuan-kesatuan luar negeri itu mereka terpaksa mematuhi ataupun mengikuti kehendak-kehendak Kesatuan-kesatuan di luar negeri itu.

Umpamanya, kita ketahui juga ada Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam negeri ini yang menerima bantuan kepakaran, mengadakan kegiatan-kegiatan untuk kepentingan Kesatuan Sekerja dan ada juga Kesatuan Sekerja di dalam negara ini mendapat bantuan kewangan, sumber wang yang diberikan secara percuma dengan sebab mereka menjadi ahli gabungan kepada Kesatuan Sekerja antarabangsa. Ini adalah perlu diperhatikan oleh pihak Kementerian khususnya sebab kita tidak mahu Kesatuan Sekerja kita sebagaimana yang saya maklumkan tadi dijadikan alat dengan sebab mereka ini sudah menerima bantuan-bantuan ini terikat dengan kehendak-kehendak Kesatuan-kesatuan Sekerja di peringkat antarabangsa. Dan lebih buruk lagi kalau ikatan ini tidak sahaja terakluk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan soal-soal perhubungan perusahaan tetapi juga yang mungkin dengan cara ini digunakan dengan cara halus oleh Kesatuan Sekerja di peringkat

antarabangsa untuk menyebarkan fahaman-fahaman dan ideologi mereka melalui kegiatan Kesatuan Sekerja di negara kita. Dan sekiranya ideology-ideology yang diterima itu adalah bertentangan dengan ideology negara kita, perkara-perkara yang tidak begitu sesuai dengan perhubungan perusahaan tempatan di dalam negara kita, saya yakin dan percaya perkara ini lama kelamaan akan menjadi serius dan akan menjejaskan bukan sahaja kepentingan ekonomi dan perusahaan kita bahkan kepentingan politik dan nasional kita pada masa yang akan datang.

Dan dalam hal ini juga, mungkin Akta Perhubungan Perusahaan dan Akta Kesatuan Sekerja perlulah dikaji semula supaya memperuntukan kuasa-kuasa yang tertentu dan kuasa-kuasa yang perlu untuk membolehkan Pendaftar Kesatuan Sekerja mengambil tindakan supaya sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Kesatuan Sekerja tidak dapat dan tidak boleh digunakan oleh Kesatuan Sekerja Antarabangsa sebagai tempat di mana mereka dapat menyebarkan fahaman dan ideology-ideology yang bertentangan dengan kepentingan nasional.

Ini sahaja pandangan saya dan pada akhirnya, saya menyokong sekali lagi di atas peruntukan yang di mohon oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Dan saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 5.00 petang atau pun lebih awal jika tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

3.58 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud B.51 muka surat 421 Aktiviti (5) — Pentadbiran Keselamatan Sosial.

Tuan Pengerusi, menyentuh soal keselamatan sosial pekerja, saya pernah dalam Dewan ini mengemukakan satu usul persendirian berhubung dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja Tahun 1969 untuk meminda Seksyen 31 bagi membolehkan pekerja mendapat hak untuk membawa tindakan tuntutan mereka di bawah common law bagi mendapatkan ganti rugi.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa usul saya itu adalah satu permintaan yang terlalu awal. Akan tetapi akan membuat kajian yang aktif oleh pihak Kementerian beliau.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa syor saya ini akan dipercepatkan supaya keputusan-keputusan akan dapat diketahui oleh orang ramai. Saya juga suka mengesyor supaya dibuat satu kajian semula tentang kadar pampasan yang sedang dibayar kepada pekerja-pekerja yang tercedera semasa menjalankan tugas mereka. Saya memahami bahawa Actuarist yang membuat kajian ini akan dapat membuat keputusan untuk menaikkan kadar pampasan ini kerana memandangkan bahawa SOCSO telah lama berjalan dan tentu full of risknya telah bertambah besar dengan pertambahan pencaaram-pencaaramnya.

Pada masa sekarang pampasan yang dibayar di bawah kadar sekarang boleh dikatakan tidak mencukupi dan haruslah dikaji semula supaya sesuai dengan objektif pertambahan amaun yang terlibat. Juga saya menyeru supaya disegerakan plan perlindungan untuk nelayan dan peladang untuk dimasukkan ke dalam Akta SOCSO yang sedang dalam tinjauan pihak Kerajaan dan dengan ini sektor luar bandar akan memperoleh faedah di bawah sekim ini.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai Aktiviti (3) Keselamatan Pekerjaan, di muka surat 421. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pun ada menyatakan bahawa pihak Kementeriannya ada mengambil berat ke atas keselamatan pekerja-pekerja.

Berhubung dengan hal ini, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kejadian kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan kematian yang kerap kali berlaku dengan seriusnya di kalangan pekerja-pekerja pembinaan di bangunan-bangunan yang tinggi. Pada tiap-tiap tahun kematian yang berpunca dari kejadian di tempat kerja pembinaan seperti yang saya sebutkan tadi selalu disiarkan dalam laporan-laporan akhbar tempatan. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan, tidak cukup atau kekurangan alat-alat keselamatan dan juga langkah-langkah keselamatan yang lain yang disediakan oleh industri-industri pembinaan.

Memandangkan ini, saya berpendapat bahawa Kementerian patutlah menerusi kuasa undang-undang menentukan sama ada alat-alat keselamatan ada digunakan di tiap-tiap bangunan demi keselamatan kaum pekerja. Pada pandangan saya masanya sudah sampai bagi Kerajaan mengambil pandangan yang serius atas perkara ini dan mengambil langkah-langkah tertentu supaya industri-industri pembinaan akan mematuhi Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) tahun 1970 yang memerlukan majikan-majikan syarikat pembinaan menyediakan alat-alat keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka. Sungguhpun undang-undang seperti ini wujud tetapi hingga hari ini ianya tidak dipatuhi 100% oleh industri pembinaan. Saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan akan menyasat perkara ini dan mengambil tindakan tertentu untuk memastikan bahawa undang-undang tersebut dapat dilaksanakan 100%.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh ialah mengenai Aktiviti (1) — Pentadbiran Am. Mengenai Aktiviti ini, saya ingin mengatakan di sini tentang perlunya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan undang-undang dengan seberapa segera untuk mengawal Agensi-agensi Pekerjaan Persendirian (Private Employment Agency) yang sekarang tumbuh sebagai cendawan selepas hujan, terutamanya masa ini ada berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur. Bentuk perniagaan seperti ini hanya memerlukan pendaftaran perniagaan sahaja pada masa ini oleh kerana tidak ada satu undang-undang yang khusus untuk perusahaan ini. Mereka bebas bergerak kerana ketiadaan kawalan undang-undang ke atas mereka.

Kebanyakan Agensi-agensi perkerjaan Persendirian ini boleh dikatakan dijalankan oleh apa yang disebutkan dalam bahasa Inggeris "fly by night operators". Selepas mereka mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan mereka biasanya akan mengiklankan dalam surat-khabar tempatan untuk memberitahu orang ramai tentang terdapatnya kerja-kerja dan orang ramai yang menganggur boleh membuat pendaftaran di dalam syarikat itu. Orang-orang yang hendak mendapatkan kerja melalui usaha mereka dikehendaki seperti saya katakan tadi, membuat bayaran pendaftaran yang dikenakan oleh operator-operator agensi itu. Apa yang berlaku

sekarang ialah setelah menunggu begitu lama kadang-kadang berbulan-bulan lamanya kerja yang dimaksudkan atau dicari tidak juga ada ditawarkan kepada mereka, bukan setakat itu sahaja tetapi wang pendaftaran juga dikira hangus dan tidak dikembalikan kepada pelanggan-pelanggan oleh agensi-agensi yang tidak dapat menyediakan pekerjaan yang dijanjikan malah ada berlaku selepas memungut wang pendaftaran daripada pelanggan mereka yang biasanya dikenakan bayaran lebih kurang \$20 atau lebih seorang untuk satu jangka masa perkhidmatan akan lesap entah ke mana. Bayangkanlah sekiranya agensi-agensi seumpama ini telah memungut beribu-ribu ringgit daripada pelanggan mereka dan selepas itu mereka lesap, tidakkah ini satu perbuatan penipuan?

Memandangkan perkara ini penting, saya ingin menyentuh satu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan ini yang menyatakan bahawa Kerajaan akan menggubal dan memperkenalkan satu Rang Undang-undang untuk mengawasi Agensi Pekerjaan Persendirian. Saya mengalu-alukan langkah ini dan saya suka menggesa Kerajaan supaya dapat mengemukakan Rang Undang-undang ini dengan segera demi kepentingan para penganggur. Dengan penubuhan satu Rang Undang-undang seumpama itu akan membolehkan pihak Kementerian mengawal dan mengawasi perjalanan dan pergerakan semua Agensi-agensi Pekerjaan Persendirian di negara kita dengan mengeluarkan lesen kepada mereka dan di samping itu adalah perlu semua iklan-iklan mengenai pekerjaan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar dikehendaki mempunyai permit iklan juga. Itulah yang saya ingin sentuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.07 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3) — Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, kalau kita ada mengkaji buku Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat setiap tahun kita akan dapati bahawa dari tahun 1968 hingga 1978 purata kadar kemalangan perusahaan yang berlaku di Semenanjung Malaysia adalah sangat serius iaitu sebanyak

13,000 kes kemalangan perusahaan berlaku setiap tahun di Malaysia. Pampasan yang dibayar terhadap kemalangan perusahaan ini ialah \$5 juta purata dan number of working days lost ialah 300,000 setiap tahun, nyawa yang terkorban ialah 350 orang dalam kemalangan perusahaan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, apa yang saya cuba menarik perhatian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hari ini ialah mengenai keselamatan perusahaan industri seperti kesihatan pekerjaan (occupational health) yang sudah dilalaikan selama ini oleh pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Tidak boleh dinafikan bahawa kita ada mempunyai satu akta yang memperindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan kaum pekerja, umpamanya Akta Kilang dan Jentera tahun 1967 dan Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan Kesihatan dan Kebajikan) 1970. Memang banyak peraturan-peraturan dan akta-akta yang diperuntukkan bagi Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia, tetapi nampaknya kita ada Akta dan peraturan yang berkenaan tetapi ianya tidak dikuatkuasakan selama ini.

Kalau Akta ini ada dikuatkuasakan, saya di sini ingin sekali bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berapakah majikan telah dihukum dan dihadapkan ke mahkamah kerana mereka didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan seperti yang saya sebutkan atau di bawah Akta Kilang dan Jentera, umpamanya, mengenai tempat kediaman, premises, makanan, bahaya keselamatan pekerjaan dan perlindungan mata, telinga dan lain-lainnya? Adakah umpamanya di bawah Peraturan-peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera, 1970 ada banyak peraturan-peraturan diperuntukkan di bawah peraturan ini, Akta yang berkenaan, umpamanya, dari Peraturan ke 2 hingga ke 39 yang berkaitan dengan kebajikan dan keselamatan pekerja, tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa kalikah Pegawai-pegawai Buruh atau Pemeriksa atau Machinery Inspector telah dihantar ke kilang untuk mengadakan pemeriksaan mengejut untuk memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan di dalam kilang-kilang adalah dipatuhi — tidak. Dari pengalaman pekerjaan saya di kilang selama dekat 5 tahun, saya

tidak pernah melihat seorang Machinery Inspector datang ke kilang untuk mengadakan pemeriksaan keselamatan, kecuali bila ada nyawa terkorban atau pekerja sudah hilang kaki dan tangannya barulah dihantar Machinery Inspector lihat di mana mesinnya yang berlaku kemalangan atau boiler sudah rosak barulah diperiksa dengan secara ketuk di sini, ketuk di sana, tetapi ini bukanlah tugas pemeriksa-pemeriksa kilang dan jentera untuk menjalankan kerja mereka.

Kalaulah Pegawai-pegawai Pemeriksa kekurangan, maka apa sebab Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak boleh menambah bilangan pemeriksa-pemeriksa jentera ini supaya nyawa keselamatan pekerja boleh diperindungi. Ini adalah sangat mustahak tetapi dari angka-angka yang saya sebutkan tadi dari tahun 1968 hingga tahun ini, setiap tahun sudah berlaku kemalangan yang begitu serius. Bolehkah kita katakan ini tentu akan berlaku kerana pembinaan negara kita, pembangunan sosio-ekonomi tentu akan memakan nyawa manusia, memakan nyawa rakyat? Bolehkah kepentingan keselamatan pekerja dikorbankan kerana pembangunan dan pembinaan negara kita? Tidak. Ini adalah tanggungjawab Kerajaan untuk memperindungi keselamatan dan kesihatan kaum pekerja kerana mereka adalah satu partner yang termustahak dalam pembinaan negara kita.

Di sini saya tidak tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menguatkuasakan dengan sekuat-kuatnya di bawah Akta dan Peraturan tersebut. Saya juga tidak bersetuju penalti di bawah Peraturan 40 umpamanya hanya \$1,000 maksimanya kalaulah didapati bersalah tetapi nyawa manusia terlibat hanya dihukum maksimanya \$1,000 sebagai penalti. Adakah ini boleh dijadikan satu pengajaran yang serius terhadap majikan supaya membangkitkan kesedaran tanggungjawab mereka—tidak. Apa sebab seseorang majikan jika ianya tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut penaltinya hanya \$1,000 maksima. Saya kata semua peraturan ini perlu diubahsuai, dipinda, bukan sahaja menaikkan hukuman penalti, juga peraturan-peraturan yang berkenaan perlu dipinda supaya ianya boleh sejajar dengan keadaan pekerjaan dan pembangunan perindustrian Malaysia. Akta ini diadakan pada tahun 1967, bilakah Akta ini

pernah dipinda? Tidak pernah dan nampaknya jarang ada orang terdengar nama itu, Undang-undang dan Peraturan-peraturan itu. Ini nampaknya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah lalai tanggungjawabnya untuk menjalankan satu kempen keselamatan di sektor swasta supaya tiap-tiap kilang boleh dipaksakan untuk menubuhkan safety committee untuk menjalankan tugas mereka. Ini satu cadangan DAP. Saya harap bolehlah dipertimbangkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Satu perkara yang sangat mustahak ialah kemalangan di perusahaan-perusahaan perlombongan. Nampaknya ini adalah satu tugas Kementerian Primary Industries, bukanlah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Nampaknya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak pernah campur tangan di kawasan kemalangan perusahaan perlombongan. Ini bukan hanya di bawah Kementerian Primary Industries, juga adalah tanggungjawab Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang berkaitan dengan keselamatan pekerjaan. Inilah perkara saya perlu menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apakah tindakan akan diambil untuk bersama-sama dan bekerjasama dengan Kementerian Primary Industries supaya keselamatan boleh dikawal. Umpamanya, dua minggu yang lepas tiga nyawa terkorban di lombong, hampir tiap-tiap minggu ada berlaku accident di bidang perlombongan.

Saya tidak bersetuju bahawa jumlah pampasan yang termaktub di bawah Ordinan Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation Ordinance) ini adalah mencukupi sungguhpun ianya sudah dinaikkan 100% tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita pampasan dari \$7,200 ini dinaikkan menjadi 100% tidaklah mencukupi untuk membayar, menanggung kerugian yang dialami oleh si mati. Kalaupun berpuh-puluh tahun pekerja mengorbankan nyawa dan masa depan mereka kepada negara kita, apakah sebabnya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat merasa keberatan dan kesusahan untuk melipatgandakan, umpamanya, 3 atau 4 kali jumlah pampasan ini supaya keluarga si mati itu boleh diberikan satu jaminan dari segi kewangan, ini adalah mustahak. Umpamanya, hari ini kalaulah seorang ketua dalam keluarganya terkorban dalam kemalangan perusahaan hanya dapat \$15,000, \$15,000

bolehkah menjamin masa depan kehidupan keluarga si mati itu? Tentu tidak cukup, belanja untuk perkebumian akan memakan \$4,000.

Tuan Pengerusi, semua faktor-faktor yang saya sebutkan tadi perlulah diperhatikan.

Akhirnya, saya juga mahu menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkhidmatan Employment Centre yang selama ini boleh dikatakan sangat-sangat mendukacitakan rakyat Malaysia yang tidak dapat mencari pekerjaan daripada . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara itu bersabit dalam mana?

**Tuan Chan Teck Chan:** Di bawah Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tidak boleh dan tidak wajar bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hanya memotong nama pencari-pencari kerja bila mereka tidak dapat mendaftarkan nama semula dalam masa 6 bulan. Yang mustahak ialah bagi Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menyiasat apakah sebabnya rakyat Malaysia merasa putus asa dan merasa enggan pergi ke Employment Centre untuk mendaftarkan nama mereka semula dalam masa 6 bulan kerana mereka sudah menunggu bertahun-tahun, umpamanya, 4-5 tahun Employment Centre ini masih gagal untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Jangan hanya menuduh rakyat Malaysia sangat memilih (choosy) pekerjaan tetapi keadaan yang sebenarnya bukanlah begini, kerana Employment Centre ini tidak boleh mendapat kepercayaan dari sektor swasta.

Memang peluang ada diberikan melalui Employment Centre ini menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat kita tetapi perkhidmatan ini tidak boleh digunakan sepenuhnya, apakah sebabnya? Bolehkah tiap-tiap bulan kalau kita baca Bulletin bulanan dari Ministry of Labour, ada 5,000, 10,000 nama sudah turun. Sebenarnya, Employment Centre tidak berjaya menawarkan kerja kepada rakyat Malaysia maka angka pengangguran sudah turun—tidak, kerana mereka tidak mendaftarkan nama mereka di Employment Centre barulah turunnya angka itu, maka turunlah angka pengangguran di Malaysia. Nampaknya elok, wah! 5%, 6% tetapi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat masa sudah cukup. Saya beri seminit.

**Tuan Chan Teck Chan:** Terima kasih. Tetapi masalah pengangguran di Malaysia masih tidak berubah, bolehkah dengan angka-angka ini menipu dan memesongkan penglihatan rakyat, katanya, lihat keadaan pengangguran di Malaysia sangat baik, hampir 7%. Sebenarnya kalau lima tahun yang lepas, kita hendak kira setiap tahun dari 1970 hingga hari ini, kita kira rakyat yang sudah dipotong nama itu, saya kata melebihi 10%, bukan 7%. Saya harap Timbalan Menteri boleh memberikan satu jawapan yang jelas dan concrete tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Buruh untuk memperbaiki imej dan kecukupan perkhidmatan di Employment Centres.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Damansara.

4.21 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Pengerusi, pada biasanya peruntukan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini dibentangkan semasa Budget untuk kita berunding ataupun bertukar fikiran mengenai belanjawannya. Oleh kerana memikirkan bahawa bahagian ini mungkin tidak mustahak maka dengan sebab itu Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak menyentuh perkara ini dalam Parlimen dan Kerajaan pula memandangkan ianya tidak begitu mustahak.

Tiap-tiap Pejabat Buruh di Malaysia kita nampak ada juga bilik-bilik yang buruk, tempat berunding tidak ada, tempat berbicara tidak ada, kalau ada pun, tidak ada kerusi; kalau ada kerusi pun, tidak ada meja dan kalau kedua-duanya ada pun, tidak ada kipas.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap dalam butiran mana?

**Tuan V. David:** Maksud B. 51, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am.

Apabila kita bertanya Pegawai Daerah atau negeri-negeri, katanya, apa kita boleh buat—tidak ada wang.

Saya sudah lama duduk dalam Dewan ini dan saya nampak Kerajaan tidak mengambil berat tentang Bahagian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya rasa kalau Kerajaan tidak memberikan satu tempat yang mustahak kepada Pejabat Buruh yang ada di Malaysia ini, barangkali pada masa akan datang negara kita tidak boleh ada aman dan berjaya seperti yang kita semua fikirkan.

Kedua, saya menyentuh Maksud yang sama, Aktiviti (6) — Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Undang-undang Buruh di Malaysia Barat dan Malaysia Timur adalah berlainan. Kerajaan berkata ia sudah disiasat dan Undang-undang Buruh di Sarawak dan di Sabah adalah bebas dan tidak serupa dengan di Semenanjung Malaysia. Sebab apa? Sesebuah Kesatuan Sekerja yang hendak didaftarkan adalah berbeza di antara Sarawak, Sabah dengan Semenanjung Malaysia. Kesatuan Sekerja daripada Semenanjung Malaysia tidak boleh mengambil ahli-ahli daripada Sarawak dan Sabah. Kerajaan berkata itu adalah berlainan.

Saya barangkali salah faham ataupun Kerajaan salah faham. Kita nampak ada dua negara dalam Malaysia. Satu Federal Government manakala Sarawak/Sabah di dalam Malaysia itu lain. Kalau dalam sebuah negeri itu ada dua Kerajaan, ada dua aturan ataupun undang-undang, ini nampaknya tidak mendatangkan kebaikan pada masa akan datang. Dengan izin, the Federal Government is in existence. Saya dan DAP meminta Kerajaan bawa satu undang-undang yang serupa di Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak dan undang-undang itu ialah Trade Union Ordinance.

Kedua, lain-lain Undang-undang Buruh yang serupa. Orang-orang yang bekerja di Sarawak dan Sabah boleh masuk kesatuan di Semenanjung Malaysia dan orang yang bekerja di Semenanjung Malaysia boleh masuk ke mana-mana kesatuan di Sarawak dan Sabah. Itulah yang boleh kita kata anggota pekerja yang bersatu di Malaysia.

Ketiga, Kesatuan Sekerja ataupun Kerajaan ada berkata . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang mana, Yang Berhormat sentuh?

**Tuan V. David:** Maksud B. 51, Aktiviti (6) — Pendaftaran Kesatuan Sekerja.

**Tuan Pengerusi:** Pendaftaran Kesatuan Sekerja?

**Tuan V. David:** Kerajaan bercadang hendak membawa pindaan mengenai Undang-undang Buruh. Kita ada membaca dalam suratkhbar bahawa ianya akan dibawa ke Parlimen dan kadang-kadang ada forum-forum di kesatuan ataupun di lain-lain

tempat, Kerajaan berkata bahawa ia akan membawa pindaan atas Undang-undang Buruh. Kesatuan-kesatuanpun ada juga membangkitkan dan bersuara mengatakan undang-undang sekarang tidak patut dan tidak adil. Jadi bagaimana Kerajaan hendak membawa pindaan undang-undang, kita tidak tahu. Tetapi sekiranya Kerajaan memikirkan untuk mengikat lagi kesatuan ataupun pekerja, ini saya menyokong majikan-majikan dan swasta yang terpaksa dan bukan sahaja diikat kaki dan tangan semua pekerja-pekerja ini, tetapi diikat leher supaya mereka tidak boleh bercakap lagi. Saya meminta Kerajaan kalau membawa apa-apa pindaan, biarlah pindaan itu adil seperti yang kita semua mengatakan masyarakat adil tetapi tidak ada keadilan dalam pindaan dan pindaan itu boleh dikatakan tidak boleh mendatangkan keamanan kepada Malaysia, keamanan kepada orang yang tanpa kerja.

Kerajaan kita bila pergi keluar negeri ada mengatakan bahawa terdapat buruh-buruh yang murah di Malaysia. Kerajaan kata boleh datang ke Malaysia dan boleh mengorbankan orang untuk bekerja. Kalau begitu, orang luar memikirkan di Malaysia boleh didapati pekerja-pekerja yang murah dan mereka boleh datang ke Malaysia.

Ada juga perindustrian swasta di Malaysia yang bertaraf free trade zone. Free trade zone ini ramai orang bekerja di sana, contohnya, kilang-kilang elektronik tidak boleh masuk Kesatuan Sekerja di bawah Pendaftaran Kesatuan di Malaysia. Kesatuan Pekerja Elektronik ada memohon untuk mendaftarkan kesatuannya yang sudah memakan masa lebih 1½ tahun, kemudian dapat jawapan, dan Kerajaan mengatakan nanti difikirkan dahulu. Barangkali majikan belum memberi arahan untuk mendaftarkan kesatuan itu.

Banyak cerita dalam dunia ini yang kita dengar semuanya baik, kita suka kesatuan, rancangan Kerajaan menyokong kesatuan, memberi faedah kepada pekerja, hendak memberi keadilan tetapi yang kita nampak di dalamnya ialah mahu menghapuskan kesatuan dan menggunakan orang bekerja. Saya minta penerangan daripada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bolehkah didaftarkan Kesatuan Pekerja-pekerja Elektronik ataupun tidak. Kalau tidak boleh, beritahu, jangan kata esok lusa, bukan satu hari atau dua hari, tiap-tiap tahun majikan swasta di free trade zone korbakan orang untuk

bekerja yang kebanyakannya orang-orang miskin. Siapa yang bekerja di kilang-kilang? Yang ramainya ialah rakyat di luar bandar. Kita semua menyebutkan Masyarakat Adil dan Dasar Ekonomi Baru. Ini bukan Dasar Ekonomi Baru. Yang saya nampak ini sudah melanggar Dasar Ekonomi Baru. Kilang-kilang tidak berkehendakkan kesatuan, ia duduk di sini hampir 10-20 tahun, kemudian ia lari ke negeri lain, tetapi Kerajaan mestilah memberitahu, apakah rancangan Kerajaan terhadap Kesatuan Pekerja-pekerja Elektronik yang pekerjaanya hampir 100,000 orang di situ.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa ada satu minit lagi.

**Tuan V. David:** Terima kasih. Saya telah dengar akibat daripada mogok pekerja-pekerja MAS Kerajaan sekarang ada ambil tindakan untuk menutup pejabat ITF di Malaysia di Petaling Jaya. Saya minta pihak Kementerian Buruh tolonglah beri keterangan sebab-sebab pejabat ITF kena tutup. Adakah Kerajaan takut diadakan badan-badan semacam ini di Malaysia. Kalau begitu, PLO, satu badan yang revolutionary, ada pejabat di Malaysia. Kalau ITF tidak boleh duduk di sini, macam mana PLO boleh duduk di Malaysia? Tolonglah bagi penerangan. Jangan buat dua standard: satu standard untuk PLO dan satu standard lain untuk kesatuan-kesatuan. Double standard law tidak boleh maju, lama-lama kita boleh nampak.

Polisi Kerajaan kita mengenai labour sudah pun mendapat nama buruk dalam dunia, ada bad image sekarang. Amerika Syarikat ada kata kapal terbang MAS tidak boleh mendarat di New York dan Washington kerana pejabat ITF akan ditutup di sini. Kalau begitu, tolonglah beri keterangan supaya rakyat Malaysia boleh faham.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.32 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 1100, Aktiviti 2(c) Mahkamah Perusahaan yang ditubuhkan untuk menyelesaikan pertikaian perusahaan dan untuk menjamin keharmonian perusahaan. Oleh yang demikian adalah perlu bahawa

Mahkamah Perusahaan harus dapat keyakinan dan kehormatan dari kedua-dua pihak baik majikan atau pekerja, supaya kebebasan dan impartiality mahkamah bukan sahaja diadakan tetapi dapat dilihat bahawa Mahkamah Perusahaan adalah adil. Tetapi untuk beberapa ketika ini, kelakuan Presiden Mahkamah Perusahaan, Encik Mathews Abraham, telah menimbulkan keraguan terhadap kebebasan dan impartialitinya.

Ini adalah kerana Encik Mathews Abraham telah secara terang-terang melanggar beberapa etika kelakuan berkaitan dengan tata tertib yang mana etika tersebut akan menghendaki atau menaklukkan pegawai-pegawai awam kepada tindakan tata tertib di bawah Perintah-perintah Am. Saya merujuk khasnya kepada Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam 1969 (Kelakuan dan Tata tertib) (Perintah Am, Bab D.) Saya merujuk kepada General Orders Chapter 'D' diadakan tahun 1969 di mana Fasal 3

"3. The following are the code of conducts of officers in the public service. The breach of any one of these conducts by an officer renders him liable to disciplinary action under these General Orders:

- (c) an officer shall not conduct himself in such a manner as is likely to bring his private interests into conflict with his public duty;
- (d) an officer shall not conduct himself in such a manner as he knows, or as can reasonably be expected to know, that such conduct is likely to cause a reasonable suspicion in the minds of the public that—
  - (i) he has allowed his private interests to come into conflict with his public duties and thereby impair his usefulness as a public officer; or
  - (ii) he has used his public position for his private advantage;
- (e) an officer shall not conduct himself in such manner as to bring the public service into disrepute or to bring discredit thereto."

Tuan Pengerusi, saya merujuk khasnya kepada dua kes pertikaian perusahaan yang melibatkan bank-bank yang mana kes-kes tersebut telah dibicarakan di hadapan Encik

Mathews Abraham, yang mana kes-kes tersebut melibatkan majikan-majikan bank dan pekerja-pekerja bank sedangkan di dalam dua-dua kes ini Presiden itu telah memperolehi beberapa pinjaman dari bank-bank termasuk memperolehi pinjaman-pinjaman yang tidak ada security dan kerap kali beliau telah gagal membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut yakni default of repayments pinjaman-pinjaman tersebut.

Saya merujuk pertamanya kepada Kes Mahkamah Perusahaan bernombor 97 tahun 1976 di antara Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank (NUBE) dengan Persatuan Bank-bank Perdagangan Kebangsaan (MCBA) yang telah dibicarakan pada 8 dan 9hb November 1976, dan keputusannya diberitahu pada 28hb Mac 1977 (No. Putusan: 28 tahun 1977).

Kes ini adalah hasil rujukan bersama oleh kedua-dua pihak kepada Mahkamah Perusahaan mengenai quantum dan formula pengiraan faedah-faedah pesaraan yang dibayar kepada kakitangan-kakitangan kerani dan bukan kerani yang diliputi oleh perjanjian kolektif yang ditandatangani oleh pihak NUBE dan MCBA dalam tahun 1975 yang mana pihak-pihak berkenaan mewakili 30 buah bank-bank perdagangan di Semenanjung Malaysia.

Presiden Mahkamah Perusahaan telah dalam kes tersebut memutuskan bahawa Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai kuasa untuk dengar pertikaian tersebut dan beliau menolak tuntutan tersebut **sungguh** pun kes ini telah pun ditolak (quashed) oleh Mahkamah Tinggi oleh kerana error of Law.

Apabila Encik Mathews Abraham membicarakan kes NUBE/MCBA itu pada 8 dan 9hb November 1976, beliau sebenarnya telah gagal secara berterusan untuk membayar balik pinjaman yang diperolehinya dari salah satu anggota MCBA iaitu Malayan Banking Bhd. yang mana pinjaman tersebut sebanyak \$8,000 telah pada awalnya tidak mempunyai apa-apa jaminan.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuduhan itu oleh Ahli Yang Berhormat itu amatlah serius. Saya minta Ahli Yang Berhormat memberi penjelasan dan evidence yang documentary di atas satu perkara yang harus tidak boleh diketahui oleh orang ramai iaitu mengenai

akaun seseorang walaupun pegawai bank. Saya ingin tahu bagaimana Ahli Yang Berhormat itu boleh dapat angka-angka mengenai akaun seseorang dalam satu bank. Adakah beliau bersekutu dengan ahli-ahli union yang telah mengeluarkan akaun-akaun tersebut atau adakah beliau berani memberitahu Dewan ini bagaimana beliau dapat akaun itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan point of order. Tuan Pengerusi, masa untuk buat teguran itu ialah masa soal-jawab.

Pinjaman tersebut tidak mempunyai apa-apa jaminan pun dan bank berkenaan telah menuntut supaya pinjaman itu dibayar balik. Pada bulan Ogos, 1976, Encik Mathews Abraham masih berhutang lebih daripada \$5,000 dan angka ini telah meningkat kepada \$7,300 tertakluk kepada syarat bahawa separuh daripada jumlah ini akan dibayar balik dalam masa dua bulan iaitu pada 15hb November 1976 dan bakinya akan dibayar pada akhir tahun tersebut juga. Apabila Encik Mathews Abraham memberi keputusannya pada 28hb Mac, 1977, beliau telah berkali-kali gagal membayar balik pinjamannya itu dan juga tidak menunaikan kata-katanya itu.

Kes banking kedua yang dibicarakan di hadapan Encik Mathews Abraham telah dijalankan sewaktu pihak Malayan Banking menuntut sering kali supaya beliau membayar balik pinjaman yang diperolehinya serta juga menunaikan janji-janjinya itu. Kes kedua ini melibatkan Persatuan Bank-bank Perdagangan Sabah (SCBA) dan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank Sabah (SBEU) berkait dengan perjanjian kolektif mengenai empat perkara. Sungguhpun kes ini melibatkan bank-bank di Sabah sahaja, perundingan-perundingan yang diadakan di Kota Kinabalu telah dijalankan oleh pihak MCBA bagi pihak SCBA dan pihak SCBA telah diwakili dalam perbincangan yang diadakan di hadapan Encik Abraham oleh seorang pegawai MCBA, Encik Naidu.

Kes ini iaitu Kes Mahkamah Perusahaan bernombor 116 tahun 1976 telah didengar di Kota Kinabalu pada 17, 18 dan 19hb Januari 1977 (selepas Encik Abraham selanjutnya gagal membayar balik pinjamannya itu kepada Malayan Banking) dan juga pada 8 dan 9hb Disember 1977. Keputusan telah pun diberi pada 15hb April 1978.

Hampir bulan demi bulan, Encik Abraham telah minta supaya bayaran balik kepada pinjaman yang diperolehinya dari Malayan Banking ditangguhkan bayarannya, dan beliau telah berbuat demikian sehingga bulan Julai 1977. Di dalam bulan Ogos, Bank tersebut telah bersetuju mengatur semula jadual bayaran balik hutang Encik Abraham, supaya selesa bayarannya hingga bulan Oktober 1977, yang mana sekali lagi Encik Abraham gagal mematumhinya.

Akhirnya, dalam bulan November 1977, peguam Malayan Bank telah mengeluarkan notis memberi amaran yang tindakan undang-undang akan diambil bagi mendapatkan semula baki hutang tersebut.

Hanya selepas itu, barulah Encik Abraham dalam bulan Disember menghantar dua post-dated cek bernilai \$1,500 untuk setiap cek tersebut dan berjanji akan membayar \$1,000 setiap bulan bermula dari bulan Januari 1978. Walaupun cek pertama tersebut selesai di "cleared", namun Encik Abraham terpaksa merayu berkali-kali kepada Bank tersebut untuk menangguhkan cek kedua. Sekali lagi Encik Abraham melewatkan bayarannya, dan dalam bulan March 1978, meminta sekali lagi untuk mendapatkan jadual baru bagi bayaran \$750 sebulan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, dalam perkara Mahkamah Perusahaan ini yang patut kita bahaskan ialah bekalan. Jadi saya tadi bagi peluang kepada Ahli Yang Berhormat dan untuk memberi sedikit pandangan berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan tetapi kalau boleh tolong tumpukan kepada maksud bekalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, point saya ialah mesti diadakan satu sistem Mahkamah Perusahaan di mana Presidennya sangat bebas dan tidak melanggar General Orders yang saya sebut tadi dan saya memberi butir-butir ini kerana tadi diminta; kita di sini tidak akan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Dengan sebab itu saya ada lagi sedikit sahaja untuk habiskan point ini.

Pada 15hb April 1978, Encik Abraham telah memutuskan di dalam kes SCBA/SBEUnya, dan di dalam bulan May 1978, Encik Abraham memohon untuk mendapatkan jadual baru bagi bayaran telah diluluskan. Walau bagaimanapun bayaran yang tidak tetap terus berlaku. Waktu itu, Encik Abraham telah membicarakan satu lagi

pertikaian yang melibatkan Persatuan Bank-bank Perdagangan Sabah dan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank Sabah yang melibatkan interpretasi.

Semasa pertikaian mengenai interpretasi itu didengar dan keputusan dibuat, Encik Abraham telah menerima amaran keras dari pihak Malayan Banking yang menuntut supaya beliau membuat bayaran-bayaran dengan tepatnya atau menghadapi akibat seterusnya. Dan sebelum Encik Abraham memberi keputusannya mengenai pertikaian tersebut pada 14hb Oktober 1978 beliau telah menulis kepada pihak Malayan Banking dan merayu untuk 'indulgence dan leniency'. Dan pada waktu itu, pinjaman yang Encik Abraham perolehi dari Malayan Banking merupakan salah satu pinjaman yang diperolehi dari bank-bank.

Tuan Pengerusi, point saya ialah di dalam perkara ini adalah sangat jelas President Mahkamah Perusahaan telah nyata melanggar Artikel Kelakuan dan Tatatertib seperti yang saya sebutkan dan lain-lain fasal. Misalnya, di bawah Fasal 9 (1) (c) seorang pegawai tidak boleh meminjam either as principal or as surety daripada seorang yang boleh menyebabkan tanggungjawabnya bercanggah. Ada lagi kes lain, yang saya dapat tahu berlaku seperti kes MIPA/AMESU di mana selepas kes diputuskan dalam bulan September, 1978 President Mahkamah Perusahaan itu mendapat satu loan daripada Overseas Union Bank dan guarantornya ialah Encik Chua Chong Seng seorang wakil majikan dalam Mahkamah itu. Itupun satu perkara yang perlu disiasat dan di sini saya harap, untuk memulihkan balik keyakinan pekerja-pekerja dan rakyat terhadap sistem Mahkamah Perusahaan supaya President tidak berada dalam satu keadaan di mana ia tidak boleh menjalankan tugasnya dengan bebas dan impartial bahawa satu siasatan hendaklah dijalankan dan jika perlu Encik Abraham hendaklah diremove daripada kedudukan dan jawatan President Mahkamah Perusahaan. Saya dapat tahu bahawa . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta setengah minit lagi untuk menggulung. Saya dapat tahu ada surat-surat ditulis kepada NBI mengenai perkara ini tetapi saya tidak tahu sama ada NBI sudah siasat, tetapi saya boleh terangkan

di sini apa-apa butir yang saya telah berikan tadi, saya rela bekerjasama dengan NBI untuk memberikan apa-apa maklumat supaya keadilan boleh ditegakkan.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.42 ptg.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih terutama sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya harap beliau sebagai seorang Ketua Pembangkang akan bertanggungjawab penuh di atas apa yang dikatakan dalam Dewan ini terhadap seorang pegawai tinggi yang mempunyai tanggungjawab yang amat luas, khususnya sebagai Pengerusi atau President Mahkamah Perusahaan.

Sejauh yang saya tahu Encik Mathews Abraham telah menjadi Chairman beberapa tahun yang lalu dan sejak Kementerian atau saya sendiri kenal dengan usaha-usaha Mahkamah Perusahaan ini, telah dapat memberi jaminan bahawa kita berpuashati mengenai tindakan beliau atau keputusan-keputusan dan kegiatan beliau sebagai seorang President Mahkamah Perusahaan dan sebagai bukti keyakinan dan kepercayaan pihak-pihak yang menghadapi beliau dan Mahkamah Perusahaan adalah satu yang meningkat naik dan bertambah baik lagi. Saya boleh menunjukkan angka-angka di mana. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, apakah kerana Kerajaan dan Kementerian Buruh sudah berpuashati atau merasa perkara ini tidak perlu disiasat sungguhpun saya akan bertanggungjawab sepenuhnya di atas apa yang saya katakan di sini.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya tidak boleh sebagai seorang Timbalan Menteri ataupun Ahli Kerajaan ataupun seorang individu membuat tuduhan yang liar begitu mencantumkan dua fact iaitu facts sebagai beliau seorang Pengerusi atau President Mahkamah Perusahaan dan keputusan beliau dalam satu-satu kes sebagai menunjukkan dengan sejelas-jelasnya dan conclusively bahawa beliau adalah seorang yang corrupt atau tidak mempunyai integrity dan harus dikeluarkan daripada jawatan

beliau. Memanglah sikap dan tindakan Ahli Yang Berhormat itu biasanya begitu membuat tuduhan yang liar, memperkecil-kecilkan seorang pegawai tinggi dan kita sudah tahu kes-kes yang lain, saya tidak membenarkan. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya tidak membenarkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat cuma boleh sentuh di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) atau (b).

**Datuk K. Pathmanaban:** Jelas Tuan Pengerusi, siapa yang liar dalam perkara ini. Saya mintalah jika Ahli Yang Berhormat itu ada bukti-bukti tak usahlah tunggu untuk datang di sini membuat ucapan dramatic di dalam perlindungan Dewan ini. Pergilah ke NBI seperti yang telah dilakukan oleh beliau sendiri dahulu, pergilah report dan selepas itu tunggu apa yang diputuskan. Kementerian saya amat berpuashati bahawa beliau dan rakan-rakan beliau di dalam Mahkamah Perusahaan telah menjalankan tugas-tugas mereka seberapa cergas dan seberapa jujur yang boleh dan kes-kes yang disebutkan oleh beliau juga, jika saya dapat memberitahu apa yang sudah jadi. Jika sebenarnya seorang President Mahkamah Perusahaan itu telah makan suap atau telah memilih kasih atau telah mengamalkan favouritism kepada bank-bank yang disebutkan kerana ada pinjaman dan ada desakan daripada bank itu untuk membayar balik pinjaman itu, jelas bahawa orang itu akan membuat satu keputusan yang favourable kepada beliau. Tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri bahawa bank-bank ini tidak mahu memaafkan apa yang dikatakan. Saya tidak tahu fact yang sebenar dalam perkara ini. Beliau telah mengatakan bahawa President Mahkamah itu telah dikejar, telah didesak, telah dichase dengan hangat dan telah diberi amaran dan lain-lain untuk membayar balik wang yang dipinjamkan, siapa dalam dunia ini tidak pinjam wang daripada bank.

Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu adakah beliau meminjam wang dari bank atau lain-lain pihak atau tidak? Ada, banyak orang yang pinjam untuk urusan kehidupan membina rumah dan lain-lain. Jika tindakan bank-bank ini disiasat seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu

bank-bank ini tidak melepaskan beliau jika keputusan yang dirujukkan itu menunjukkan favouritism kepada bank, bukankah bank itu akan memaafkan beliau? Tidak akan meng-ejar beliau hingga membayar balik dalam apa juga kerumitan pun. Jadi dengan *prima facie* saya tidak dapat memastikan bahawa tuduhan yang dibuat itu adalah terlalu liar untuk satu Dewan yang mulia seperti ini dan terlalu liar untuk seorang sebagai Ketua Pembangkang. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, on a point of order. Mengikut Peraturan (36) (4) bahawa adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli yang menggunakan bahasa biadab (*insulting and offensive*). Apabila beliau menggunakan istilah "tuduhan yang liar" tanpa asas oleh kerana saya ada memberi butir-butir dan bukan membuat tuduhan general. Masalahnya ialah benar atau tidak benar. Itu terpulanglah kepada siasatan yang akan diadakan. Tuan Pengerusi, saya harap bahawa beliau boleh tarik perkataan "tuduhan yang liar" itu oleh kerana itu tidak benar.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat menurut Peraturan Mesyuarat (36) (4) adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli yang menggunakan bahasa biadab. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada menggunakan bahasa biadab dia cuma mengatakan bahawa hujah-hujah atau tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat itu liar. Itu sahaja, bukan bahasa biadab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu, ada satu lagi point of order. Menurut Peraturan Mesyuarat 36 (4) kalau saya boleh sebut, "offensive dan insulting language" satu tuduhan yang liar. Yang sebenarnya bukan liar oleh kerana butir-butir itulah "offensive language" selain daripada kelakuan atau sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sikap yang liar.

**Datuk K. Pathmanaban:** Argumentative, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, memang pada pendapat saya dalam perkara ini bahawa percakapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak offensive ataupun biadab. Sekarang teruskan.

**Datuk K. Pathmanaban:** Saya mengulangi sekali lagi, Tuan Pengerusi tuduhan beliau adalah 'liar' dan tidak dapat dijelaskan dengan facts yang diberikan oleh beliau sendiri. Jika beliau itu sudah menggunakan pinjaman yang diperolehi olehnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sebagai satu rasuah, sudah tentu bahawa Bank itu akan lupakan sahaja atau siapa yang meminjam wang itu akan lupakan sahaja selepas pegawai itu sudah membalas budi; jika tuduhan itu benar. Tetapi dalam kes-kes yang dirujukkan ini jelaslah bahawa Bank-bank yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedang dan telah menghalang usaha ini untuk membayar balik dan mengambil tindakan beberapa macam untuk mendapatkan balik pinjaman itu. Dan jika ada 'favouritism' seperti yang dituduh atau dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah tentu tindakan Bank itu tidak mencerminkan bahawa mereka sudah merasai bahawa mereka dapat membalas budi pegawai tinggi itu. Dan saya haraplah dalam kes ini jika ada pegawai yang makan suap atau sudah dirasuahkan, reportlah kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Bagi pihak kita sendiri, kita telah meneliti juga keputusan-keputusan dalam perkara ini dan bukanlah tanggungjawab seorang Menteri atau seorang yang lain untuk mengatakan keputusan itu betul, adil atau tidak. Itu adalah satu keputusan Mahkamah yang bebas dan mempunyai keupayaan dan kebolehan yang tersendiri dan ini dijelaskan dan dibuktikan oleh beratus-ratus kes yang dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan dan keyakinan yang meningkat naik ke atas Mahkamah Perusahaan ini oleh kedua-dua pihak, bukan sahaja majikan tetapi juga pekerja-pekerja biasa dan kesatuan mereka. Dan kita puashati bahawa Mahkamah Perusahaan di bawah pegawai-pegawai yang ada pada masa ini dan di bawah pegawai-pegawai yang sudah menyandang jawatan-jawatan itu sudahpun dapat penerimaan yang penuh dan sedang digunakan dengan sepenuhnya oleh semua pihak yang berkenaan dalam perkara-perkara pertikaian perusahaan atau tuntutan-tuntutan di bawah undang-undang yang saya puashati bahawa Mahkamah Perusahaan adalah satu badan yang bebas, yang jujur dan yang sudah membawa hasil yang banyak dalam bidang perhubungan perusahaan dan sudah dapat penerimaan yang sepenuhnya dan saya haraplah jika ada tuduhan-tuduhan seperti ini tidak ushlah

kita memperkecil-kecilkan dan offend pegawai-pegawai yang sedang menjalankan tugas-tugas mereka. Jika ada bukti-bukti di bawah tandatangan Ahli Yang Berhormat atau orang-orang lain pun, sampaikanlah kepada badan-badan yang mempunyai kewajipan dan kebolehan untuk menentukan perkara-perkara itu.

Daripada apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, dapat saya katakan bahawa tidak ada 'favouritism' yang ditunjukkan kerana walaupun keputusan Mahkamah Perusahaan dalam kes-kes itu, Bank itu seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri juga membuktikan bahawa Bank itu telah mengerjakan dan berusaha dengan seberapa yang boleh untuk mendapatkan balik pinjaman, jika ada, yang diberi kepada pegawai ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan takut kepada kenyataan.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya belum membenarkan. Saya tidak takut. Saya hanya minta seorang Ahli yang begitu kanan dalam Parlimen ini, yang juga seorang lawyer, menjalankan dengan penuh perasaan tanggungjawab menyampaikan bukti-bukti yang dikatakan ada dengan tandatangan beliau kepada badan-badan yang berkenaan dan bukan berdiri di sini memainkan drama untuk memperkecilkan pegawai-pegawai yang menjalankan tugasnya . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Di sini badan yang tertinggi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tadi sudah diberi cukup masa untuk bercakap. Kalau tak ada point of order, tolong duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Atas point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order yang mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bertanggungjawab sepenuhnya, bukan semacam tuduhan yang liar, jawapan yang liar (*Disampuk*).

**Tuan P. Patto:** Boo!

**Datuk K. Pathmanaban:** Siapa boo?

**Tuan P. Patto:** Saya boo.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tipu dirilah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Menglembu diam!

**Tuan P. Patto:** Saya ada bertanggung-jawab juga.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk, diam! Hormati Dewan.

**Datuk K. Pathmanaban:** Saya minta Tuan Pengerusi beliau dikeluarkan dari Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya kata duduk, duduk!

**Tuan P. Patto:** Kalau dia tanya saya, saya jawab.

**Datuk K. Pathmanaban:** Saya berasa sedih di atas apa yang sudah berlaku, Tuan Pengerusi, kerana apa yang dikatakan tidaklah satu yang layak untuk Dewan seperti ini dikatakan.

Jika ada rasuah, Kementerian saya atau Menteri atau saya sendiri tidak hendak memberi perlindungan kepada sesiapa pun. Pendirian kita jelas tetapi Dewan atau tempat untuk membincangkan dan memutuskan perkara itu bukanlah di Dewan ini. Dan saya sangat sedih bahawa seorang yang kanan, yang berpengalaman sudah menggunakan Dewan ini untuk tujuan-tujuan yang tidak sihat, tujuan-tujuan yang tidak diingini . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 36 (6) mengatakan bahawa: "No Member shall impute improper motives to any other Member." Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada impute improper motives bahawa ada tujuan yang tidak sihat, ini oleh kerana dia pembela kepada kelapan-lapan orang yang tidak baik, tidak betul. Nampaknya ini sangat memalukan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli-ahli. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cuma mengatakan bahawa dalam perkara-perkara ini elok dikaji dengan mendalam. Dia tak ada impute. Teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk K. Pathmanaban:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, saya mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas beberapa cadangan yang dibuat oleh beliau mengenai gaji minima. Perkara ini telah banyak kali kita menjawab dalam Dewan ini dan Kerajaan menghadapi bahawa perkara gaji ini sebagai satu yang harus di jalankan di bawah Wages Council Ordinance tetapi pada masa ini kata tidaklah bercadang untuk mengenakan Wages Council Ordinance ke atas kilang-kilang atau pekerja-pekerja kilang dan kita masih menjalankan beberapa kegiatan melalui nasihat dan cadangan-cadangan dan juga di bawah seksyen-seksyen Employment Ordinance untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja yang bekerja dalam kilang-kilang ini mempunyai gaji syarat-syarat pekerjaan yang lebih memuaskan dan kita sendiri dapat melihat hasil daripada kegiatan ini dalam angka-angka gaji dan kemudahan-kemudahan yang lain yang sedang dinikmati dalam perkara-perkara seperti ini.

Saya juga saya menyatakan di sini bahawa kilang-kilang yang baru yang dimulakan dalam kawasan-kawasan yang tidak maju adalah kilang-kilang yang akan memakan masa untuk memberi kemudahan yang penuh kepada pekerja ataupun kepada pengguna-pengguna dan harapan kita di bawah sistem galakan kita kepada perusahaan-perusahaan adalah bahawa bukan sahaja kilang-kilang itu dapat membekalkan barang-barang kepada negara kita dengan mutu dan harga yang memuaskan tetapi juga pekerja-pekerja yang digaji oleh mereka akan dapat menikmati gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang memuaskan tetapi ini adalah satu proses yang bertingkat-tingkat dan kita sedang mengawal dan mengawasi keadaan dalam perkara ini.

Mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh mengenai gabungan kesatuan-kesatuan sekerja di negara Malaysia kita ini dengan badan-badan atau kesatuan-kesatuan antarabangsa. Memanglah kita telah mengambil perhatian di atas apa yang dikatakan oleh beliau khasnya hasil daripada apa yang telah berlaku dalam pertikaian di antara MAS dengan AEU dan dalam cadangan-cadangan yang sedang disediakan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja memang kita akan mengambil perhatian terhadap kuasa-kuasa yang ada di bawah undang-undang itu untuk memberi kawalan yang lebih rapi kepada sumber-sumber kewangan Kesatuan Sekerja khasnya

sumber-sumber asing dan juga hubungan dan gabungan Kesatuan-kesatuan Sekerja di negara ini dengan kesatuan-kesatuan yang lain.

Memang kita dapat menyatakan di sini bahawa semua hubungan dan gabungan ini yang tidak sihat sudah banyak hasil dan faedah yang dapat dinikmati oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja di negara Malaysia melalui gabungan ini, tetapi dalam satu dua kes, gabungan ini sudah pun memperkecilkan nama baik atau mengurangkan harumnya image dan nama negara kita di kalangan antarabangsa dan kita sedang mengkaji ini dan kita harap dapat membuat peruntukan dalam Akta yang dapat memberi kawalan yang lebih rapi kepada keadaan yang seperti ini. Pegawai-pegawai daripada Kesatuan Sekerja akan juga diberi latihan yang penuh dan lebih mendalam tentang pemeriksaan akaun untuk menentukan bahawa kegiatan Kesatuan Sekerja dan penggunaan wang yang banyak di dalam tangan Kesatuan-kesatuan Sekerja dapat digunakan sejajar dengan peraturan-peraturan mereka dan sejajar dengan kepentingan ahli-ahli dan pekerja-pekerja yang menjadi ahli-ahli dalam Kesatuan-kesatuan ini. Pada amnya saya katakan di sini bahawa kita puas hati bahawa Kesatuan-kesatuan Sekerja kita telah menjalankan tugas-tugas mereka dalam perkara kewangan dengan tanggungjawab dan peruntukan-peruntukan yang kita akan minta dimasukkan dalam Akta Kesatuan Sekerja adalah untuk memberi kuasa pengawalan yang lebih rapi sahaja, kerana kegiatan Kesatuan-kesatuan dan hubungan antarabangsa Kesatuan-kesatuan kita adalah satu yang menjadi lebih kompleks semakin hari.

Mengenai ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas perhatian yang diberi kepada beberapa aspek yang penting di bawah Kementerian saya, khususnya mengenai keselamatan pekerjaan dan agensi-agensi pekerjaan persendirian (private employment agency).

Seperti saya katakan tadi dalam ucapan saya sendiri membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian saya, Kementerian saya sudah merangkakan satu peraturan yang baru untuk memberi kawalan yang lebih baik kepada aspek keselamatan pekerja atau pekerjaan dalam perusahaan pembinaan dan peraturan yang baru yang sudahpun dirangka

dan menunggu untuk penelitian Peguam Negara untuk dikuatkuasakan seberapa cepat yang boleh akan mempunyai peruntukan yang cukup bukan sahaja untuk alat-alat yang digunakan oleh pekerja untuk mempertahankan keselamatan mereka dalam pekerjaan tetapi juga akan mempunyai peraturan-peraturan yang cukup untuk pengawasan yang lebih baik di dalam tempat-tempat pembinaan.

Untuk penubuhan Safety Committee di tempat-tempat seperti itu dan juga untuk cara-cara pekerjaan yang lebih selamat dan kita harap tidak berapa jam lagi kita akan dapat menguatkuasakan peraturan itu dan dengan kerjasama daripada semua pihak kita akan dapat mencapai kedudukan keselamatan dalam usaha pembinaan yang lebih menggalakkan. Jika dikaji angka-angka yang ada mengenai kemalangan di dalam perusahaan ini kita dapat mengatakan bahawa dalam setahun dua yang lalu kita sudah dapat mengurangkan kemalangan yang berlaku dalam perusahaan ini kerana pegawai-pegawai daripada Jabatan Kilang dan Jentera telah menumpukan perhatian yang lebih kepada bidang perusahaan ini dan sudahpun beberapa kontraktor yang menjalankan kerja-kerja dalam bangunan yang bertingkat tinggi menggunakan system of works dan alat-alat yang lebih selamat. Tetapi saya tidak dapat menyatakan di sini bahawa semua kontraktor atau kebanyakan kontraktor sudahpun menjalankan kerja-kerja mereka sedemikian atau pekerja-pekerja sendiri pun di dalam perusahaan pembinaan ada ramai yang tidak memberi kepentingan kepada aspek keselamatan dalam pekerjaan mereka. Ada banyak yang tidak menggunakan kasut-kasut yang cukup selamat, banyak yang tidak menggunakan topi keras yang dibekalkan kepada mereka dan lain-lain. Apa yang kita hendak bukan sahaja peraturan yang baru tetapi sikap dan cara-cara pekerjaan yang lebih selamat kita harap kita sudah pun mula dalam proses membinakan satu suasana pekerjaan yang lebih selamat di dalam perusahaan pembinaan.

Mengenai keselamatan sosial, cadangan beliau untuk membenarkan tuntutan di bawah common law, tidak payah saya mengambil masa Dewan ini untuk menghurai-kan tindakan-tindakan dalam perkara ini kerana baharu sahaja kita telah jawab satu usul daripada beliau mengenai perkara ini. Kementerian saya sedang memberi perhatian yang menyeluruh kepada aspek ini dan

kepada segala aspek yang berkait dengan tuntutan di bawah common law di atas kes-kes kecederaan yang dibayar faedah-faedah (benefits) oleh pihak SOCSO. Kita berharap akan dapat mengumumkan keputusan ini selepas kita membincangkan dengan pihak majikan dan pekerja.

Mengenai kadar pampasan yang disebutkan oleh beliau saya dapat menyatakan bahawa baru sahaja pada tahun yang lalu kita sudah pun meninggikan kadar benefit yang dibayar oleh pihak SOCSO dan sekarang ini kita sedang meneliti sokongan yang dibuat, pandangan yang dibuat oleh seorang Actuarist untuk mengkajisemula. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah mengenai satu point yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa sudah 7 tahun SOCSO mempunyai pengalaman yang cukup dan luas untuk meninggikan kadar pembayaran pada masa ini. Point itu tidaklah begitu tepat kerana walaupun PERKESO ini sudah 7 tahun dalam implimentasi tetapi coverage atau liputan PERKESO ini masa ini pun sedang diluaskan dan kita harap dapat meliputi seluruh negara hanya pada akhir tahun 1980. Jadi pengalaman yang kita ada mengenai accident rate dan claim rate dan lain-lain belumlah cukup dan kita kenalah berjaga-jaga apabila kita hendak meninggikan atau menaikkan benefit yang akan dibayar.

Saya nafikan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi bahawa kita tidak menilai nyawa-nyawa dalam kemalangan ini. Sebenarnya nyawa itu tidak mempunyai nilai yang cukup dalam wang ringgit. Nyawa itu adalah satu yang begitu besar, satu yang begitu penting kepada keluarga dan orang-orang lain. Hanya kita dapat menentukan bahawa tanggungan pekerja-pekerja itu yang sudah meninggal atau tercedera sampai tidak mempunyai keupayaan untuk meneruskan pekerjaan beliau PERKESO dapat memberi elaun yang cukup untuk menjaga kehidupan mereka. Ini bukan satu yang dapat dicari ganti untuk kehilangan nyawa kerana gantian kehilangan nyawa itu tidak boleh dibuat oleh manusia dalam dunia ini. Kadar pampasannya itu adalah dalam perhatian kita dan kita akan kaji kadar bayaran yang dibuat oleh PERKESO dari masa ke semasa dan dengan adanya kawalan yang lebih cukup, kita

akan menaikkan dan meninggikan dan meluaskan juga pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh PERKESO sejajar dengan kebolehan PERKESO itu.

Mengenai egensi-egensi pekerjaan, kita sudah pun beberapa kali mengatakan bahawa rang undang-undang mengenai egensi-egensi pekerjaan persendirian sedang dirangka. Saya dapat menyatakan di sini bahawa rang undang-undang ini sudahpun siap dan Kementerian saya harap bahawa akan dapat mengemukakan rang undang-undang untuk mengawal egensi-egensi pekerjaan persendirian di Dewan ini di dalam sesi yang akan datang pada bulan Mac tahun depan dan kita pun mementingkan nasib pencari-pencari pekerjaan yang dipermain-mainkan oleh egensi-egensi "fly by night" dalam perkara ini mengambil wang mereka untuk pendaftaran dan lain-lain tetapi tidak berusaha langsung untuk mencari pekerjaan untuk mereka ataupun tidak jujur di dalam apa yang mereka usahakan ataupun mengenakan bayaran yang begitu tinggi untuk usaha ataupun perkhidmatan yang mereka beri. Kita harap rang undang-undang itu akan dapat mengawal kegiatan-kegiatan egensi-egensi pekerjaan persendirian ini untuk menentukan bahawa mereka bersungguh-sungguh dan benar-benar memberi perkhidmatan yang baik dan dapat digunakan oleh kita semua.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kita sudah pun sebut mengenai komen beliau mengenai pampasan. Beliau berucap sahajalah apabila saya dengar beliau, tetapi beliau tidak ada di sini pada masa ini dan sudah keluar macam biasa dan tidak hendak dengar apa yang kita jawab. Apabila saya dengar beliau bercakap macam seorang pakar buruh, tetapi saya fikir "pakar buruk" lebih tepatlah di dalam perkara ini, kerana beliau sebut beberapa perkara secara am dan luas dan tidak dapat point out kekurangan-kekurangan tertentu mengenai kemalangan di dalam kilang-kilang. Beliau telah menyatakan bahawa pegawai-pegawai Kementerian Buruh langsung tidak melawat, menyasat kilang-kilang hanya apabila berlaku sesuatu kemalangan barulah mereka melawat. Ini tidaklah benar. Angka yang dikeluarkan oleh Kementerian dalam Bulletin bulanan dan juga dalam laporan tahunan Kementerian ini akan dapat menunjukkan bahawa pegawai-pegawai di dalam Bahagian Kilang dan Jentera sentiasa menjalankan penyiasatan

dan inspection kepada kilang-kilang bukan sahaja sebagai penyiasatan yang berjadual (schedule inspection) tetapi juga sebagai penyiasatan mengejut dan lawatan mengejut. Saya dapat menyatakan di sini bahawa dalam tahun 1978 sahaja pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera telah menjalankan sebanyak 26,000 penyiasatan termasuk lawatan kepada kilang-kilang dan itu bukanlah satu angka yang kecil kerana pegawai-pegawai yang di dalam Jabatan ini ialah pegawai-pegawai yang mempunyai latihan yang cukup dan mereka adalah mempunyai tanggungjawab yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah menyatakan bahawa pegawai-pegawai ini tidak melawat. Sebenarnya, 26,000 lawatan telah dibuat dalam satu tahun kepada kilang-kilang dan juga penyiasatan kepada boiler pressure vessel hose dan lifting machine serta lain-lain ada 14,000 penyiasatan yang telah dibuat. Tetapi seperti yang saya katakan tadi bukanlah lawatan pegawai dan undang-undang yang ada yang akan menjamin keselamatan pekerja-pekerja kita, bukan sahaja undang-undang dan lawatan itu, tetapi juga sikap dan kesedaran pekerja-pekerja dan pihak majikan terhadap isu-isu keselamatan pekerja yang hanya akan dapat menjamin keadaan yang sihat seperti itu. Dan Jabatan kilang dan jentera dengan kerjasama daripada pihak PERKESO dan pihak Industrial Safety Society yang ada pada masa ini sedang menjalankan beberapa kursus, tayangan filem, menyediakan poster-poster, syarahan-syarahan, lawatan dan lain-lain untuk menggalakkan semangat dan sikap serta kesedaran terhadap aspek-aspek keselamatan pekerja dan ini akan diteruskan dan akan ditambah juga lagi dalam tahun-tahun yang akan datang dengan kerjasama daripada semua pihak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Beliau berkata maksima denda di bawah Akta Kilang dan Jentera \$1,000. Entah dari mana beliau baca ini, barangkali sudah baca undang-undang yang salah di dalam perkara ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak beri jalan?

**Datuk K. Pathmanaban:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak, teruskan.

**Datuk K. Pathmanaban:** Beliau telah menyetujui mengenai kemalangan di lombong-lombong. Saya harap beliau tunggulah sampai Anggaran Belanjawan Kementerian perusahaan Utama dibentangkan, beliau boleh ucapkan. Beliau tergopoh-gopoh barangkali hendak pulang lekas hingga tersebut perkara ini di bawah Kementerian Buruh. Bukanlah semua Kementerian boleh buat semua perkara. Ada dikhaskan kepada Kementerian Perusahaan Utama perkara keselamatan di dalam lombong-lombong dan biarkanlah kepakaran itu meningkat naik dalam Kementerian itu biarkanlah Kementerian saya menjaga keselamatan di lain-lain tempat. Tidak usah kita gopoh di dalam perkara ini membuat kerja lain seperti ahli Pembangkang mesti laporkan semua perkara, pakar buruk seperti yang saya katakan tadi. Tetapi Kementerian-kementerian dan pegawai-pegawai mestilah hadkan tugas-tugas mereka kepada bidang-bidang tertentu. Kita sendiri harapkan dan saya pun menyokong juga tindakan-tindakan untuk menambahkan lagi keselamatan di lombong-lombong, bukan kerana Kementerian saya tidak memandang berat. Tetapi bukanlah tugas Kementerian saya dalam perkara ini.

Mengenai perkara Pejabat-pejabat Pekerjaan, dalam hal ini saya fikir Ahli Yang Berhormat itu sudah silap, kerana saya sudah jawab satu soalan daripada beliau beberapa hari dahulu dalam perkara ini. Saya telahpun jawab kepada soalan tambahan dan lain-lain mengatakan bahawa Kerajaan tidak menggunakan angka-angka daripada Pejabat-pejabat Pekerjaan untuk menghitung kadar pengangguran di dalam negara kita ini. Bukan angka-angka daripada Pejabat Pekerjaan. Tidak usahlah kita mengilangkan (manufacture) data seperti itu . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** On a point of order 37 (b), Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Point of order 37 (b) bukan point of order. Penjelasan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan atau tidak?

**Datuk K. Pathmanaban:** Boleh!

**Tuan Pengerusi:** Boleh.

**Tuan Chan Teck Chan:** Oleh kerana banyak Kerajaan Negeri berasas kepada angka-angka diberikan dalam Bulletin bulanan yang dikeluarkan oleh Kementerian sebagai angka-angka untuk mencerminkan masalah pengangguran di tiap-tiap negeri, sebab itu saya ada menyentuh perkara ini. Adakah Yang Berhormat hendak menafikan Kerajaan Negeri tidak menggunakan angka-angka ini untuk memberi tahu rakyat mengenai kadar pengangguran di tiap-tiap negeri yang berkenaan?

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, tujuan kita mengatakan perkhidmatan pekerjaan itu adalah untuk mencari pekerjaan untuk siapa yang cari pekerjaan dan untuk membekalkan pekerjaan kepada majikan-majikan yang berkehendakkan pekerja. Bukan untuk kira atau menghitung kadar pengangguran. Ini sudah diterangkan beberapa kali. Tidak usahlah kita mencari angka-angka untuk mengelirukan rakyat dalam perkara ini. Kita keluarkan Bulletin bulanan kita untuk menunjukkan urusan perkhidmatan yang diadakan oleh Kementerian saya di mana wangnya dibekalkan oleh Parlimen, dan rakyat pun tertarik terhadap kegiatan perkhidmatan pekerjaan ini.

Laporan itu adalah untuk memberi maklumat kepada rakyat dan conclusion yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah pendapat dia sendiri dan bukan yang kita beri. Potongan-potongan nama pendaftar-pendaftar yang tidak membaharui pendaftaran mereka dalam enam bulan selepas mereka mendaftarkan nama mereka adalah satu cara untuk menentukan efficiency perkhidmatan itu dan bukan untuk menipu dan lain-lain. Jika beliau ini yang mendaftar di Pejabat Pendaftaran Pekerjaan ber-sungguh-sungguh berkehendakkan pekerjaan mereka mestilah membaharui pendaftaran mereka. Jika tidak, Perkhidmatan Pekerjaan ataupun pegawai-pegawai kita tahu beliau sedang ataupun mencari pekerjaan.

Di kebanyakan kes di mana potongan nama ini dilakukan kita dapati bahawa mereka sudah mendapat pekerjaan yang lain melalui sumber-sumber yang lain ataupun usaha-usaha mereka sendiri atau mereka tidak berniat untuk mendapat pekerjaan kerana

sudah kahwin atau dapat boy friend atau lain-lain tidak berhajat untuk mendapat pekerjaan melalui Pejabat Pendaftaran Pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak putus asa atau 'frust' mengenai Pejabat Pekerjaan. Itu adalah satu dalam imagination Ahli Yang Berhormat sahaja. Pada amnya saya dapat memberi tahu Dewan ini bahawa pejabat-pejabat pekerjaan ini sedang memberikan satu perkhidmatan yang baik kepada pencari-pencari pekerjaan dan sedang juga memberi satu tanda yang kasar terhadap keadaan pasar buruh dari satu masa ke satu masa. Kita akan juga meluaskan perkhidmatan ini, mengemaskan perkhidmatan ini seperti yang dikehendaki dalam masa dan keadaan pasar buruh kita iaitu perkhidmatan itu akan diteruskan dan akan juga dimajukan seberapa yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara seperti biasanya menduduh bahawa pejabat-pejabat di bawah Kementerian saya tidak ada kipas, tidak ada kerusi, tidak ada bilik, tidak ada orang dan lain-lain. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu selalu keluar negeri dan jarang duduk di negeri ini ataupun pergi ke pejabat-pejabat Kementerian saya untuk memastikan sama ada elokkah, ada kipas, ada bilik atau ada pegawainya. Jika beliau sendiri ada dalam Malaysia lebih har'nya dalam setahun daripada keluar negeri, kerap kali saya fikir beliau dapat menengok keadaan di sini. Jadi, tuduhan beliau itu adalah satu tuduhan am. Saya tidak bercakap bahawa semua pejabat mempunyai kemudahan yang cukup tetapi kebanyakannya, pada amnya pejabat-pejabat kita mempunyai kemudahan yang cukup dan kita sentiasa memberi perhatian kepada kemudahan-kemudahan kepada pejabat-pejabat di Kementerian kita.

Mengenai undang-undang yang berlainan di Malaysia Barat dan Sabah dan Sarawak, ini adalah satu perkara yang relevant bukan sahaja kepada bidang buruh bahkan ini adalah satu perkara yang disetujukan pada masa Malaysia diwujudkan dan di bawah Inter-Governmental Committee Report itu walaupun undang-undang daripada Malaysia Barat dapat diluaskan kepada Sabah dan Sarawak tetapi perkara undang-undang yang berkuatkuasa di sana adalah satu yang berlainan. Jadi, ini saya fikir akan memakan masa untuk menyatukan keadaan yang ada pada masa ini dan seboleh-bolehnya kita akan menyelaraskan keadaan di antara kedua bahagian negara kita ini.

Mengenai hujah beliau bahawa Kerajaan enggan memberi pendaftaran kepada kesatuan sekerja elektronik, beliau sendiri telah mengatakan bahawa Kementerian telah mengambil perhatian tentang permohonan yang ada dan sedang mengkaji permohonan itu. Keadaan pada masa ini adalah begitu. Walaupun beliau cabar untuk memberitahu di sini juga jika Kerajaan akan beri atau tidak beri pendaftaran, Kementerian kena menjalankan tugasnya untuk meneliti permohonan ini dengan secukupnya dan satu keputusan akan diumumkan sebaik sahaja kita sudah menyelesaikan penelitian dan siasatan yang sedang kita jalankan. Tetapi tidaklah benar untuk mengatakan bahawa pekerja-pekerja di dalam semua kilang atau tempat di bawah gelaran pioneer tidak dibenarkan masuk dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Kebanyakan pekerja-pekerja dalam perusahaan-perusahaan yang pioneer sudah pun masuk sebagai ahli kesatuan sekerja dan sedang menikmati faedah-faedah di bawah collective agreements yang ditandatangani di antara majikan-majikan pioneer dan kesatuan-kesatuan yang berkenaan.

Di dalam perkara elektronik, saya hanya dapat memberi tahu bahawa perkara ini adalah dalam perhatian dan kita akan mengumumkan keputusan mengenai pendaftarannya apabila Pendaftar Kesatuan Sekerja sudah menyelesaikan siasatan beliau.

Mengenai penutupan pejabat ITF di Petaling Jaya, beliau bertanya jika PLO boleh giat di negara Malaysia, apa sebabnya ITF tidak dapat bergiat. Benarkanlah saya, Tuan Pengerusi, memberi tahu bahawa pejabat ITF di Malaysia itu adalah satu yang tidak sah di sisi undang-undang kerana pihak ITF (Asian Office of ITF) tidak membuat sebarang permohonan untuk mendaftarkan pejabat mereka di sini walaupun di sisi undang-undang mereka terpaksa membuat permohonan seperti itu dan mendapatkan kelulusan. Jika ITF ataupun PLO ataupun lain-lain badan menjalankan kegiatan-kegiatan yang melanggar atau mencabar undang-undang di negara ini, mereka akan ditutup juga, mereka akan diambil tindakan juga mengenai langgaran undang-undang dan ini tidaklah satu yang khusus kepada ITF sahaja. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat mengambil perhatian dan tindakan ini bukanlah di bawah Kementerian saya juga

tetapi adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana pihak Pendaftar Society mengawal perkara ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah membuat cadangan yang membina dan berfaedah terhadap beberapa aspek mengenai kegiatan Kementerian saya dan saya mintalah kerjasama daripada semua pihak untuk kita menentukan bahawa mutu perkhidmatan yang diberi oleh berbagai-bagai jabatan di bawah Kementerian saya ini akan dapat ditinggikan bahawa penerimaan perkhidmatan oleh rakyat dan pihak-pihak yang berkenaan akan dapat ditinggikan dengan kegiatan-kegiatan dan ucapan-ucapan kita. Tak usahlah kita memperkecilkan dan tak usahlah kita menuduh pegawai-pegawai secara liar; jika ada perkara-perkara yang diragukan, maklumkan kepada Kementerian saya dan kita akan mengambil tindakan yang perlu dan wajar dalam perkara-perkara itu. Sekian sahaja, terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$27,943,500 untuk Maksud B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$8,642,415 untuk Maksud P. 51 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerianya.

*Maksud B. 52 dan B. 53 (Jadual)—*

*Maksud P. 52 dan P. 53 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

*5.30 ptg.*

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Jabatan-jabatan serta Agensi yang termasuk di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 52, Kepala P. 52, Kepala B. 53 dan Kepala P. 53.

Anggaran di bawah Kepala B. 52 berjumlah \$20,651,600 ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini akan dibahagikan kepada Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail atau PUSPATI sebanyak \$2,563,000; Bahagian Alam Sekitar sebanyak \$2,756,600; Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau PERHILITAN sebanyak \$5,103,110; Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM sebanyak \$8,067,390. Bakinya sebanyak \$2,161,500 ialah bagi Bahagian Pentadbiran Am Kementerian.

Sementara itu Anggaran Pembangunan Kementerian saya di bawah Kepala P. 52 ialah sebanyak \$21,521,624 akan dibahagikan seperti berikut:

- (a) \$5,216,370 ialah untuk SIRIM. Dari jumlah ini \$1,257,806 ialah untuk bangunan dan bakinya sebanyak \$3,958,564 ialah untuk pembelian alat-alat kelengkapan.
- (b) \$5,587,097 ialah untuk PUSPATI. Dari jumlah ini \$2,561,287 ialah untuk kerja-kerja kejuruteraan (Civil Work); \$722,893 ialah untuk bayaran sebagai sebahagian dari harga "Reaktor"; \$200,000 ialah untuk pemasangan kuasa elektrik dan hawa dingin; \$1,565,000 ialah untuk alat-alat kelengkapan; \$30,000 untuk lawatan-lawatan ke luar negeri untuk meninjau dan mempelajari mengenai pembinaan dan kelengkapan pusat tenaga atom dan bakinya sebanyak \$507,917 ialah untuk luar jangka "Contingency".
- (c) \$376,156 ialah untuk Zoo Negara. Dari jumlah ini sebanyak \$20,000 untuk pembinaan rumah-rumah kakitangan; \$100,000 untuk pemeliharaan dan penyelidikan; \$93,560 untuk kawasan keranti dan bakinya \$162,596 ialah untuk kemajuan Zoo.
- (d) \$2,140,735 ialah untuk kemajuan Taman Negara. Dari jumlah ini sebanyak \$583,227 ialah untuk pembiakan hidupan liar; \$1,110,437 ialah untuk pembinaan 12 buah rumah riha tambahan dan 35 buah rumah pekerja; \$357,474 ialah untuk pembinaan sekolah latihan; \$83,250 ialah untuk pendidikan filem dan bakinya sebanyak \$6,347 ialah untuk penyelidikan.

(e) \$8,201,266 ialah untuk Bahagian Alam Sekitar. Dari jumlah ini sebanyak \$3,272,166 dikehendaki untuk melaksanakan Rancangan Kontinjensi Kebangsaan bagi mengawal dan mencegah pencemaran minyak di Selat Melaka dan bakinya sebanyak \$4,929,100 untuk Rancangan Kebangsaan bagi kawalan dan pengawasan kualiti udara.

Tuan Pengerusi, Jabatan Kimia sebaliknya mempunyai peruntukan yang berasingan, di bawah Kepala B. 53 berjumlah \$5,508,100 untuk perbelanjaan mengurus dan di bawah Kepala P. 53 sebanyak \$1,167,797 untuk perbelanjaan pembangunan seperti berikut:

- (a) \$287,300 untuk pembelian kelengkapan-kelengkapan bagi Makmal Tambahan, Petaling Jaya.
- (b) \$880,477 untuk Makmal Cawangan Kuantan. Dari ini sebanyak \$215,000 ialah untuk pembinaan bangunan dan bakinya \$665,477 ialah untuk kelengkapan-kelengkapan.
- (c) Peruntukan tanda (token vote) sebanyak \$10 untuk Makmal Tambahan Pulau Pinang bagi menemui sebarang tanggungan yang belum dapat diselesaikan pada penutupan kira-kira tahun 1979.
- (d) Peruntukan tanda (token vote) sebanyak \$10 untuk pengambilan tanah di Johor Bahru supaya projek ini boleh ditangguhkan jika pembelian tanah tidak dapat diselesaikan pada tahun 1979.

Oleh kerana segala keterangan yang perlu adalah terkandung di dalam Kertas-kertas Perintah berkenaan yang telah dibentangkan, maka saya rasa tidaklah payah lagi saya memberi penjelasan yang lanjut lagi dan dengan ini saya berharap kelulusan diberikan kepada Anggaran-Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan serta Agensi di bawah tanggungjawab saya seperti yang berikut di bawah:

- (a) Sebanyak \$20,651,600 di bawah B. 52.
- (b) Sebanyak \$21,521,624 di bawah P. 52.
- (c) Sebanyak \$5,508,100 di bawah B. 53.
- (d) Sebanyak \$1,167,797 di bawah P. 53.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran-anggaran ini diluluskan, dan menjadi sebahagian dalam jadual Rang

Undang-undang Belanjawan 1980 dan di dalam usul Pembangunan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk Belanja Mengurus B. 52 dan B. 53 dan Anggaran Pembangunan P. 52 dan P. 53 sekarang terbuka untuk perbincangan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.42 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3)—Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang peristiwa yang berlaku di Port Dickson pada 1hb Disember di mana berlaku satu perkara yang sangat serius yang berkaitan daripada punca pencemaran minyak dari Syarikat Shell di mana tempat-tempat bukan sahaja berhampiran, tetapi telah mengalir ke pagar juga polusi minyak ini telah mengalir keluar ke Selat Melaka, sekarang hanyut ke arah utara.

Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini adalah perlu mengetahui bahawa sebuah paip minyak ini yang melalui begitu panjang tempat kawasan yang berhampiran ini adalah dihuni oleh penduduk-penduduk tempatan. Tetapi saya tidak tahu bagaimana boleh berlaku peristiwa 1hb Disember ini. Kalau perkara ini tidak diawasi, kalau minyak mentah ini mengalir ke kawasan yang lebih jauh masuk ke tempat-tempat yang mana terdapat ramai penduduk-penduduk, ini membawa satu consequence yang sangat serius, mungkin beratus-ratus jiwa manusia akan terkorban. Di sini saya hendak tahu bahawa apakah tindakan yang segera telah diambil oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyalut perkara yang serius ini supaya langkah-langkah preventive boleh diambil untuk mempastikan kilang-kilang penapis minyak di seluruh negara kita boleh diberikan satu perhatian yang berat tentang peristiwa yang berlaku di Port Dickson pada 1hb Disember tahun ini.

Kalau langkah-langkah preventive tidak diambil, saya rasa kluatir bahawa seluruh kawasan yang terletak berhampiran dengan kilang-kilang penapis minyak ini mungkin

satu hari akan berlaku satu malapetaka yang akan mengorbankan bukan sahaja harta-benda, tetapi juga nyawa rakyat Malaysia.

Di sini saya ingin sekali mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri bahawa adakah sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menyalut perkara yang serius ini supaya rakyat boleh diberitahu bagaimana boleh berlakunya peristiwa yang begitu membimbangkan penduduk-penduduk yang sekarang ada di Port Dickson yang tinggal di sekeliling kawasan kilang penapis minyak khususnya Shell Company.

Tuan Pengerusi, di sini saya juga hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai pencemaran minyak di Selat Melaka yang sudah berlaku beberapa tahun yang lepas. Umpamanya kes di negeri Melaka yang melibatkan 444 orang kaum nelayan tetapi hari ini mereka semuanya tidak mendapat apa-apa pampasan. Bila perkara ini dirujukan kepada Kementerian Pertanian menurut pegawai-pegawai dan Menteri Pertanian berkenaan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Jika saya tidak silap Yang Berhormat Menteri sendiri dalam sebuah majallah ada memberitahu rakyat Melaka yang beliau sendiri berjanji bahawa kaum nelayan yang terlibat dalam pencemaran minyak pada dua tiga tahun yang lepas ini akan dibayar pampasan. Di sini saya merasa terperanjat bila melihat hanya kaum nelayan dari kawasan Muar telah diberikan pampasan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tetapi apakah sebabnya hingga hari ini kaum nelayan di Melaka masih belum diberi apa-apa pampasan. Kalau berlakunya apa-apa penyelewengan dalam senarai untuk menuntut pampasan ini maka kaum nelayan yang sebenar-benarnya yang terlibat dalam pencemaran ini perlulah dikeluarkan pampasan supaya mereka tidaklah mengalami apa-apa kesusahan.

Akhirnya saya hendak mengetahui daripada Menteri yang berkenaan bahawa apakah langkah yang positive telah diambil untuk memperlindungi alam sekitar di keseluruhan Selat Melaka supaya pencemaran minyak atau pencemaran bahan-bahan yang lain tidaklah berlaku di sepanjang Selat Melaka, kerana apa yang kita kluatir ialah setiap hari begitu soboknya kapal-kapal yang membawa

bahan-bahan yang merbahaya, yang mudah terbakar, yang mudah tercemar ini adalah melalui Selat Melaka. Kalaulah Selat Melaka tidak dikawali dan dipelihara mungkin satu hari Selat Melaka akan menjadi sebuah selat yang terkotor dalam dunia ini di mana kaum nelayan akan menjadi mangsa daripada pencemaran di Selat Melaka itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri bolehlah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa apakah langkah yang lebih concrete, yang lebih positif ini diambil untuk menjamin Selat Melaka boleh dibebaskan daripada pencemaran apa-apa bentuk pun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.48 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian atas perbincangan Aktiviti (3) — Alam Sekitar.

Saya memerhatikan bahawa bilangan jawatan untuk tahun depan yang telah diminta ialah 242 dan juga \$1.5 juta akan diminta untuk perbelanjaan mengurus untuk tahun depan.

Memandangkan bahawa bilangan jawatan pun telah bertambah untuk tahun depan, saya berharap bahawa apa yang patut dilakukan ialah untuk menentukan bahawa soal penguatkuasa dapat dijalankan. Oleh kerana sekiranya kita tidak ada penguatkuasa yang cekap maka banyak masalah-masalah yang dialami dari segi alam sekitar tidak dapat diatasi.

Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka pun ada menyentuh satu perkara yang pada pandangan saya adalah sangat penting dan saya juga menyokong pendapat yang telah diberikan oleh beliau dan di sini suka saya memaklumkan di Dewan ini bahawa kalau saya tidak salah lebih daripada 20,000 tan minyak telah tumpah ke dalam dan sekitar perairan Malaysia di masa lima tahun kebelakangan ini dan saya berpendapat bahawa masalah ini adalah satu masalah yang amat serius dan separuh daripada 20,000 tan minyak adalah disebabkan daripada kejadian kemalangan kapal pembawa minyak yang paling serius berlaku dalam bulan April tahun ini apabila 10,000 tan minyak mengalir keluar daripada sebuah

kapal pengangkut minyak yang bernama M.V. Fortune ke dalam Laut China Selatan selepas satu pelanggaran. Dan sebelum itu di antara bulan Januari 1975 dan bulan Mac, 1978 terdapat juga 6 kejadian tumpahan yang besar berlaku, yang seriusnya adalah berlaku di Selat Melaka.

Memandangkan hal ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah kemajuan yang telah dicapai dalam melaksanakan rancangan kontigensi kebangsaan (national contingency plan) yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 3 tahun yang lalu yang mana 3 pusat gerakan ditubuhkan, satu di Pulau Pinang, satu di Port Klang dan satu di Johor untuk mengatasi masalah pencemaran air itu.

Satu aspek yang saya ingin sentuh di sini ialah bahawa baru-baru ini ada satu kejadian yang telah berlaku di Brickfields Kuala Lumpur di mana ada berlaku satu kebocoran gas cecair amonia dari sebuah gerabak tangki yang mengancam lebih kurang 150 orang penduduk yang tinggal di sekitar kawasan itu. Kejadian seumpama ini juga ada berlaku pada 13hb Mac, 1978 di kawasan Brickfields yang sama. Memandangkan bahawa kebocoran gas amonia adalah membahayakan keselamatan orang ramai dan alam sekitar, saya suka menyeru Kementerian yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasi masalah ini dan sentiasa menjalankan pemeriksaan yang rapi ke atas tiap-tiap tangki gas untuk menentukan bahawa tangki-tangki itu adalah sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

Tuan Pengerusi, atas perkara alam sekitar juga, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada berbagai masalah pencemaran di Lembah Kelang (Klang Valley). Lembah Kelang sebagai satu pusat aktiviti perindustrian dan kemanusiaan, adalah satu lembah yang amat tercemar dan ini adalah satu hakikat yang sendiri diakui oleh Bahagian Alam Sekitar dalam Kementerian yang berkenaan. Tidak lama dahulu Yang Berhormat Menteri sendiri pernah menyatakan bahawa lebih daripada 700 bakal punca-punca pencemaran udara adalah membahayakan kesihatan penduduk-penduduk di Lembah Kelang.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada berbagai masalah alam sekitar seperti masalah penebangan pokok, hakisan tanah, pembuangan perindustrian, penyalahgunaan tanah

dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa apa yang perlu dibuat sekarang ialah untuk menentukan bahawa pihak berkuasa tempatan ataupun dalam bahasa Inggeris (local authorities) seperti Dewan Bandaraya dan Lembaga Perbandaran Petaling Jaya dapat memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Saya berpendapat bahawa satu pasukan petugas (task force) hendaklah ditubuhkan yang mengandungi daripada pegawai-pegawai Dewan Bandaraya dan Lembaga Perbandaran Petaling Jaya dan juga Kementerian yang berkenaan untuk menentukan dan memastikan penguatkuasaan yang lebih efektif undang-undang mencegah pencemaran dengan tujuan untuk mengatasi segala masalah pencemaran di Lembah Kelang itu.

Satu aspek lagi saya ingin sentuh di sini dan ini ialah tentang pelaksanaan panduan-panduan atau guidelines mengenai taksiran kawasan sekitar (environmental impact assessment) yang menentukan bahawa apa-apa perancangan pembangunan yang komprehensif di negara kita tidak akan menimbulkan kerosakan alam sekitar. Nampaknya Kementerian berkenaan belum dapat melaksanakan konsep ini dan oleh kerana itu penduduk-penduduk di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitarnya sentiasa menghadapi masalah banjir kilat misalnya sambil menghadapi catuan air pada musim kemarau. Perkara ini telah timbul oleh kerana kegiatan-kegiatan pembangunan yang tidak terkawal di dalam Lembah Kelang itu. Dan saya berharap bahawa pasukan petugas yang saya cadangkan ini dapat ditubuhkan sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah itu dengan lebih berkesan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh Kepala P. 52, Butiran 1—Institusi Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), muka surat 436.

Memandangkan bahawa banyak kegiatan perlu dilakukan oleh SIRIM dalam aspek penyelidikan perindustrian, saya suka merujuk kepada betapa mustahaknya untuk pihak berkenaan mengadakan satu senarai piawaian atau standard list untuk bahan-bahan komponen dan alat ganti bagi gas cylinder untuk mengelakkan berlakunya kemalangan yang melibatkan gas cylinder yang berpunca dari alat-alat komponen yang

tidak sesuai. Oleh sebab pada masa yang lepas, kita semua ada membaca dalam akhbar bahawa ada beberapa kes kejadian kebocoran gas cylinder itu berlaku dan mungkin salah satu sebabnya ialah bahawa bahan-bahan komponen dan alat ganti adalah tidak sesuai. Saya harap SIRIM akan dapat mengambil berat tentang hal ini dan dapat mengadakan langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.59 *ptg.*

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya hanya ingin menyentuh perkara B. 52, Butiran 1100, Aktiviti (3) — Alam Sekitar bersama dengan peruntukan P. 52, Butiran 6 — Kawalan Alam Sekitar di mana sejumlah lebih dari \$8.2 juta dimohon oleh Kementerian ini di bawah Kepala tersebut.

Tuan Pengerusi, beberapa minggu yang lalu kita mendengar satu berita di mana di kawasan Selat Tebrau atau Selat Johor terdapat perkampungan nelayan-nelayan di Selat tersebut keluhan-keluhan yang mengatakan dengan sebab kedudukan Selat Tebrau sekarang ini tercemar atau dicemar oleh sebab kotoran-kotoran yang mengalir daripada kawasan-kawasan perindustrian di negara jiran iaitu di Singapura yang menyebabkan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk perkampungan tersebut pendapatan-pendapatan penduduk diperkampungan tersebut terjejas sebab hasil-hasil tangkapan nelayan-nelayan ini semakin berkurangan. Perkara ini apa yang dikatakan dan apa yang saya dimaklumkan adalah disebabkan oleh tindakan beberapa kilang-kilang di negara Singapura mengeluarkan kotoran hasil perindustrian mereka ke Selat Tebrau dan dengan sebab itu kehidupan-kehidupan di dalam Selat Tebrau itu banyak mati dan menjejaskan pendapatan dan penangkapan nelayan-nelayan disitu.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah keputusan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian

bagi mengawal dan mengawasi kedudukan Selat Tebrau atau Selat Johor daripada pencemaran yang terus-menerus berlaku hasil daripada kotoran-kotoran yang disalurkan oleh industri-industri daripada negara jiran. Perkara ini adalah perkara yang berat oleh sebab kedudukan negeri Johor adalah berjiran dengan negara Singapura dan tidak dapat dinafikan bahawa kadar perkembangan perindustrian di negara tersebut adalah cepat dan dengan sebab keadaan mereka perhampiran dengan Johor, terutama dengan sebab adanya Selat Tebrau, maka apa-apa perkara yang berlaku di Singapura khususnya dari segi perkembangan dan hasil-hasil perkembangan perindustrian itu secara langsung atau tidak langsung akan menjejaskan kedudukan kesihatan dan alam sekitar, khususnya penduduk-penduduk di Johor. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri samada sudahkah atau pun tidak satu jawatankuasa bersama yang tetap mengenai pencemaran alam sekitar di antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura ditubuhkan, samada Jawatankuasa ini sudah ditubuhkan dan sekiranya sudah ditubuhkan apakah strategi dan langkah-langkah yang mereka akan ambil, cara jangka pendek dan jangka panjang supaya soal kekotoran dan pencemaran alam sekitar yang dihasilkan oleh industri-industri negara jiran ini dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Bukan sahaja dari segi pencemaran air tetapi juga terdapat khususnya terhadap penduduk-penduduk di Johor Bharu pencemaran udara dari kilang-kilang di sebelah Jurong di Singapura dan di kawasan Sembawang kira-kira tidak lebih daripada satu batu jauh dari kota Johor Bharu. Perkara ini memberi kesan yang tidak baik dari segi kesihatan penduduk-penduduk di situ oleh sebab kebanyakan daripada kilang-kilang ini berhampiran dengan Johor Bharu, khususnya di Singapura asap-asap yang kotor dan yang dikeluarkan ke udara banyak mengikut tiupan angin masuk ke kawasan di sekitar khususnya di kawasan penduduk-penduduk yang ada dalam kawasan Johor Bahru.

Saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri langkah-langkah yang sudah dijalankan oleh pihak Kementerian, rundingan-rundingan yang telah dibuat dengan pihak Kerajaan Singapura bagi mengatasi masalah ini. Sebab ini adalah satu perkara yang serius dan saya berharap

langkah yang tegas dapat diambil oleh pihak Kementerian supaya masalah yang disebutkan tadi dapat diatasi dengan seberapa baik yang boleh.

Berhubung dengan kesulitan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan yang tinggal di kawasan perkampungan nelayan di Selat Tebrau yang terjejas pendapatannya dengan sebab kedudukan pencemaran tadi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian sama ada mereka ini dapat diberikan bantuan atau diadakan satu skim bantuan khas bagi nelayan-nelayan yang juga terjejas pendapatannya dengan sebab pencemaran sungai-sungai dan Selat Tebrau sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua ialah dalam aktiviti kawalan alam sekitar ini terdapat banyak juga di negeri Johor sungai-sungai yang sudah mati ataupun sudah tercemar begitu lama dengan sebab kilang-kilang yang dahulunya didirikan di sekitar sungai-sungai ini masih lagi meneruskan kegiatan mereka mengalirkan kotoran dan hasil daripada perindustrian itu disalurkan masuk ke sungai-sungai dan saya tahu ada banyak kilang-kilang yang belum menjalankan tindakan yang sepatutnya bagi mencegah pencemaran ini. Umpamanya, diadakan satu tempat tertentu bagi mengalir dan membuang kotoran ini atau disalurkan di tempat yang lain dan tidak dimasukkan ke sungai-sungai. Saya ingin juga mendapat keterangan daripada Yang Berhormat Menteri apakah rancangan Kementerian untuk menghidupkan semula sungai-sungai yang sudah mati ini sama ada adakah rancangan-rancangan tertentu supaya memindahkan kilang-kilang yang sudahpun ditempatkan di kawasan-kawasan sekitar sungai yang berkenaan itu ataupun cadangan-cadangan yang lain supaya masalah pencemaran sungai ini dapat diatasi dengan seberapa baik yang boleh.

Inilah sahaja pandangan saya dan berharap Yang Berhormat Menteri khususnya akan dapat memberi penjelasan tentang tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran di Selat Tebrau dan sama ada jawatankuasa bersama ataupun jawatankuasa tetap sudahpun ditubuhkan bagi pencemaran alam sekitar di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura.

Pada akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong di atas peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.08 *ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (3) dicantumkan, muka surat 433.

Tuan Pengerusi, saya sangat tertarik hati apabila melihat peruntukan di dalam B.52 Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (3) ini di mana terdapat banyak pertambahan peruntukan yang diminta dan juga terdapat pertambahan pegawai-pegawai yang akan diambil bagi tahun 1980 ini. Ini adalah sesuai sekali memandangkan bahawa dengan wujudnya perkembangan pembangunan dan industri di negara kita ini di samping pertumbuhan rakyat yang begitu banyak dan di dalam keadaan yang bersedak-sesak di mana seharusnya pihak Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar ini mengambil perhatian yang sesungguhnya dengan menambah lebih banyak lagi kakitangan dan pegawai-pegawai yang khusus untuk dapat meneliti, merancang dan mengkaji keadaan-keadaan perkembangan semasa, terutama sekali di dalam masalah-masalah pencemaran alam sekitar, baik pencemaran air dan juga udara.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu dengan bertambah pegawai-pegawai yang diminta bagi tahun 1980 dan juga peruntukan bertambah dalam tahun 1980 ini adalah juga bagi dapat mewujudkan ataupun menempatkan pegawai-pegawai yang tertentu bagi negeri-negeri di kawasan utara Semenanjung Malaysia ini, terutamanya bagi negeri Kedah, misalnya, di mana perkembangan perindustrian dan pembinaan-pembinaan lain yang sedang pesat sekarang ini, kita dapati tidak ada seorang pegawai yang ditempatkan khas di negeri sebelah utara, terutama Kedah dan Perlis. Jadi dengan pertambahan ini adalah diharapkan supaya pihak Kementerian ini dapat menetapkan seorang pegawai khusus di sana untuk dapat membantu dan menentukan keadaan-keadaan yang sesuai kepada usaha-usaha pembangunan yang sedang pesat berlangsung sekarang ini. Ini pernah berlaku di mana di dalam sesuatu kes setelah dibangkitkan perkara ini ataupun berlaku sesuatu dan dilaporkan barulah terdapatnya pegawai-pegawai dari Ibupejabat Kuala Lumpur

sendiri untuk turun ke sana dan membuat penyiataan-penyiataan setelah berlaku sesuatu yang sepatutnya tidak seharusnya berlaku dan pernah juga berlaku di mana di dalam satu perkara seharusnya diperbincangkan atau dibangkitkan di dalam Jawatankuasa Tindakan Negeri, misalnya, tetapi tidak terdapat seorang wakil yang ditetapkan di kawasan utara itu untuk hadir di dalam mesyuarat Tindakan Negeri untuk bersama-sama membincangkan sesuatu masalah yang seharusnya ia mengikuti dan dapat memberikan pandangan dan penyelesaian di dalam perkara-perkara yang bersangkutan.

Jadi inilah harapan saya supaya dengan pertambahan pegawai-pegawai dan kakitangan baru ini agar Kementerian ini dapat mewujudkan atau menetapkan pegawainya di negeri Kedah ataupun sekurang-kurangnya beberapa di kawasan utara itu dipusatkan di mana-mana juga satu tempatan di sana dan dengan ini kita harap akan dapat lebih banyak menyelesaikan masalah-masalah yang kemungkinan tidak seharusnya berlaku kemudian barulah diambil tindakan seperti kata pepatah Melayu: Sudah terantuk baru tengadah.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Panti.

6.12 *ptg.*

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengambil bahagian sedikit berhubung dengan peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

Pertama, saya ingin menyentuh berkenaan dengan B. 52, Butiran 1100, Aktiviti (4) Perlindungan Kehidupan Liar dan Taman Negara.

Apa yang saya hendak sentuh di sini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perlindungan Kehidupan Liar ini oleh kerana hutan-hutan belantara kita hari ini boleh dikatakan hampir hendak habis dan penghuni-penghuni binatang liar ini adalah dalam hutan. Dengan pesatnya pembangunan rancangan kemajuan-kemajuan negeri, umpamanya, FELDA RISDA, FELCRA dan sebagainya, binatang-binatang liar ini seumpama gajah, badak dan sebagainya sudah tidak ada tempat lagi.

Dengan sebab itu saya percaya dalam kawasan pilihanraya saya dekat dengan Rancangan Belia di Sungai Ara umpamanya, selalu sangat ladang ini dikacau oleh binatang-binatang liar iaitu gajah. Walaupun banyak yang terlibat, walaupun bukan Sungai Ara sahaja yang terlibat bahkan FELDA di sekitar Kota Tinggi, umpamanya Aping Timur, Aping Barat selalu diancam oleh gajah-gajah ini tetapi apabila kita mengadu kepada pihak Mergastua, mereka hanya menghalau sahaja binatang ini dengan sebab katanya polisi Kerajaan tidak membenarkan kita membunuh binatang-binatang itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, sehingga hari ini dengan hanya menghalau sahaja, dia akan lari sebentar, selepas itu dia datang balik. Dan kadang-kadang gajah ini dicabutnya kelapa sawit dan diletakkan di tengah jalan iaitu jalan antara Kota Tinggi dengan Mersing. Ini sering berlaku, dan ada kalanya drebar-drebar lori balak pernah dikejar oleh gajah-gajah ini sampai tidak sedarkan diri sebab gajah ini bila melintas jalan tidak boleh diusik. Jadi entah macam mana satu hari drebar itu hon keretanya, gajah itu mengamuk sehingga drebar tadi tidak sedarkan diri lari berbatu-batu dikejar oleh gajah. Jadi maksud saya di sini, Tuan Pengerusi, kalaulah kita mempunyai satu polisi di bawah Alam Sekitar ini, saya bersetuju sangatlah supaya binatang-binatang liar ini jangan dihapuskan kerana kalau kita hapuskan mungkin generasi kita akan datang, anak-anak cucu kita akan datang mereka tidak akan melihat real binatang dalam tanahair kita, mereka hanya akan menengok filem sahaja atau pada gambar-gambar sahaja.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan oleh kerana dibiarkan secara begitu dengan menghalau binatang-binatang ini membinasakan, merosakkan tanam-tanaman yang melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit kerana umpamanya di FELDA Aping Barat tidak kurang daripada 200 ekar tanaman getah yang telah dimusnahkan oleh gajah ini. Jadi maksud saya, Tuan Pengerusi, melalui Jabatan ini kalau dapat ikhtiarkanlah tangkap gajah-gajah ini dan letakkan sama ada dalam Zoo kita atau diletakkan di Taman Negara.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, di dalam satu nada kita mengadakan Akta Perlindungan Kehidupan Liar, tetapi dalam satu nada yang lain apabila tiba bulan sembilan atau bulan

sepuluh, kalau tidak silap saya, pihak Mergastua daerah-daerah mengeluarkan lesen iaitu lesen untuk memburu sama ada memburu kijang, memburu rusa, memburu pelanduk ataupun ayam denak (ayam hutan). Dalam satu nada kita hendaklah memelihara kehidupan liar, tetapi dalam satu nada yang lain kita keluarkan pula lesen memburu. Jadi ini agak bertentangan pada pendapat saya oleh kerana sebagaimana yang saya katakan tadi mungkin dengan kita mengeluarkan lesen memburu ini walaupun dapat hasil kepada Kerajaan, kalau tidak silap saya kalau hendak memburu rusa tidak kurang daripada \$50 lesennya, kalau ini masih kita galakkan, kalau 50-60 tahun dahulu barangkali polisi ini harus kerana binatang kita banyak dan satu daripada hobi manusia ini ingin membunuh—tidak dapat membunuh manusia, binatang pun jadilah. Kalau senapang ada di rumah tergantung sahaja tidak digunakan, tidak bagus juga—berkarat, jadi diberilah lesen kepada orang ini untuk menembak binatang. Dalam satu nada yang lain kita hendakkan kehidupan liar ini dijaga dan dipelihara. Jadi pada saya nampak macam bertentangan.

Jadi saya sukalah memberikan pandangan dan cadangan kalau boleh lesen-lesen memburu binatang ini jangan digalakkan, kalau boleh dihapuskan Akta ini, jangan dibenarkan sesiapa lagi memburu pelanduk, kijang, rusa dan sebagainya dan pihak Kementerian ini hendaklah berusaha kalau sesuatu kawasan itu umpamanya di dalam bahagian mergastua terdapat beberapa ekor pelanduk, kancil, gajah dan sebagainya, usahakan tangkap binatang-binatang ini dan letakkan dalam Zoo Negara ataupun dalam Taman Negara. Jadi dengan cara yang begini kita akan dapat menyelamatkan binatang-binatang liar ini daripada luput.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud Pembangunan P. 52 iaitu Butiran (6)—Kawalan Alam Sekitar.

Walaupun telah dua orang Ahli Yang Berhormat sahabat menyentuh perkara ini dan Yang Berhormat dari Pagoh tadi telah menyentuh berkenaan dengan pencemaran air di Selat Tebrau, jadi saya selaku wakil yang datang dari negeri Johor menyokong pandangan ini dan menguatkan lagi dengan meminta kepada pihak Kementerian ini sebagaimana saya difahamkan pihak Kementerian telah pun

mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Republik Singapura, tetapi sehingga hari ini kita belum diberi tahu apakah hasil rundingan ini. Saya harap rundingan itu dapat diadakan selalu dan adakan persefahaman di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Republik itu untuk mengelakkan daripada pencemaran air dan pencemaran udara di bandar Johor Bahru. Kerana kalau keadaan ini tidak dikawal dengan rapi dan kalau keadaan ini tidak dijaga dari sekarang, besar kemungkinan kalau hari ini penduduk di Johor Bahru, bila mereka hendak bersiar dan mengambil udara yang bersih ialah duduk di sepanjang pantai Lido atau di sepanjang pantai Selat Tebrau tetapi dengan keadaan yang wujud di seberang sana yang dapat dilihat dengan mata kasar dan apabila angin datang meniup dari arah sana ke arah pantai Johor maka segala debu-debu, segala kekotoran udara daripada kilang-kilang sana akan jatuh ke bandar Johor Bahru dan di pantai Johor Bahru, kerana jarak di antara kilang-kilang di seberang sana dengan Johor Bahru tidak jauh—tidak sampai pun setengah batu. Dari itu saya harap melalui Kementerian ini dapat selalu mengadakan persefahaman dengan Kerajaan Republik itu.

Selain daripada kekotoran yang saya maksudkan tadi pihak kilang-kilang kita sendiri sama ada kilang-kilang daripada pihak swasta ataupun kilang-kilang daripada pihak agensi-agensi Kerajaan umpamanya FLDA. Di Johor umpamanya, banyak sungai-sungai, kalau dahulunya dapat menghasilkan dan memberi mata pencarian kepada nelayan-nelayan darat iaitu dengan banyaknya kehidupan asli seperti udang galah, ikan air tawar dan sebagainya tetapi pada hari ini dengan sebab kekotoran yang dilakukan oleh kilang-kilang FLDA umpamanya yang mengalirkan air ke sungai kecil, kemudian daripada sungai kecil itu terus ke sungai besar iaitu Sungai Johor umpamanya, saya ambil satu perbandingan maka segala ikan-ikan air tawar yang dahulunya kita boleh dapat dengan mewah tetapi hari ini sudah amat terasa sangat kekurangan disebabkan oleh kekotoran itu.

Dan perkara yang sama, Tuan Pengerusi, perkara ini telahpun saya dan beberapa Ahli Yang Berhormat pada tahun 1978 yang lalu dalam masa yang sama iaitu dalam membentangkan peruntukan bagi tahun 1979, telahpun disentuh beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masalah pencemaran ini tetapi sehingga hari ini, saya

percaya pihak Kementerian menjalankan usahanya seberapa yang boleh dan hingga saat ini masih lagi terdapat ada kilang-kilang di negeri Johor terutama kilang-kilang di negeri Johor terutama kilang FLDA di Ulu Sungai Johor yang masih lagi air kekotorannya itu mengalir ke Sungai Johor dan membunuh serta merosak segala ikan-ikan dan udang yang terdapat di dalam sungai itu. Saya harap pihak Kementerian ini akan mengadakan penyelarasan dengan mana-mana pengilang-pengilang walaupun syaratnya, saya percaya ada, syarat-syarat itu hendaklah dikuatkuasa sepenuhnya.

Pihak Kementerian ini hendaklah mengadakan penyelarasan dengan Kementerian lain iaitu Kementerian Perusahaan Utama umpamanya supaya jangan lagi kilang-kilang didirikan di tepi-tepi sungai. Oleh kerana hari ini bekalan air dan air paip sudah cukup walaupun jauh dari sungai, boleh didirikan kilang. Kalau di zaman lampau terpaksa kilang-kilang ini didirikan di tepi sungai—kerana kita tidak tahu menghargai alam sekitar. Segala sampah saraf, segala kekotoran kita hanyutkan ke sungai. Tetapi dengan kajian, dengan adanya sains dan teknologi moden, kita diberi tahu bahawa kekotoran sungai itu tadi akan mengakibatkan, mendatangkan penyakit dan sebagainya kepada kehidupan liar dan juga kepada kehidupan kita manusia sendiri. Hari ini sudah sampai masanya, jika boleh, jangan didirikan kilang-kilang ini yang berhampiran dengan sungai-sungai terutama sekali sungai-sungai yang ada orang-orang tinggal, ada nelayan-nelayan yang bergantung harap untuk mencari rezeki di sungai-sungai itu.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan dengan ini saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab.

6.25 ptg.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Belanjawan untuk Kementerian saya dan supaya dapat

menjimatkan masa, saya tak ingin menjawab satu persatu ulasan dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga dari Kota Melaka telah menyentuh peristiwa yang baru terjadi beberapa hari ini mengenai dengan satu peristiwa di mana pembocoran minyak di penapis minyak Sheel di Port Dickson. Mengenai perkara ini, pekilang-pekilang itu mendapati saluran paip yang menyambung pelampung minyak di pantai (single buoy mooring) dan tangki simpanan minyak telah tercabut atau bocor. Minyak sebanyak 40-50 metric ton telah tertumpah dan mengalir masuk ke dalam anak sungai atau parit yang berhampiran dan terus ke laut. Pintu air pasang-surut di Kuala Sungai itu terus ditutup untuk menyekat pengaliran minyak berterusan ke laut itu.

Kemalangan ini tidak dilaporkan oleh pekilang—serta merta tetapi bila berita itu terdapat oleh Kementerian saya, dua orang pegawai dari Bahagian Alam Sekitar telah dikejarkan ke Port Dickson serta merta untuk menyiasat kesan-kesan kemalangan itu. Enam contoh air telahpun dipungut dan sedang dianalisa oleh Jabatan Kimia. Pada masa sekarang keadaan ini terkawal dan kerja-kerja penyiasatan dan pemulihan masih dijalankan. Dalam taksiran Kementerian kami, perkara ini adalah terkawal.

Berkenaan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga lain-lain Ahli Yang Berhormat mengenai pencemaran udara dan air di dalam negara kita khususnya di Lembah Kelang dan apakah rancangan yang dibuat oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah ini. Saya suka menjelaskan bahawa Kementerian saya telah menguatkuasakan Peraturan-peraturan Udara Bersih atau (Clean Air Regulations) semenjak Oktober 1978 dan pencemaran-pencemaran udara dari kilang-kilang yang berkenaan dapat dikawal.

Kementerian ini juga telah menjalankan sistem pengawasan kualiti udara terutamanya di Lembah Kelang sejak tahun 1977. Dengan adanya sistem seperti ini maklumat-maklumat dapat diberi sama ada kualiti udara akan membahayakan ataupun tidak.

Mengenai Badan Petugas dengan Penguasa-penguasa Tempatan, mungkin tidak perlu kerana Kementerian saya sentiasa menyelaraskan kerja-kerja dengan Penguasa-penguasa Tempatan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan rancangan "contingency" di Selat Melaka, satu "Traffic Separation Scheme" sedang dilaksanakan untuk memastikan kapal-kapal mengikut arah-arah yang ditetapkan dan juga laluan jenis-jenis kapal yang besar akan dihadkan. Rancangan sedang dilaksanakan dengan lancarnya. Setengah-setengah alat telah diperolehi dan alat-alat lain sedang dipesan. Adalah dijangka rancangan ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun 1980 dan tiga pusat akan disiapkan apabila semua alat diperolehi.

Berkenaan dengan pencemaran di Selat Teberau ataupun Selat Johor yang disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Panti dan Jerai; saya suka menjawab bahawa saya sendiri dengan rombongan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari Bahagian Alam Sekitar telah berada di Singapura pada hujung minggu dan perbincangan telah diadakan dan juga beberapa tempat telah dilawati. Persetujuan telah dicapai untuk mengadakan persidangan bersama mengenai alam sekitar sekurang-kurangnya satu kali setiap tahun.

Mengikut pemeriksaan pencemaran oleh kilang-kilang, beberapa aturan dan kawalan sedang dikuatkuasakan untuk mengatasi masalah-masalah dan kerjasama semua yang terlibat adalah perlu dan cadangan kedua-dua pihak iaitu pihak Kementerian saya dan juga pihak Kementerian Alam Sekitar Singapura telah bersetuju supaya punca-punca yang sebenarnya akan ditentukan dan bekerjasama bagi mendapat teknologi yang efektif untuk mengatasi masalah pencemaran dan ini akan dikaji.

Perkara ini juga telah dibincangkan dalam Persidangan Kesihatan Sempadan Malaysia/Singapura pada 19hb-20hb November, 1979 yang lalu dan semasa lawatan saya ke Singapura baru-baru ini seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan Singapura telah memaklumkan bahawa sejak tahun 1978 pencemaran oleh bilangan babi di kawasan Barat Laut Singapura telah berkurangan dan juga air-air kotor

yang dikeluarkan telah dibetong sebelum dilepaskan ke dalam selat itu. Daripada lawatan saya dan rombongan ke Singapura kami berpendapat kawalan alam sekitar yang dijalankan oleh Kerajaan Singapura memang lebih ketat lagi daripada yang kami jangka sebelum kami melawat ke tempat itu.

Berkenaan dengan pampasan ataupun ganti-rugi yang diminta oleh nelayan-nelayan di Melaka; perkara ini adalah berhubung dengan kemalangan kapal Diego Silang yang telah dibayar kepada nelayan-nelayan di kawasan Muar kerana nelayan-nelayan itu apabila kejadian kemalangan Diego Silang terjadi, mereka membuat tuntutan pampasan tetapi nelayan-nelayan daripada negeri Melaka tidak berbuat demikian dan oleh itu kerana tuntutan tidak dikemukakan kepada tuan punya kapal, maka pampasan tidak dapat diberi kepada mereka yang tidak membuat tuntutan pada masa itu. Itulah sebab kenapa nelayan-nelayan di Muar dapat gantirugi sedangkan nelayan-nelayan di kawasan Melaka tidak dapat gantirugi, kerana mereka tidak buat apa-apa tuntutan.

Berkenaan dengan apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti berkenaan dengan perlindungan hidupan liar dan gajah yang merosakkan tanaman dan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian saya mengkaji supaya kita dapat reservekan lagi taman-taman untuk hidupan liar, ini akan dikaji. Saya telahpun kemukakan satu rang undang-undang untuk diluluskan oleh Dewan ini iaitu Rang Undang-undang Taman Negara dan apabila rang undang-undang ini diluluskan kita akan berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kita dapat reservekan tanah untuk melindungi hidupan liar itu.

Berkenaan dengan kawalan pencemaran sungai-sungai yang dicemarkan oleh kilang-kilang kelapa sawit dan lain-lain kilang seperti kilang daripada Rancangan FELDA, ini telah dijalankan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, Peraturan-peraturan Kelapa Sawit dan peraturan-peraturan kilang-kilang yang lain telah dikuatkuasakan, ini akan mengambil masa yang panjang sedikit kerana kita tidak dapat mengatasi masalah ini dengan serta-merta dan diharapkan tidak berapa tahun lagi apabila peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan kita akan dapat memulihkan sungai-sungai yang dicemarkan oleh kilang-kilang itu.

Jadi, apa-apa yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,651,600 untuk Maksud B. 52 dan \$5,508,100 untuk Maksud B. 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$21,521,624 untuk Maksud P. 52 dan \$1,167,797 untuk Maksud P. 53 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk megemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

*Maksud B. 54, B. 55, B. 56, B. 57, B. 58, B. 59 dan B. 60 (Jadual)—*

*Maksud P. 54, P. 55, P. 56, P. 57, P. 58, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

6.43 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon membentangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya di bawah maksud B. 54 hingga B. 60 seperti berikut:

B. 54	Kementerian Pengangkutan	\$ 2,930,400
B. 55	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia ... ..	6,469,000
B. 56	Jabatan Laut Sarawak dan Sabah ... ..	9,704,100
B. 57	Jabatan Penerbangan Awam Semenanjung Malaysia ...	10
B. 58	Jabatan Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah ...	12,610,900
B. 59	Jabatan Perkhidmatan Kaji-cuaca ... ..	9,815,500
B. 60	Jabatan Pengangkutan Jalan	14,963,500
	Jumlah Belanja Mengurus	
	1980 ...	\$56,493,410

dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi maksud-maksud P. 54 hingga P. 60 adalah seperti berikut:

P. 54 Kementerian Pengangkutan \$357,420,227

P. 55	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia ... ..	2,648,630
P. 56	Jabatan Laut Sarawak dan Sabah ... ..	8,362,690
P. 57	Jabatan Penerbangan Awam Semenanjung Malaysia ...	79,201,887
P. 58	Jabatan Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah ...	54,208,355
P. 59	Jabatan Perkhidmatan Kaji-cuaca ... ..	3,591,000
P. 60	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,996,842
	Jumlah Anggaran Belanja Pembangunan 1980 ...	<u>\$507,429,631</u>

Anggaran Belanja Mengurus 1980 B. 54 hingga B. 60 bagi Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya, peruntukannya ialah sebanyak \$56,493,410 berbanding dengan tahun 1979 hanya sebanyak \$48,821,810. Ini merupakan tambahan sebanyak \$7,671,600 atau 15.7%. Salah satu faktor utama tambahan di bawah Anggaran Belanja Mengurus ini adalah disebabkan tambahan jawatan-jawatan baru dan ini secara khususnya melibatkan tambahan peruntukan gaji dan upahan.

Anggaran Pembangunan 1980 pula bagi maksud P. 54 hingga P. 60 bagi Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya, peruntukannya ialah sebanyak \$507,429,631 berbanding dengan tahun 1979 sebanyak \$350,302,515. Ini merupakan tambahan sebanyak \$157,127,116 atau 44.8%. Bagi gambaran yang lebih jelas lagi mengenai anggaran pembangunan, saya suka memberi detail-detail perbelanjaan bagi Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

#### *P. 54—Kementerian Pengangkutan*

Anggaran Pembangunan Kementerian adalah meliputi projek-projek pembangunan Pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia, Pelabuhan-pelabuhan Sarawak dan Sabah dan projek-projek Keretapi Tanah Melayu.

Bagi projek pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1980 sebanyak \$56,236,227 adalah diuntukkan. Daripada jumlah ini sebanyak \$44,693,010 ialah peruntukan pinjaman bagi projek-projek pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kelang dan Pengkalan Petroleum Trengganu.

Peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1980 oleh Pelabuhan Kelang ialah sebanyak \$33,100,000 untuk projek-projek sambungan (continuation projects) yang diluluskan semasa kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga.

Projek-projek ini termasuk Pembinaan RoRo Ramp, Pembinaan Pengkalan Pukal Cair, Pembinaan Pengkalan Pukal Kering, Pembinaan Waf Dolphin, Pembinaan Waf 2100 kaki.

Seterusnya peruntukan sebanyak \$9,593,000 diperlukan untuk projek-projek Pelabuhan Pulau Pinang. Projek-projek ini juga merupakan projek-projek sambungan. Di antara projek-projek tersebut ialah seperti projek Jeti Minyak Kelapa Sawit, Kajian Peringkat III Pembangunan dan pembelian Feri dan Alat-alat Kelengkapan.

Selain daripada projek-projek yang disebutkan itu sejumlah \$2 juta diperuntukkan sebagai Anggaran Belanja Mengurus Lembaga Pelabuhan Kuantan.

Bagi projek-projek pembangunan pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia, sejumlah \$11,543,217 ialah peruntukan secara langsung. Jumlah yang terbesar ialah projek Pelabuhan Kuantan sebanyak \$4,690,000 diuntukkan bagi kerja-kerja jalan, pembayaran Juru Perunding dan pembelian alat-alat dan kelengkapan. Untuk projek Pelabuhan Johor pula sebanyak \$6,790,000 diuntukkan bagi kerja-kerja permulaan peringkat kedua pembersaran pelabuhan ini yang meliputi bayaran kemajuan untuk kerja-kerja pembinaan.

Di antara projek pembangunan Pelabuhan-pelabuhan di Sarawak, Pelabuhan Bintulu diuntukkan sejumlah yang terbesar sekali di bawah peruntukan pelabuhan iaitu sebanyak \$165,077,000. Pelabuhan ini bertujuan untuk digunakan oleh Kapal Gas Cair dan lain-lain kapal biasa, dan akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden untuk dijadikan pusat import dan eksport di Bintulu. Daripada jumlah yang dikehendaki untuk tahun 1980 ialah bagi pembayaran perunding, bayaran kemajuan kontrek dan lain-lain. Bagi projek pelabuhan di Sabah sebanyak \$2,729,000 diuntukkan bagi Jeti Teluk Spangar. Peruntukan ini ialah untuk pembayaran kerja-kerja kemajuan projek tersebut seperti kerja jalan, elektrik, bekalan air dan lain-lain.

Jumlah yang diperuntukkan untuk projek-projek Keretapi Tanah Melayu dalam tahun 1980 ialah sebanyak \$133,378,000. Di antara projek-projek tersebut ada dua projek baru yang akan mula dilaksanakan dalam tahun 1980. Bagi projek pertama sejumlah \$4.8 juta telah diperuntukkan untuk pembelian lima

belas (15) koc-koc baru. Koc-koc ini akan digunakan untuk menampung dan meninggikan taraf perkhidmatan ekspres. Seterusnya satu jumlah sebanyak \$7.95 juta diperlukan untuk projek Gerabak-gerabak dan rangka bawah (under frames). Peruntukan ini ialah untuk pembelian 132 buah Rangka Bawah bagi membina gerabak-gerabak. Gerabak-gerabak ini bagi tujuan untuk mengangkut simen, minyak petroleum dan kontena-kontena.

Selain daripada dua projek baru di atas bagi projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 1980 ialah projek-projek sambungan (continuation projects). Di antara projek terbesar ialah di bawah projek-projek Pemulihan (Rehabilitation Projects) sebanyak \$40 juta diperlukan dalam tahun 1980. Dari segi pengalaman operasi pihak Keretapi Tanah Melayu menghadapi masalah bagi trek di antara Kuala Lumpur dan Kajang yang telah sampai ke peringkat "Saturation Point". Oleh itu adalah dicadangkan untuk membina "Dual Track" di antara Seremban dan Rawang. Satu peruntukan telah diuntukkan bagi tujuan ini. Di samping itu juga daripada peruntukan ini sebanyak \$2 juta diuntukkan bagi memanjangkan "rail link" daripada Pasir Gudang ke Malaysia Shipyard dan \$2 juta untuk kemudahan rail di Gua Musang. Manakala di bawah projek sambungan rel ke Pelabuhan Johor sedang dijalankan dan peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$15 juta. Juga di bawah peruntukan pembaharuan landasan (track renewal) sepanjang 50 batu telah dilaksanakan dan dalam tahun 1980 sejumlah \$21,599,000 diperlukan bagi projek ini. Di bawah projek menambah kelajuan keretapi pula sebanyak \$13.145 juta diperlukan untuk memperbaiki "railway track", "smoothing curves", baiki parit, "widening cutting and improving level crossings".

*P. 55—Jabatan Laut*

Mengenai Anggaran Pembangunan Jabatan Laut pula, Kementerian saya akan terus menentukan dan bertanggungjawab atas perjalanan dan pengangkutan laut di kawasan perairan Malaysia, memberikan perkhidmatan lanci dan kapal korek. Untuk tahun 1980 Jabatan Laut Semenanjung Malaysia diperuntukkan sejumlah \$2,648,630 bagi membiayai perbelanjaan projek-projek yang telah dimulakan seperti pembinaan lanci-lanci, kapal korek, bangunan-bangunan pejabat, rumah kediaman kakitangan dan jeti. Sebagai mengikut perkembangan, Jabatan Laut telah

mengujudkan satu aktiviti baru iaitu aktiviti Mengawal dan Mencegah Pencemaran Minyak. Objektif aktiviti ini ialah untuk mengawal tumpahan minyak di Selat Melaka dan seluruh pantai Semenanjung Malaysia. Dalam aspek ini Jabatan Laut akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Jabatan ini akan bertanggungjawab sebagai penyelarasan dan perlaksanaan.

*P. 56—Jabatan Laut Sarawak dan Sabah*

Manakala di bawah P. 56 bagi Anggaran Pembangunan Jabatan Laut Sarawak dan Sabah sebanyak \$8,362,690 diuntukkan dalam tahun 1980. Walaupun pada masa ini, perkhidmatan darat seperti jalanraya sedang pesat dibina tetapi perkhidmatan pengangkutan laut adalah sangat penting sebagai satu sistem pengangkutan yang utama. Oleh itu Kementerian saya akan terus menggiatkan lagi usaha untuk memajukan perkhidmatan pengangkutan di Sarawak dan Sabah. Peruntukan di bawah projek ini termasuklah perbelanjaan pembinaan bangunan, pembelian alat-alat untuk worksyop dan alat-alat lampu isyarat dan rumah-rumah kediaman rasmi.

*P. 57—Jabatan Penerbangan Awam*

Kementerian saya akan terus berusaha untuk memperbaiki dan meninggikan lagi taraf perkhidmatan penerbangan awam dengan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan serta memodenkan lapangan-lapangan terbang. Jumlah peruntukan bagi tahun 1980 ialah sebanyak \$79,201,887 dan sebahagian besar daripada peruntukan tersebut adalah untuk projek-projek sambungan. Di antara projek-projek ini termasuklah projek Pembinaan Bangunan Kargo baru di Lapanganterbang Pulau Pinang, pembinaan serta sambungan kerja-kerja memperbaiki terhadap bangunan Terminal di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kawasan letak Kapalterbang juga diperluaskan lagi seluas 30 ekar, Pembinaan Bangunan Terminal dan Balai Bomba baru di Alor Setar dan Melaka, Pembinaan Bangunan Terminal baru dan memanjangkan landasan Lapanganterbang Kuala Trengganu, Pembaharuan dan pemodenan latihan berhubung dengan Pemaliman Udara, Memperelokkan lagi landasan terbang kecil di seluruh Semenanjung Malaysia seperti di Pantai Timur, Segamat dan Pulau Langkawi.

Selain daripada projek-projek sambungan ini, Kementerian saya juga akan melaksanakan projek-projek baru dalam tahun 1980.

Projek-projek tersebut adalah seperti pembinaan dua buah "hanger" di Lapangan-terbang Senai bagi mengadakan kemudahan penyelenggaraan penerbangan. Dengan tujuan Kerajaan untuk menjadikan Lapangan-terbang Senai tersebut sebagai pusat kargo di rantau ini, maka landasannya akan dipanjangkan kepada 11,000 kaki  $\times$  150 kaki. Selain dari itu, bangunan terminal dan alat-alat bantuan pemodenan untuk pembangunan Lapangan-terbang Kota Bharu akan diadakan bagi menggalakkan pertumbuhan negeri-negeri di Pantai Timor; dan seterusnya pembelian alat-alat kelengkapan latihan dan pembinaan college latihan penerbangan awam.

*P. 60—Jabatan Pengangkutan Jalan*

Berhubung dengan perkhidmatan pengangkutan jalan, jumlah yang dikehendaki dalam tahun 1980 ialah \$1,996,842 untuk projek pembangunannya. Kementerian saya akan terus berusaha memperbaiki lagi mutu perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan. Proses ini sedang dilaksanakan melalui menambahkan lagi kakitangan Jabatan ini, menganjur kursus-kursus untuk kakitangan serta menitik beratkan soal disiplin kepada pegawai dan kakitangan. Ini adalah disebabkan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sebuah Jabatan yang memberi perkhidmatan terus menerus kepada rakyat. Oleh yang demikian jentera pentadbiran serta mutu perkhidmatan Jabatan ini akan terus dibaiki dari masa ke semasa.

Peruntukan sebanyak \$1,996,842 itu adalah untuk membiayai projek-projek sambungan. Di antaranya projek-projek sambungan itu ialah projek Bangunan Baru untuk Pejabat Pengangkutan Jalan, Kelantan \$300,000. Bangunan baru untuk Pejabat Pengangkutan Jalan, Cawangan Teluk Anson \$140,000 dan Bangunan baru Pejabat Pengangkutan Jalan Melaka \$300,000. Di Samping itu, Kementerian saya sedang berusaha mencari tanah untuk pejabat-pejabat baru seperti di Bentong, Kelang dan Wilayah Persekutuan. Bagi mendekati lagi perkhidmatan Jabatan ini kepada rakyat dan mengelakkan kesulitan kepada mereka, beberapa buah pejabat kecil akan diadakan seperti di Batu Pahat, Taiping, Kuala Kubu Bahru dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan belanja mengurus bagi tahun 1980 bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawahnya, di bawah maksud B. 54 hingga B. 60 ber-

jumlah \$56,493,410 diluluskan. Saya juga mohon mencadangkan bahawa peruntukan belanja Pembangunan bagi maksud P. 54 hingga P. 60 sebanyak \$507,429,631 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Anggaran Pembangunan itu tidak sebahagian Jadual tidak ada dalam Jadual. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Jadual hanya Maksud Bekalan sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan untuk Bekalan Maksud B. 54 dan termasuk B. 60 dan Anggaran Pembangunan P. 54 hingga dan termasuk P. 60 di bawah Kementerian Pengangkutan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*7.05 mlm.*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya suka membahaskan dalam peruntukan Kementerian Pengangkutan ini di dalam B. 60 Aktiviti (5)—Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu. Di dalam bahagian ini telah diperuntukkan sebanyak \$3,444,400 didapati per-tambahan sebanyak \$657,800.

Apa yang saya hendak sentuhkan di sini ialah sekarang ini untuk mendapatkan satu lesen L telah dikenakan satu ujian statik ataupun ujian berkenaan undang-undang highway (highway code) yang mempunyai soalan-soalan yang berbeza antara satu-satu Pejabat RIMV itu dengan RIMV yang lain.

Misalnya, kalau seseorang hendak mendapatkan lesen L di Kota Bharu mungkin soalan yang disoalnya berlainan dengan hendak mendapatkan lesen "L" di Pejabat RIMV Kuala Lumpur atau di Petaling Jaya dan soalan-soalan yang ada itu semuanya tidak selaras dan tidak sama. Jadi untuk memudahkan bagi mereka mendapat lesen L (lesen memandu provisional) ini, maka tidaklah soalan-soalan yang akan disoal itu terserah kepada kehendak atau selera pegawai penguji itu sahaja. Saya berharap supaya soalan-soalan di antara tiap-tiap Pejabat RIMV di Malaysia ini hendaklah soalnya mempunyai satu format ataupun mempunyai satu soalan yang sama ataupun lebih kurang sama, tidaklah mengikut selera penguji. Kerana tidaklah berlaku seseorang menyoal banyak atau sedikit soalan mengikut terlintas dihati penguji sahaja.

Satu lagi untuk menunggu ujian statik bagi mendapat lesen "L" ini setengah-setengahnya kadang-kadang mengambil masa selama tiga bulan. Misalnya, di Kota Bharu. Ini adalah terlampau lama bagi mereka untuk hendak mendapat lesen pemandu provisional. Selepas itu dia terpaksa menunggu pula tiga bulan untuk mendapat ujian yang betul. Bermakna seseorang pemandu itu hendak mendapat lesen yang sebenarnya akan memakan masa selama enam bulan. Jadi saya meminta supaya masa untuk mendapat lesen L yang pertama iaitu bagi ujian statik itu jangan mengambil masa selama tiga bulan, tetapi biarlah mengambil masa dalam dua atau tiga minggu sahaja supaya tidak begitu lama pemandu-pemandu ini untuk mendapat hanya lesen L sahaja bagi membuat latihan memandu. Kerana kalau sekiranya tidak dapat dijalankan dalam masa seminggu atau dua minggu bermaknalah di Pejabat Pengangkutan Jalan ini kekurangan pegawai. Kalau kekurangan pegawai maka seharusnya pegawai-pegawai ditambah kerana sekurang-kurangnya tidak akan menyusahkan rakyat yang hendak mendapatkan lesen pemandu provisional iaitu lesen L. Ini juga mungkin akan dapat diatasi, sekiranya pegawai telah cukup, mungkin kecekapannya hendak ditambahkan lagi supaya lebih baik dan memudahkan rakyat ataupun pemandu-pemandu yang hendak mendapat lesen provisional.

Selain daripada itu, saya suka menyentuhkan bahagian B. 60 Aktiviti (6)—Pelesenan Perdagangan dan (7)—Penguatkuasa. Kedua-dua peruntukan ini dalam bahagian Pelesenan dan Perdagangan sebanyak \$1,252,200. Ini juga menerima tambahan sebanyak \$59,600 dan di dalam Bahagian Penguatkuasa bahagian ini mendapat \$2,578,000. Ini juga menerima tambahan sebanyak \$1,045,300. Ini bermakna dalam Bahagian ini patut mempunyai satu cara yang lebih baik yang boleh memberi kebaikan kepada pihak-pihak yang bersangkutan dengannya.

Di dalam penurunan cukai jalan kereta-kereta yang digunakan untuk pengangkutan awam dan juga teksi, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini telah mendapat sanjungan dan teringat kasih daripada pihak pemandu teksi, tetapi satu lagi masalah timbul ialah masalah motokar yang umurnya lebih daripada 10 tahun yang tidak boleh lagi dijadikan teksi. Hasrat ini memang baik dan saya menyokong

kerana sekurang-kurangnya untuk mengurangkan kereta-kereta buruk dan juga menjaga keselamatan penumpang-penumpang. Tetapi yang menjadi rungutan kepada drebar teksi ini ialah kereta jenis baik, jenis Mercedes. Memang kereta ini dapat diakui baik keadaannya (condition) walaupun umurnya lebih daripada 10 tahun, kadang-kadang bukan sahaja bodinya dapat ditukar tetapi enjinnya pun dapat ditukar dengan yang baru. Jadi, sekarang ini saya menerima rungutan bahawa motokar ini dalam keadaan yang baik tetapi sudah tidak lagi dapat diperbarui lesen teksi kerana umurnya yang melebihi 10 tahun. Jadi dengan keadaan ini saya mencadangkan atau meminta supaya pejabat ini dapat melebihi masa 10 tahun bagi motokar jenis baik, seperti jenis Mercedes ini boleh digunakan dengan baik walaupun 20 tahun dengan syarat motokar itu diuji ataupun selepas 10 tahun motokar itu mesti diuji 6 bulan sekali ataupun setahun sekali supaya motokar itu berada dalam keadaan yang baik.

Saya rasa selain daripada jenis itu (saya bukan hendak kempen jenis Mercedes)—iaitu lain daripada Mercedes mungkin selepas 10 tahun keadaannya kurang baik, tetapi kalau jenis Mercedes, tambahan pula Mercedes yang model baru itu saya rasa 10 tahun masih baru dan masih boleh digunakan. Sekarang ini untuk membuat teksi itu kalau kita hendak membeli satu Mercedes misalnya 240D model lama harganya masih \$30,000 tetapi apabila hendak dijadikan teksi, keadaannya tak boleh kerana motokar itu sekarang ini berumur dalam 4 atau 5 tahun, bermakna dalam masa 5 tahun lagi motokar itu sudah kondem tidak boleh digunakan lagi untuk dijadikan teksi.

Jadi kalau motokar Mercedes seperti itu patut dibenar atau dilebihkan daripada 10 tahun kerana motokar itu berada di dalam keadaan yang baik walaupun lebih daripada 10 tahun dan ini mungkin pihak Kementerian Pengangkutan akan dapat memberi pertimbangan. Walaupun perkara ini telah saya timbulkan dalam soalan saya beberapa kali pada masa dahulu bahawa lebih daripada 10 tahun dibenarkan dengan syarat motokar itu diuji atau enjinnya ditukar baru. Jadi walaupun begitu setengah-setengah tempat, misalnya, di Kota Bharu ada motokar yang tuannya telahpun terima surat mengatakan motokar itu ada masa setahun lagi digunakan untuk teksi, selepas itu akan ditarik balik

dan tidak boleh lagi digunakan untuk dijadikan teksi. Jadi perkara ini walau bagaimanapun saya harapkan pihak Kementerian akan dapat mengambil tindakan sewajarnya, dan ini tidak bermakna menyokong teksi yang terlampau buruk ada di jalanraya. Misalnya, saya boleh contohkan ada satu tokeh di Kota Bharu, yang dia ada 40 buah teksi di bandar Kota Bharu, saya tak payah sebut namanya, kereta yang berada dalam keadaan yang kurang menyenangkan, tetapi motokar itu dapat dijadikan teksi kerana dia daripada golongan tokeh. Saya tidak menuduh berlakunya rasuah, tetapi kemungkinan berlaku rasuah kerana motokar begitu buruk tetapi dapat diluluskan termasuklah lori dan kenderaan lain yang masih semua ada di jalanraya. Ini ada berlaku iaitu teksi yang terlampau buruk, yang amat buruk tetapi kepunyaan orang kaya masih ada di jalanraya.

Saya juga minta dalam menjalankan penguatkuasaan ini memang kita tidak dapat menafikan lagi bahawa rasuah juga berlaku melalui sekolah-sekolah drebar dan juga di dalam penguji kenderaan-kenderaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya satu spot check ataupun pemeriksaan mengejut diadakan sentiasa di dalam sebarang penguji drebar atau pemandu atau sebarang penguji kenderaan supaya pemandu-pemandu yang lulus itu benar-benar cekap dan berkelayakan untuk menerima lesen. Begitu juga kenderaan ataupun kereta-kereta yang diluluskan atau dibenarkan bergerak di atas jalanraya itu, benar-benar berada dalam keadaan yang baik kerana dengan secara mengadakan pemeriksaan mengejut atau spot check itu mungkin kita dapat mengurangkan berlakunya perkara yang tidak baik yang berlaku di antara tokeh-tokeh pengangkutan itu dengan pihak yang menjalankan tugas ujian itu.

Jadi, itulah dua perkara yang saya harap akan mendapat pertimbangan daripada pihak Kementerian Pengangkutan supaya perjalanan Jabatan itu akan lebih licin dan lebih baik. Saya menyokong peruntukan yang dipohon.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

7.18 m/m.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka merojok kepada Kepala B. 54 muka surat 445 Aktiviti (2) mengenai

Perancangan. Dalam aktiviti ini saya memperhatikan bahawa sejumlah \$340,000 telah diminta untuk tahun 1980 untuk kegiatan perancangan. Mengenai perkara ini saya suka menitik-beratkan tentang betapa mustahaknya negara kita mempunyai satu dasar pengangkutan kebangsaan. Oleh sebab nampaknya sehingga hari ini kita pun belum ada satu dasar pengangkutan kebangsaan (national transport policy) yang dapat membantu negara kita dan penduduk-penduduknya dalam segi dasar pengangkutan.

Saya suka mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada pihak Kementerian berkenaan supaya dapat merancang satu dasar pengangkutan kebangsaan dengan secepatnya yang boleh bagi tujuan membantu pembangunan ekonomi negara kita.

Yang kedua, saya suka menyentuh mengenai Aktiviti 3—Keselamatan Jalanraya. Saya lihat bahawa hanya \$50,000 diminta untuk diluluskan pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa jumlah yang diminta untuk diluluskan adalah tidak mencukupi, oleh kerana pada pandangan saya adalah sangat mustahak supaya Kementerian yang berkenaan atau pihak yang berkenaan dapat menitik-beratkan perkara keselamatan jalanraya, memandangkan bahawa tahun demi tahun kes-kes kematian ataupun kehilangan nyawa ada berlaku di jalanraya-jalanraya di negeri kita. Saya suka mengesyorkan di sini bahawa Kementerian patutlah memberi peruntukan kepada Jawatankuasa Keselamatan Jalanraya di tiap-tiap negeri membolehkan mereka mengadakan lebih banyak kempen berkaitan dengan keselamatan jalanraya.

Yang ketiga, saya suka menyentuh mengenai Kepala P. 60 Butiran (1) muka surat 489 mengenai Pejabat Baru dan Kemudahan-kemudahan untuk Jabatan Pengangkutan Jalan. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam ucapannya ada menyatakan bahawa sebanyak \$1.9 juta ada diminta untuk membiayai projek-projek pembangunan untuk tahun hadapan. Di sini saya menyentuh Jabatan Pendaftaran dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor. Pada masa sekarang kalau kita pergi ke pejabat-pejabat RIMV di tiap-tiap negeri di seluruh negara kita, kita akan dapat lihat orang ramai

yang penuh sesak di pejabat-pejabat RIMV atau berbaris di situ di samping penuh sesak dengan kenderaan masing-masing. Keadaan ini berlaku pada tiap-tiap hari apatah lagi bila sampai penghujung bulan orang ramai berpusu-pusu datang untuk membayar dan membaharui cukai jalan kenderaan mereka, membayar lesen memandu ataupun untuk ujian memandu dan berbagai-bagai lagi, ragam yang dapat kita lihat di Pejabat-pejabat RIMV di seluruh negara kita. Keadaan ini telah berlaku oleh sebab Jabatan RIMV hanya mempunyai satu pejabat sahaja di tiap-tiap negeri kecuali satu atau dua negeri yang ada mempunyai dua buah pejabat yang berasingan di daerah seperti Johor sedangkan pembayar-pembayar cukai dan orang yang bersangkutan dengan RIMV datang daripada beberapa daerah dalam sebuah negeri. Apa yang mendukacita ialah pejabat-pejabat RIMV ada nampaknya semakin hari semakin kecil kerana kadar pertambahan kenderaan yang banyak setiap hari dan orang ramai tidak dapat menampung keperluan lagi.

Sebagai satu contoh Pejabat RIMV di Wilayah Persekutuan yang terletakinya di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Pejabat itu mempunyai ruang pejabat yang sangat kecil yang tidak cukup luas dan apabila hari hujan bumbungan bocor dan oleh sebab ini meja dan fail-fail pun basah. Saya sendiri ada melihat keadaan itu berlaku di Pejabat RIMV di Kuala Lumpur dan juga kekurangan pula kakitangan sedangkan kerja-kerja bertimbun. Bagaimanakah dengan keadaan demikian Pejabat RIMV itu dapat menampung keperluan dan kemahuan orang ramai yang sentiasa berada di Pejabat RIMV itu untuk mendapat berbagai-bagai perkhidmatan.

Saya berpendapat bahawa untuk mengatasi kesesakan, kelewatan dan ketidakupayaan untuk memenuhi kehendak orangramai dalam sesatu masa, saya suka mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat membuka Pejabat-pejabat RIMV di peringkat daerah di setiap negeri. Dengan membuka pejabat RIMV di setiap daerah saya berpendapat bahawa beban kerja dapat dibahagikan mengikut daerah-daerah dan tidak lagi tertumpu kepada satu pejabat negeri sahaja. Misalnya satu contoh ialah negeri Selangor,

pada masa sekarang semua kegiatan tertumpu kepada Pejabat RIMV di Petaling Jaya. Saya berpendapat bahawa setiap pejabat daerah RIMV akan berupaya melaksanakannya atau menjalankan tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan dan orangramai tidak lagi perlu datang ke pejabat RIMV yang terletak jauh dari daerah mereka. Sudah sememangnya pembukaan pejabat-pejabat daerah RIMV akan memerlukan wang peruntukan yang banyak tetapi dengan pertambahan kutipan cukai dan hasil maka saya tidak nampak mengapa syor saya tidak dapat dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Bolehkah saya sambung esok?

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh sambung, 10 minit kepada seorang. Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka merujuk kepada masalah pembangunan pelabuhan. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah kontena di Port Kelang. Masalah kontena di Port Kelang tidak boleh dianggap sebagai masalah kecil lagi oleh kerana ianya telah timbul lebih dari 6 tahun. Pada permulaannya helah demi helah diberi ke atas masalah kontena, kemudiannya satu pihak membidas pihak lain kerana kesesakan dan kelewatan dalam pembahagian. Mesyuarat-mesyuarat telah diadakan dan yunit petugas telah ditubuhkan masalah nampaknya tidak juga berakhir kerana ini menjadi bertambah buruk lagi apabila Lembaga Pelabuhan Kelang mengena-kan bayaran stor ke atas pengimport-pengimport pada 15-3-79. Kontena Nasional ialah pengangkut tunggal semua kontena. Jika Kontena Nasional tidak boleh menyampaikan atau menyerahkan peti kontena kepada pengimport dan kalau banyak kelewatan ada berlaku pihak pengimport pula tidak boleh melantik pengangkut yang lain dan di masa yang sama mereka terpaksa membayar segala denda dan bayaran stor kerana kelewatan menyerahkan peti kontena.

Tuan Pengerusi, kelewatan penyerahan sesuatu peti kontena akan menyebabkan seorang pengimport terpaksa membayar bayaran stor dan denda sekurang-kurangnya

\$80.00 pada hari ke 8, setinggi-tingginya \$2,165.00 pada hari ke 20. Walaupun wakil telah dihantar berjumpa dengan Kontena Nasional untuk berbincang masalah ini, akan tetapi nampaknya masalah itu belum diatasi dan masih wujud.

**Tuan Pengerusi:** Cukup. Adakah Ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap?

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Gerik boleh bercakap, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 4hb Disember, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*